



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

Bil. 41 Selasa 24 November 2020

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	5)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2021	(Halaman	24)
<b>USUL-USUL:</b> Usul Anggaran Pembangunan 2021	(Halaman	24)

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 24 November 2020

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setiap pertanyaan oleh Yang Berhormat akan diperuntukkan masa selama satu minit dan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri diperuntukkan selama dua minit dengan tiada sebarang pertanyaan tambahan. Silakan Yang Berhormat Pontian, kemukakan pertanyaan dalam masa satu minit.

1. **Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menasihati SPB YDP Agong bagi mengisyiharkan darurat di DUN Bugaya dan Parlimen Gerik seperti di Parlimen Batu Sapi. Nyatakan rasional jika ianya ingin dilaksanakan dan jawapan berkenaan kekangan hak demokrasi pengundi untuk kawasan yang berkaitan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, apabila menyebut mengenai proklamasikan darurat, saya mohon izin untuk membaca peruntukan dalam Perlembagaan.

Perkara 150(1) berbunyi ‘*Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu proklamasikan darurat dengan membuat di dalamnya satu pengisyiharan yang bermaksud sedemikian’.*

Tuan Yang di-Pertua, apabila menyebut perkataan darurat, tidak ada tafsiran yang jelas di dalam Perlembagaan. Akan tetapi berdasarkan kepada kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah, sebagai contohnya kes Stephen Kalong Ningkan vs *Government of Malaysia* yang telah diputuskan oleh *Privy Council* pada tahun 1968.

Saya mohon izin untuk membaca dalam bahasa Inggeris, '*Although an emergency to be within the Article must be not only grave, but such as to threaten the security or economic life of the Federation or any part of it. The natural meaning of the words itself is capable of covering a very wide range of situations and occurrences including such diverse events as wars, famines, earthquake, flood, epidemics and the collapse of the civil government.*'

Seterusnya, apabila bercakap mengenai *satisfaction* dalam kes Teh Cheng Poh, satu kes *Privy Council*. Saya mohon izin untuk baca, '*the reference to his opinion or satisfaction is in reality a reference to the collective opinion or satisfaction of the Members of the Cabinet, or the opinion or satisfaction of a particular Minister to whom the Cabinet have delegated*'.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kerajaan pada hari ini telah berusaha sedaya upaya untuk membendung penularan COVID-19 di negara kita ini. Atas sebab itulah berpandukan kepada Perkara 150, Jemaah Menteri memutuskan untuk mengarahkan Perdana Menteri menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk mengisyiharkan sebahagian daripada Persekutuan iaitu Parlimen Batu Sapi supaya diisyiharkan darurat.

Tindakan yang sama juga akan dipertimbangkan dan dilaksanakan bagi DUN Bugaya dan Parlimen Gerik sekiranya berdasarkan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) ia berlandaskan sebagaimana di Batu Sapi. Antara masalah di Batu Sapi ialah didapati bahawa pematuhan garis panduan SOP yang ditetapkan oleh MKN kemungkinan besar tidak dapat dipatuhi dengan sepenuhnya. Masalah yang kedua, pelantikan petugas pilihan raya sehingga 6 November, daripada sepatutnya 837 orang petugas pilihan raya hanya 143 orang sahaja yang sanggup untuk bertugas.

Begitu juga Kementerian Kesihatan memaklumkan kekangan untuk menyediakan pegawai dan kakitangan kesihatan bagi mengendalikan pengundi-pengundi di Batu Sapi yang berjumlah lebih daripada 32,000 orang. Atas dasar itu, kerajaan berpendapat pengisyiharan darurat adalah sangat tepat dan langkah yang diambil oleh Yang di-Pertuan Agong adalah amat bertepatan dengan Perlumbagaan, ia bukan sekali-kali satu tindakan yang bercanggah dengan amalan demokrasi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kulai.

2. **Puan Teo Nie Ching [Kulai]** minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan keberkesanan TV Pendidikan, jumlah murid dan pelajar yang mengikuti program TV Pendidikan, dan sama ada KPM ada rancangan untuk menambah masa siaran TV Pendidikan.

**Menteri Kanan Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. TV Pendidikan merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk memperluaskan kebolehcapaian sumber pendidikan, terutamanya untuk murid di kawasan luar bandar dan pedalaman yang tidak mempunyai akses internet atau peranti.

#### ■1010

Ini bagi membolehkan mereka dapat terus mengikuti pembelajaran di rumah. Bagi memastikan keberkesanan video pendidikan dalam pembelajaran, setiap video yang hendak dihasilkan akan melalui proses kawalan kualiti yang ketat. Antaranya, penglibatan guru pakar mata pelajaran dan guru cemerlang dalam penyediaan skrip serta penyampaian video. Ini bertujuan untuk memastikan video yang dihasilkan selaras dengan keperluan kurikulum mata pelajaran tersebut.

Selain daripada itu, video yang dihasilkan perlu menggunakan standard penyiaran antarabangsa untuk menjaga kualiti teknikal video yang diterbitkan. Akhir sekali video ini perlu melalui satu lagi proses kawalan kualiti di stesen TV berkenaan. Setelah TV Pendidikan diperkenalkan semula secara *terrestrial* di saluran TV Okey selama dua jam sehari mulai 6 April 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan satu tinjauan mulai 17 April 2020 sehingga 19 April 2020. Tinjauan ini bertujuan untuk melihat penerimaan dan keberkesanan penggunaan TV Pendidikan dalam kalangan murid, guru serta ibu bapa dan penjaga di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Tinjauan ini meliputi 600 buah sekolah, 12,506 orang murid, 17,665 orang guru dan 14,786 orang ibu bapa atau penjaga di lapan buah negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Tinjauan ini mendapati Rancangan TV Pendidikan disambut baik oleh murid, guru dan ibu bapa. Seramai 96.4 peratus murid bersetuju supaya slot TV Pendidikan ditambah.

Selain itu, 98.7 peratus murid, 98 peratus guru dan 96 peratus ibu bapa atau penjaga bersetuju agar tempoh rancangan TV Pendidikan dilanjutkan selepas tamat PKP. Tinjauan juga mendapati bahawa 96 peratus guru berpandangan kandungan TV Pendidikan adalah selari dengan buku teks. Selain daripada itu, 89 peratus ibu bapa dan penjaga berpandangan bahawa TV Pendidikan dapat menarik minat belajar anak mereka.

Berdasarkan dapatan ini, KPM telah menambah masa siaran TV Pendidikan selama empat jam lagi di Tutor TV Astro mulai 4 Mei 2020. Terkini, pada 23 November 2020, KPM telah memulakan siaran TV Pendidikan selama tiga jam di saluran NTV7.

Ini menjadikan keseluruhan siaran TV Pendidikan adalah selama sembilan jam sehari. Laporan capaian tontonan TV Pendidikan pula menunjukkan bahawa jumlah tontonan secara kumulatif di TV Okey sejak mula disiarkan pada 6 April 2020 adalah sebanyak 1.8 juta tontonan. Manakala, jumlah tontonan di saluran TV Astro mulai 4 Mei 2020 adalah sebanyak 5.4 juta tontonan.

Laporan ini menunjukkan bahawa TV Pendidikan telah membantu untuk meningkatkan akses murid kepada bahan pembelajaran, seterusnya meningkatkan penguasaan pengetahuan dalam kalangan mereka. Keberkesanan TV Pendidikan adalah dilihat dalam konteks perluasan kebolehcapaian terutamanya oleh murid-murid di kawasan yang tidak mempunyai akses talian internet atau murid yang tidak mempunyai peranti. Sekian, terima kasih.

**3. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta Menteri Kesihatan menyatakan pelan kementerian untuk '*regulate*' trend kelahiran menggunakan khidmat doula di Malaysia untuk memastikan tiada peningkatan kadar kelahiran yang tidak selamat dan juga kematian ibu atau anak yang dapat dielakkan.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Tuan Yang di-Pertua, doula merupakan peneman wanita hamil sepanjang proses melahirkan dan berpantang. Bukan berfungsi sebagai penasihat atau memberi khidmat perubatan, sebaliknya hanya membantu wanita hamil dan selepas bersalin mengharungi cabaran menjaga bayi. Tugas mereka ada batasnya iaitu memberi sokongan kepada wanita hamil ketika bersalin dan berpantang daripada aspek mental dan fizikal serta emosi sahaja.

Di Malaysia, pada masa ini doula adalah tidak berdaftar dengan mana-mana pertubuhan. Latihan serta perkhidmatan yang mereka berikan juga tidak jelas. Sekiranya mereka ingin memberikan perkhidmatan sebagai peneman, mereka harus melalui latihan dan mempunyai garis panduan serta polisi yang perlu dipatuhi. Seseorang doula dilarang memberi khidmat perubatan atau nasihat berkaitan *pro natural birthing* atau *gentle birthing*.

Kumpulan doula atau bidan tanpa pengiktirafan adalah bukan jururawat kebidanan kerana mereka tidak berdaftar di bawah Akta Bidan 1966 [Akta 436]. Seksyen 14(1) akta tersebut memperuntukkan '*mana-mana individu yang mengamalkan amalan perbidanan tanpa pendaftaran mengikut akta itu adalah melakukan kesalahan yang boleh dikenakan denda RM2,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan*'.

Kementerian Kesihatan telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kelahiran selamat antaranya:

- (i) mengedarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bertajuk “*Langkah-Langkah Bagi Mempertingkatkan Usaha Untuk Mengurangkan Kelahiran Tidak Selamat*” pada 13 Mac 2014;
- (ii) bagi kes-kes berisiko rendah yang memilih untuk bersalin di rumah, semua anggota terlibat diarah untuk mengendalikan ibu mengikut garis panduan pengurusan ibu hamil yang memilih untuk bersalin di rumah dan garis panduan senarai semak mengikut sistem kod warna penjagaan kesihatan ibu dan bayi Kementerian Kesihatan. Kehadiran anggota kesihatan yang terlatih adalah diperlukan untuk kelahiran di rumah termasuk untuk kes berisiko rendah. Ini supaya anggota kesihatan tersebut dapat segera bertindak memberi bantuan kecemasan jika terdapat sebarang komplikasi yang mungkin timbul terhadap bayi dan ibu semasa atau selepas kelahiran;
- (iii) semenjak tahun 2012, komponen *mother friendly care* telah dimasukkan dalam inisiatif Hospital Rakan Bayi iaitu *Baby Friendly Hospital Initiative*, dengan izin iaitu ia terdapat elemen menggalakkan ibu untuk mempunyai teman yang boleh bersama sepanjang proses kelahiran untuk memberi sokongan emosi dan fizikal sewaktu melahirkan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini, terima kasih.

**[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Nik Mohamad Abdur bin Nik Abdul Aziz [Bachok]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan status terkini pembinaan tiga kapal induk APMM yang akan digunakan bagi meningkatkan pengoperasian di perairan negara dalam usaha mencegah aktiviti pencerobohan bot nelayan asing.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana sentiasa mengambil berat terhadap agensi keselamatan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga pertengahan bulan Oktober 2020, tahap pembinaan ketiga-tiga kapal keseluruhannya mencapai tahap 70.9 peratus. Penyerahan ketiga-tiga kapal akan dilaksanakan secara berperingkat bermula pada tahun 2021 dan *insya-Allah* akan selesai sepenuhnya pada pertengahan tahun 2022. Terima kasih.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya harap ia dapat dilaksanakan pada masa yang tepat *insya-Allah*. Penggunaan kapal induk ini merupakan satu langkah yang sangat penting bagi membantu pihak penguatkuasaan Maritim Malaysia, khususnya dalam membantu operasi di perairan negara yang kerap kali dicerobohi oleh bot nelayan asing. Kita sedar bahawa negara kita kerugian antara RM3 bilion hingga RM6 bilion setahun disebabkan oleh eksplorasi sumber perikanan negara.

Malah lebih membimbangkan rompakan terhadap hasil laut itu yang menggunakan peralatan tangkapan yang tidak dibenarkan akan turut menjelaskan ekosistem terumbu, rumpai dan kehidupan laut yang sudah pasti akan mengancam malah membunuh kelestarian hidupan laut negara kita.

Saya ingin mendapatkan penjelasan pihak kementerian dengan peningkatan kes-kes pencerobohan bot-bot nelayan asing sejak kebelakangan ini. Sejauh manakah penguatkuasaan undang-undang baharu yang telah kita pinda iaitu Akta Perikanan pada tahun lepas berkesan ke atas pencegahan terhadap peningkatan kes-kes pencerobohan tersebut? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita sedar bahawa aset-aset kita di bawah maritim ini perlu kita tingkatkan daripada segi keupayaan untuk menguatkuasakan perairan negara kita terutama sekali keselamatan nelayan-nelayan.

## ■1020

Memang kita selama ini menggunakan Akta Perikanan di dalam kawasan zon maritim Malaysia. Setakat ini kita telah membuat tangkapan— atau sejumlah 476 kes telah disiasat di bawah Akta Perikanan (Pindaan) 2019. Kita sangat mengalu-alukan langkah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk membuat pindaan supaya undang-undang ini dapat kita perketatkan dan kita mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap nelayan-nelayan asing. Terima kasih.

2. **Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membantu pekerja-pekerja yang telah pun secara rata-ratanya diberhentikan kerja (*retrenched*) sebelumnya yang telah dilaporkan secara meluas dalam media massa baru-baru ini.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah pemberhentian pekerja dan pengeciran operasi oleh syarikat merupakan satu fenomena global. Malaysia tidak terkecuali, malahan turut terkesan. Kementerian Sumber Manusia cukup memahami dan prihatin dengan permasalahan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja serta-merta, mereka akan dibantu oleh Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) untuk mendapatkan bantuan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) sehingga enam bulan tertakluk kepada syarat kelayakan caruman. Bayaran elaun akan dibuat antara 80 hingga 30 peratus daripada gaji akhir di bawah had gaji RM4,000 sebulan.

Contohnya, dalam isu Malindo Air. Sehingga 15 November 2020, seramai 1,086 orang pekerja Malindo Air telah pun mengemukakan permohonan untuk mendapatkan bantuan faedah SIP. Daripada jumlah tersebut, seramai 749 orang penerima faedah telah menerima bantuan SIP berjumlah RM928,000. Baki pemohon masih dalam proses tindakan PERKESO. Selain itu, SIP juga menyediakan bantuan lain seperti Elaun Bekerja Semula Awal, Elaun Pendapatan Berkurangan, Elaun Latihan, Fi Latihan dan Faedah Bantuan Pencarian Pekerjaan.

Pada masa yang sama, pekerja yang telah diberhentikan kerja, mereka boleh mendaftar dengan portal *MYFutureJobs* iaitu portal pekerjaan yang membantu mereka mendapatkan pekerjaan. Dalam kes Malindo Air, seramai 96 orang bekas pekerja telah berjaya ditempatkan semula dalam pekerjaan baharu melalui portal ini. Proses untuk membuat permohonan dan carian pekerjaan untuk bekas pekerja Malindo Air sedang giat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, Kementerian Sumber Manusia Berhad melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) atau HRDF mempunyai pelbagai inisiatif di bawah Penjana HRDF yang dapat membantu pekerja yang telah hilang pekerjaan atau yang mungkin akan hilang pekerjaan. Kementerian melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melaksanakan Skim *Place and Train* di bawah inisiatif Penjana HRDF.

Kementerian tidak memandang ringan berhubung aspek penempatan pelatih dalam pekerjaan yang dijanjikan. Pengesahan daripada peringkat awal telah turut dilakukan oleh kementerian sejurus pelatih tersebut menamatkan latihan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Bukit Gelugor, soalan tambahan.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya nak minta Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan penjelasan yang telah pun diberikan. Bagaimana pula kerajaan bercadang untuk membantu mereka yang telah pun *diretrenched* ini dari segi sekiranya moratorium untuk pembayaran balik *loans* dan sebagainya tidak dilanjutkan dalam masa yang wajar? Adakah kita mempunyai pelan untuk membantu golongan ini yang amat terjejas daripada tindakan tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri. Satu minit.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan beliau terhadap golongan yang terkesan.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Golongan ini perlu diberikan perhatian. Walau bagaimanapun, dari segi moratorium, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan masih sedang mengkaji dan meneliti supaya kita memperhalusi kedudukan ini. Moratorium ini kita tidak boleh bagi untuk semua sektor. Dalam keadaan kelembapan ekonomi dan krisis kesihatan ini, ada juga sektor-sektor yang begitu berjaya. Maka, kerajaan khususnya Kementerian Kewangan sedang mengkaji dan memperhalusi pendekatan baharu.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Dato' Haji Salim Sharif, Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.*  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Sektor makanan perlukan perhatian,*

*Agar bekalan sentiasa mencukupi,*

*Soalan tiga perlukan penjelasan,*

*Mohon jawapan Yang Berhormat Menteri.*

3. **Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan hala tuju baharu bagi mentransformasikan sektor pertanian negara agar dapat meningkatkan tahap sara diri (SSL), seterusnya menjadi pengeksport keluaran pertanian terbesar di peringkat global.

**Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:**

Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Antara wakil rakyat di Dewan ini yang banyak bertanya tentang kementerian ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengutamakan agenda transformasi dan pemodenan sektor pertanian negara sebagai usaha meningkatkan tahap sara diri, eksport pertanian, pendapatan petani dan sumbangan sektor pertanian terutamanya agromakanan kepada ekonomi negara.

Dalam perancangan Rancangan Malaysia Ke-12 untuk tempoh lima tahun akan datang, MAFI telah mengenal pasti beberapa hala tuju baharu yang akan diterajui dalam sektor pertanian termasuk industri padi, tanaman, ternakan dan perikanan seperti berikut:

- (i) mengoptimumkan penggunaan tanah, meningkatkan aplikasi teknologi moden dan membangunkan *variety* yang berkualiti bagi industri padi;
- (ii) membangunkan komoditi sayur-sayuran dan buah-buahan yang bernilai tinggi untuk tujuan domestik dan eksport bagi industri tanaman;
- (iii) meningkatkan pengeluaran daging dan susu melalui penubuhan Lembaga Ruminan Negara bagi industri ternakan; dan
- (iv) memperkuuh pengurusan dan penguatkuasaan serta menambah baik infrastruktur dan kemudahan bagi industri perikanan.

Hala tuju tersebut di atas akan disokong dengan teknologi, kewangan dan sumber tenaga manusia bagi mengukuhkan rantai nilai sektor agromakanan untuk meningkatkan SSL negara khususnya beras sebanyak 75 peratus, sayur-sayuran sebanyak 70 peratus, daging sebanyak 50 peratus menjelang tahun 2025.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, usaha yang berterusan akan sentiasa dilaksanakan bagi memperkuuhkan negara sebagai pengeksport utama agromakanan yang kompetitif di peringkat antarabangsa. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Sila Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang cukup tepat dan membela nasib petani dan juga pastikan bekalan makanan mencukupi.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, tanaman tembakai, betik, tomato, terung, tebu, bayam berjaya merekodkan tahap sara diri SSL melebihi 100 peratus. Namun, beberapa tanaman lain termasuk ternakan merekodkan SSL yang rendah dan tidak cukup bagi menampung keperluan domestik serta mencatatkan kadar kebergantungan import (IDR) yang tinggi. Antaranya:

Tanaman/Ternakan	Sara Diri	Import
Halia	16.2	84.3
Cili	30.8	73.6
Mangga	32.1	73.5
Kubis bulat	36.2	65.4
Daging kambing	12.1	87.9

Begitu juga daging lembu. Soalan saya. Sejauh manakah tahap keupayaan Dasar Sekuriti Makanan Negara yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi mampu untuk mengatasi kadar SSL, sara diri yang rendah bagi sesetengah tanaman serta ternakan di negara ini? Apakah jenis tanaman dan ternakan yang akan menjadi fokus utama berhubung isu SSL ini?

Mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Jempol. Data-data itu merupakan data-data yang sama yang diperoleh oleh MAFI. Sesungguhnya, kita maklum tentang pelbagai tanaman dan ternakan yang masih bergantung pada import daripada negara luar.

Untuk makluman Dewan ini, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri menumpu dua sektor penting dalam pengeluaran produk makanan iaitu beras dan juga ruminan. Kedua-dua sektor ini adalah merupakan sektor yang akan dilonjakkan, disasarkan lonjakan SSL yang lebih tinggi menjelang lima ke sepuluh tahun yang akan datang ini.

### ■1030

Untuk tujuan ini Yang Berhormat, Jawatankuasa Kabinet tersebut telah bersetuju untuk menubuhkan Lembaga Ruminan Negara yang sekarang ini dalam proses pembentukan bagi menumpukan usaha untuk meningkat dan memperkasakan sektor ruminan negara termasuk tenusu.

Begitu juga pengeluaran beras akan ditumpukan kepada jelapang-jelapang padi yang ada. Peningkatan dari segi penggunaan teknologi, varieti padi dan kesesuaian-kesesuaian yang penting akan dilibat serta. Begitu juga kawasan-kawasan yang di luar

jelapang padi akan dijadikan sebagai jelapang padi yang akan melibatkan kos yang tinggi.

Ini merupakan perancangan-perancangan jangka masa panjang kerajaan melalui Jawatankuasa Kabinet Sekuriti Makanan Negara bagi menjamin tahap SSL negara akan ditingkatkan terutama produk-produk makanan yang penting bagi rakyat Malaysia, sekian.

**4. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah ada perancangan yang lebih menyeluruh yang dilakukan oleh Kementerian bagi menggantikan balai-balai polis daerah dan juga pondok-pondok polis yang telah lama sama ada diganti baru atau diubah suai.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tampin. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa keperluan menaik taraf sesuatu fasiliti Polis Diraja Malaysia termasuk balai-balai polis dan pondok-pondok polis demi menjamin keselesaan dan keselamatan rakyat. Dari segi logistik dan fasiliti, KDN melalui PDRM memberikan keutamaan kepada kerja-kerja pembaikan dan naik taraf premis PDRM yang uzur dan lebih mendesak.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bagi pembangunan fizikal pada tahun 2019 di bawah belanja pembangunan KDN telah memperuntukkan sejumlah RM16,847,794 untuk PDRM melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan juga penyelenggaraan di 858 buah balai dan juga pondok polis di seluruh Malaysia.

Pada tahun 2020, tambahan sebanyak RM67.52 juta di bawah DE disalurkan KDN untuk pembaikan pejabat dan kuarters PDRM. Selain itu, peruntukan sebanyak RM50.17 juta juga telah diluluskan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi untuk pembaikan kecil dan penyelenggaraan bangunan fasiliti PDRM pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, PDRM telah mengenal pasti bangunan-bangunan lama yang telah usang untuk dibaiki dan dinaik taraf dengan menyenaraikan projek-projek tersebut dalam rancangan pelaksanaan program atau Pelan Strategik PDRM tahun 2015 hingga 2020.

Terdapat 54 projek yang telah disenaraikan, di mana lapan daripada 54 projek tersebut telah diluluskan. Manakala, baki sebanyak 46 projek yang belum diluluskan adalah melibatkan pelbagai kategori bangunan termasuk pembinaan balai dan perumahan di seluruh Malaysia.

PDRM sedang melakukan tindakan susulan untuk melaksanakan pembangunan baharu ini bagi bangunan-bangunan lama yang tidak ekonomik untuk dibaiki. Bangunan-bangunan yang dikenal pasti ini akan disenaraikan mengikut keutamaan

dalam *rolling plan*, Rancangan Malaysia Kedua Belas. Perancangan projek ini penting dalam usaha PDRM memenuhi keperluan dan meningkatkan imej serta tahap rasa selamat masyarakat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tampin, bagi IPD Tampin dan juga balai-balai di bawah pentadbiran Tampin sejumlah RM725 ribu telah disalurkan, bagi tahun 2019 sebanyak RM240 ribu dan bagi tahun 2020 sebanyak RM485 ribu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan tambahan, sila Yang Berhormat Tampin.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih, kepada Yang Berhormat Menteri dan jawapan yang agak lengkap. Cuma ada beberapa persoalan yang saya hendak timbulkan.

Pertama ialah apakah perkembangan pelan strategik lima tahun dalam menaik taraf IPK, ibu pejabat daerah ataupun balai-balai polis daerah? Apakah ia termasuk di Daerah Tampin?

Kedua, bagaimana pembinaan balai polis baru di kawasan-kawasan perumahan baru, umpamanya di Kedah?

Ketiga, sejauh mana rumah-rumah kediaman polis yang telah diuzur dipantau untuk diperbaiki? Akhir sekali, bagaimana kementerian memastikan setiap projek yang dilaksanakan bebas daripada ketirisan dan juga pembaziran? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Terima kasih, Yang Berhormat Tampin. Memang saya sebut tadi kita ada pelan strategik lima tahun sepanjang Rancangan Malaysia Kedua Belas. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas melalui pelan strategik PDRM ini, kita mempunyai sebanyak 103 tajuk yang melibatkan pembinaan IPK, pembinaan IPD dan juga pembinaan balai-balai polis.

Mengenai IPD Tampin, Yang Berhormat boleh berbincang dengan kita untuk kita bincang sejauh mana keperluan, sama ada itu keperluan yang mendesak atau kita boleh secara tahunan memberikan peruntukan untuk pembangunan atau penyelenggaraan dari segi pembinaan seperti amalan biasa.

Mengenai balai-balai polis di taman. Memang dahulu kita ada balai-balai polis komuniti dan kita akan melihat sejauh mana kesesuaian untuk kita meneruskan balai-balai komuniti dari segi status tanah dan juga kekangan perjawatan yang sedia. Terima kasih Yang Berhormat dan kita pastikan bahawa setiap pembinaan ini tidak ada ketirisan yang berlaku di bawah KDN dan juga PDRM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sekiranya pihak kementerian bercadang untuk membina tempat tinggal staf dan menyediakan Doktor Pakar Perubatan Keluarga di Klinik Kesihatan Sungai Asap.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Tuan Yang di-Pertua, Klinik Kesihatan Sungai Asap memberi perkhidmatan kesihatan dan rawatan kepada seramai 13,056 orang jumlah penduduk di kawasan operasinya. Perkhidmatan kesihatan yang disediakan di klinik kesihatan ini adalah perkhidmatan kesihatan ibu dan anak, pesakit luar iaitu *Outpatient Department* (OPD), farmasi, radiologi dan makmal. Klinik kesihatan ini juga menempatkan pusat kawalan malaria bagi Daerah Belaga.

Jumlah anggota kesihatan yang bertugas di fasiliti ini adalah seramai 73 anggota kesihatan yang terdiri daripada 41 anggota kesihatan klinik kesihatan dan 32 orang anggota kesihatan di pusat kawalan malaria. Buat masa ini, Klinik Kesihatan Sungai Asap mempunyai 23 buah kuarters yang menjadi kediaman bagi lebih 30 orang staf. Walau bagaimanapun, bilangan kuarters kakitangan ini masih tidak mencukupi.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang untuk membina kuarters kediaman tambahan di ruang tapak Klinik Kesihatan Sungai Asap sedia ada. Cadangan ini akan dimohon dalam Rancangan Malaysia Ke-12 akan datang.

Sehingga Jun 2020, sejumlah 520 orang pakar perubatan keluarga atau dipanggil FMS Kementerian Kesihatan Malaysia yang sedang berkhidmat di 326 klinik kesihatan di seluruh negara. Seramai 34 orang pakar keluarga sedang berkhidmat di 11 daerah di negeri Sarawak.

Dalam keadaan negara dilanda pandemik COVID-19 ini, terdapat perubahan sedikit kepada perancangan dan aktiviti yang telah dirancang termasuk peperiksaan akhir bagi program sarjana perubatan. Ini telah menyebabkan perancangan penempatan pegawai perubatan pakar ke klinik kesihatan yang dirancang juga tertunda.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan primer termasuk perkhidmatan kepakaran perubatan keluarga kepada pesakit dan masyarakat berterusan sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Perkhidmatan secara lawatan iaitu *visiting* dengan izin, secara berkala oleh anggota kesihatan termasuk pegawai perubatan dan pakar perubatan keluarga, klinik bergerak, pasukan doktor udara atau *flying doctor service* dan program kesihatan *outreach* dilaksanakan. Perkhidmatan lawatan doktor pakar perubatan keluarga secara berkala sekurang-kurang sekali sebulan turut diberikan mengikut keperluan dan keupayaan sumber sedia ada.

Buat masa ini, Klinik Kesihatan Sungai Asap mendapat perkhidmatan kepakaran perubatan dari Klinik Kesihatan Kapit yang dibuat secara lawatan sekurang-kurang dua kali sebulan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Menteri. Soalan tambahan, sila Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi saya mintalah, saya tahu yang pertama kekurangan kuarters untuk para doktor kita di Sungai Asap. Kedua, saya minta Yang Berhormat Menteri iaitu *at least* JUSA C khas untuk doktor pakar perubatan ditetapkan di klinik Sungai Asap ini.

■1040

Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri, kalau boleh ini, COVID-19 ini makin menular, saya minta bahagian Kapit sendiri mempunyai klinik pakar atau doktor pakar perubatan keluarga di Sungai Asap, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Memang menjadi keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia menyediakan doktor dan juga pakar-pakar di klinik kesihatan dewasa ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Klinik Kesihatan Sungai Asap terdapat lima orang doktor. Walau bagaimanapun, tidak terdapat seorang pun doktor pakar perubatan keluarga di situ. Walau bagaimanapun, doktor pakar kesihatan keluarga dari Daerah Kapit yang menyelia dan juga datang ke Klinik Kesihatan Sungai Asap sebulan dua kali dan untuk keperluan JUSA C Khas untuk klinik kesihatan kita akan pertimbangkan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang. Terima kasih.

*[Soalan No. 6 – YB. Tuan Awang Husaini bin Sahari (Putatan) tidak hadir]*

7. **Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah strategi dan hala tuju kementerian berkaitan import dan eksport negara bagi terus meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk melabur di Malaysia, khususnya di Sabah.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kimanis yang bertanyakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya strategi dan hala tuju Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berkaitan eksport dan import negara adalah yang pertama, meningkatkan eksport dan yang kedua, menggalakkan penggantian barang import.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh MITI menerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk meningkatkan eksport negara adalah seperti berikut:

- (i) membantu syarikat menjalankan promosi eksport dengan memperkuatkan geran pembangunan pasaran ataupun dengan izin, *Market Development Grant* (MDG) menerusi platform digital di mana MATRADE telah memperluaskan skop MDG untuk menampung kos penyertaan syarikat Malaysia di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa secara maya di dalam ataupun di luar negara dan juga menampung sehingga sejumlah 30 peratus kos logistik termasuk pengangkutan dan pergudangan bagi penghantaran produk ke luar negara. Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Oktober 2020, permohonan daripada sejumlah 1,250 syarikat telah diproses dengan geran sebanyak RM20.85 juta telah disalurkan;
- (ii) menyediakan pelbagai risikan pasaran untuk pengeksport yang boleh diakses secara atas talian menerusi perkhidmatan MyExport;
- (iii) melaksanakan padanan perniagaan antara pengimport luar negara dan pengeksport Malaysia melalui Program *eBizMatch*;
- (iv) menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menggunakan platform digital melalui Program *eTRADE*; dan
- (v) menggiatkan program-program pemerkasaan pengeksport melalui latihan pengeksport melalui kaedah *webinar*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan penggantian import pula, MATRADE melalui *Global Sourcing Programme*, dengan izin giat mendorong syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk membekalkan komponen kepada syarikat pengeluar di Malaysia termasuk syarikat multinasional dan kita juga menggalakkan syarikat tempatan meningkatkan akses pasaran global dengan integrasikan syarikat Malaysia ke rantai bekalan global dunia.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah bagi meningkatkan keyakinan pelabur asing:

- (i) untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing kita mewujudkan kerjasama yang erat di antara MITI dan juga agensi di bawahnya seperti MIDA dengan agensi-agensi di setiap negeri termasuk di Sabah di mana Sabah kita bekerjasama dengan

melalui Pejabat MITI Wilayah Sabah dan Pejabat MIDA Negeri Sabah dengan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah dan Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA);

- (ii) memperkenalkan pelbagai Skim Insentif Cukai dan Pelaburan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) untuk menarik pelabur asing ke Malaysia;
- (iii) memudahkan proses kelulusan dan mempercepatkan pelaksanaan projek melalui penubuhan unit *Project Acceleration and Coordination Unit (PACU)*;
- (iv) memberi kelulusan lesen pengilang tidak sensitif dalam tempoh dua hari melalui platform digital EML;
- (v) menujuhan *one stop centre (OSC)* untuk memudah cara urusan kemasukan pelawat perniagaan; dan
- (vi) mengadakan dialog dengan Kedutaan Pesuruhjaya Tinggi Asing, Dewan Perniagaan dan Persatuan Industri untuk mencari penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi oleh pelabur luar.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu. Hala tuju dan strategi yang telah dinyatakan tadi mudah-mudahan akan dapat meningkatkan keyakinan pelabur di Sabah oleh sebab kita berhadapan dengan fenomena global yang luar biasa, COVID-19. Pelaburan agak sedikit membimbangkan kita di Sabah itu.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa galakan cukai sedia ada bagi Sabah Development Corridor (SDC) dilanjutkan hingga tahun 2022, itu maklumat yang kita terima dan soalan saya apakah sektor pelaburan yang diberi tumpuan di Sabah dan khususnya di Kimanis barangkali kalau ada. Terima kasih.

**Datuk Lim Ban Hong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kimanis yang begitu prihatin terhadap kemajuan dan juga kehidupan rakyat Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat Kimanis, berkenaan dengan sektor pelaburan yang diberi tumpuan kita boleh berpandukan kepada projek *flagship* di bawah Sabah Development Corridor (SDC) yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi di mana ia merangkumi pelbagai *kluster* seperti berikut:

- (i) pelancongan dan ekonomi kreatif seperti reka bentuk produk, seni kraf, fesyen, aksesori;

- (ii) penternakan dan industri pembuatan yang berdasarkan daripada hasil ternakan; dan
- (iii) industri yang berdasarkan pertanian di mana lokasi pembangunan sektor ini adalah terletak di kawasan Yang Berhormat Kimanis dan juga di Papar di mana ia termasuk penghasilan produk halal, farmaseutikal dan biofarmaseutikal dan juga bioteknologi;
- (iv) industri berdasarkan kelapa sawit;
- (v) industri berdasarkan petroleum dan gas;
- (vi) industri hab pendidikan; dan yang terakhir
- (vii) dengan izin, *marine integrated cluster*.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini merupakan sektor-sektor pelaburan yang kita akan berikan tumpuan dan saya yakin dan percaya kerjasama yang erat di antara Sabah dan Kementerian MITI akan menghasilkan keputusan yang baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**8. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kementerian akan memberi keutamaan kepada pegawai perubatan yang berasal dari Sarawak untuk mengisi jawatan kosong lantikan tetap di hospital-hospital Sarawak pada masa depan dan apakah status terbaru bagi tawaran pelantikan kontrak memandangkan tawaran kontrak 6 bulan yang diamalkan mendapat kritikan daripada para pegawai perubatan (kontrak) selama ini.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sepertimana ketetapan Akta Perubatan 1971 hanya mempunyai obligasi untuk menyediakan penempatan bagi latihan siswazah atau khidmat wajib. Lantikan secara kontrak dibuat bagi membolehkan graduan diberi penempatan untuk tujuan pendedahan pengalaman menerusi latihan siswazah dan khidmat wajib tanpa tertakluk kepada perjawatan tetap.

Namun begitu, tertakluk kepada faktor kekosongan jawatan, pertimbangan pelantikan tetap dibuat secara berasingan dari semasa ke semasa. Mengambil kira pegawai memenuhi syarat pelantikan dan juga merit yang ditetapkan serta diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian untuk dilantik tetap.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberikan keutamaan kepada anak kelahiran Sarawak untuk mengisi jawatan kosong di fasiliti kesihatan di Sarawak. Sebagai contoh, daripada seramai 94 pegawai kohort tahun 2017, yang dilantik tetap dan ditempatkan di Sarawak pada April 2020, kesemua seramai 74 pegawai kelahiran Sarawak yang layak diperakukan dalam kohort tersebut telah dilantik secara tetap.

Berkenaan dengan status terbaru pelantikan secara kontrak, kerajaan pada September 2020 telah bersetuju meluluskan penyambungan kontrak secara *one-off* enam bulan lagi bagi sejumlah 79 pegawai perubatan yang mana mereka telah melengkapkan khidmat wajib sahaja kerana telah mengikuti latihan siswazah di luar negara. Kelulusan ini adalah tambahan kepada kontrak enam bulan sedia ada yang diberikan sebelum ini bagi menyokong usaha Kementerian Kesihatan Malaysia memastikan kesinambungan perkhidmatan serta membantu membendung penularan wabak COVID-19.

■1050

Penyambungan kontrak secara *one-off* ini mencerminkan keprihatinan kerajaan bagi membolehkan pegawai meneruskan penyampaian perkhidmatan serta masih mempunyai pekerjaan dalam situasi ekonomi yang mencabar pada masa ini. Penyambungan kontrak yang diberikan ini dibuat setelah mengambil kira faktor keupayaan kewangan kerajaan. Pada masa ini, kerajaan sedia ada melaksanakan pendekatan '*rightsizing*' melalui penyusunan semula perjawatan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan.

Selain itu, kerajaan telah mewujudkan jawatan tambahan di KKM sebanyak 10,675 jawatan secara berfasa bagi menampung keperluan di fasiliti baharu dan yang dinaiktarafkan yang masih belum dapat beroperasi sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Lanang soalan tambahan.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Isu yang paling penting adalah kekurangan doktor di kawasan pedalaman. Maka, soalan tambahan saya adalah adakah kementerian akan memberikan keutamaan untuk lantikan tetap kepada mereka yang telah berkhidmat di kawasan pedalaman untuk menggalakkan lebih banyak pegawai perubatan berkhidmat di kawasan pedalaman?

Adakah kementerian bercadang untuk memberi sekurang-kurangnya sebanyak 90 peratus lantikan tetap di hospital-hospital Sarawak kepada doktor dari Sarawak seperti yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan iaitu sasaran sebanyak 90 peratus guru tempatan di Sarawak. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri selama satu minit.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Kekurangan doktor di pedalaman dan juga di kawasan bandar mengikut unjuran iaitu nisbah doktor kepada penduduk kita laksanakan. Sekarang ini Malaysia mempunyai nisbah seramai satu ke 482 orang penduduk per doktor.

Untuk mencapai nisbah tersebut, kita memerlukan bilangan doktor yang melengkapkan latihan siswazah dan dilantik untuk berkhidmat wajib selama dua tahun sama ada mereka akan dilatih tetap ataupun secara kontrak. Walau bagaimanapun, keperluan untuk negeri Sabah memang diutamakan untuk anak kelahiran Sabah. Seperti contoh yang saya maklumkan tadi bahawa kesemua kohort 2017 yang kedua...

**Dr. Ong Kian Ming [Bangi]:** Sarawak lah, Menteri.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Sarawak, Sarawak. Bukan Sabah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** ...Kelahiran Sabah, Sarawak dilantik secara tetap dan telah— Di Sarawak dilantik secara tetap dan kita akan terus menerus membantu graduan-graduan yang lahir di Sarawak. Apabila mereka bermingat untuk kembali ke negeri Sarawak, kita beri keutamaan. Juga, sasaran kita untuk melengkapkan nisbah satu ke 450 orang penduduk perlu dicapai dan kita tengah berusaha ke arah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, Pasir Salak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan atau Timbalannya menjawab. Selama tiga minit.

**9. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan status Projek Pengairan IADA Sungai Manik dan pelan kementerian untuk menyiapkan projek pengairan tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam RMKe-11, MAFI telah, sedang dan akan melaksanakan beberapa projek untuk menaik taraf sistem pengairan dan saliran di Skim Pengairan Sungai Manik. Projek yang telah siap adalah kerja-kerja menaik taraf sistem tali air *tertier* 3B serta kerja-kerja berkaitan di Skim Pengairan Sungai Manik, IADA Seberang Perak dengan kos sebanyak RM6.3 juta dan Projek Menaik Taraf Sistem Saliran Pengairan Sungai Manik fasa 1, Daerah Hilir Perak dengan kos sebanyak RM1.66 juta.

Manakala, terdapat dua projek yang sedang dilaksanakan iaitu yang pertamanya Projek Menaik Taraf Tali Air Kedua di tali air 1, 2, 3, 4 dan 5 di Skim Pengairan Sungai Manik Daerah Hilir Perak dengan kos sebanyak RM29.65 juta yang melibatkan kerja-kerja menaik taraf tali air kedua sepanjang 25 kilometer. Keduanya,

kerja-kerja menaik taraf tali air *tertier* di Skim Pengairan Sungai Manik, IADA Seberang Perak dengan kos sebanyak RM8.16 juta sepanjang 13 kilometer.

Pihak MAFI sentiasa komited dalam memastikan setiap rancangan pembangunan akan disiapkan seperti yang dirancang. Akan tetapi, pihak MAFI juga menghadapi beberapa kekangan di luar bidang kuasa yang menyebabkan kelewatan sesuatu projek pembangunan. Antaranya ialah disebabkan oleh pandemik COVID-19, faktor cuaca, perubahan reka bentuk bagi menyesuaikan keadaan di tapak dan faktor aktiviti pertanian yang sedang dijalankan telah merencatkan pelaksanaan projek pembangunan.

Pihak MAFI juga akan membuat pemantauan secara berterusan terhadap projek ini dan pelan pemulihan yang dicadangkan oleh pihak kontraktor perlu dipatuhi. Sekiranya pihak kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh lanjutan kontrak yang telah diluluskan tanpa alasan yang kukuh, pihak MAFI akan meneliti dan tidak teragak-agak untuk mengenakan denda lewat sebagai ganti rugi (LAD) atau mana-mana tindakan yang boleh diambil oleh pihak MAFI berdasarkan syarat-syarat kontrak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat Pasir Salak soalan tambahan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. MAFI ini kalau cakap Arab maknanya tidak ada lah, *finish*– MAFI. *[Ketawa]* Betul tidak? Cakap Arab. Jadi, ini sudah elok Kementerian Pertanian, ubah MAFI lah, itu lah, ini lah. Yang pentingnya projek itu berjalan.

Sebahagian daripada projek-projek tadi disebutkan tidak siap lagi itu kerana pemilihan kontraktor. Itu dipilih waktu saya ada sana dahulu lagi. Saya sudah bagi tahu dekat KSU, *chairman*– pengurus *tender committee*. Saya kata ini kontraktor ini tidak boleh. Tengok rupa pun tahu. Bukan kontraktor. Ini yang duduk *coffee house* melobi projek ini.

Akan tetapi, bagi juga. Degil, bagi juga. *What happened? Now is terbengkalai.* Saya sudah bagi tahu. Dia pun entah ke mana sudah. Mungkin *retender*. Betul tidak? Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. So, *what I am trying to say* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kena berhati-hati dengan pegawai kerajaan KSU-KSU yang merupakan *chairman tender committee* ini. Jangan tersalah pilih kontraktor. Itu saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pemilihan untuk melaksanakan projek-projek yang telah saya sebut tadi adalah berdasarkan daripada kesesuaian. Bukan sahaja daripada bidang harga, baik bidang kebolehan dan juga *track record*. Apabila projek ini...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang dipilih dahulu tiada *track record*. KSU dahulu pilih tiada *track record*. Pastikan KSU yang ada ini...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** *[Ketawa]* Sebenarnya siapa juga pegawai-pegawai penguasa yang mempengaruhi pemilihan adalah orang yang telah dipertanggungjawabkan. Kita yakin dengan kebolehan mereka dan pemilihan ini adalah berdasarkan daripada bukan sahaja faktor yang saya sebutkan tadi, tetapi kebolehan dan juga *track record* pemilihan kontraktor.

Pada ketika ini, mana-mana projek yang menghadapi masalah sebenarnya saya sudah sebut satu per satu tentang masalah yang sedang kita hadapi dan kekangan pada ketika ini terpaksa semua pihak mengakui bahawa bukan sahaja daripada faktor cuaca, perubahan reka bentuk, penyesuaian faktor dan juga tapak aktiviti pertanian yang sedang dijalankan. Apatah lagi dengan COVID-19 ini, apabila kita menghadapi satu arahan daripada pihak JKR untuk menghentikan kerja untuk masa selama dua bulan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kawan punya fasal. Okey lah, boleh terima. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang saya ada satu lagi. Saya menjemput Yang Berhormat Datuk Rozman bin Isli, Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan atau Yang Berhormat Timbalannya menjawab. Selama tiga minit.

**10. Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah pencapaian program bantuan pertanian terutamanya kelapa matag/pandan dan perusahaan ikan bilis di Labuan oleh kementerian sebelum ini. Adakah kementerian bersedia untuk menambah bantuan bagi membantu industri tersebut terus berkembang maju di Labuan.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Santhara]:** Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Perbadanan Labuan (PL) sentiasa mengambil perhatian khusus bagi merancang dan

mendapatkan peruntukan bagi pembangunan sektor pertanian dan perikanan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pada tahun 2017, KWP telah melaksanakan Program Labuan Go Green iaitu dengan pembekalan sejumlah 30,125 anak benih kelapa matag, pandan dan tacunan. Program ini adalah dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Agihan benih kelapa adalah kepada penduduk-penduduk di sejumlah 27 buah kampung di Wilayah Persekutuan Labuan serta kakitangan Perbadanan Labuan.

#### ■1100

Manakala, bagi pencapaian program bantuan perusahaan ikan bilis, pada tahun 2018 Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Perbadanan Labuan telah melaksanakan inisiatif dalam sektor perikanan iaitu di bawah program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB). Kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM112,000 dan sebanyak RM38,000 bagi menggunakan sebahagian baki peruntukan penjimatan program Perbadanan Labuan di bawah insentif pembinaan perusahaan ikan bilis menggunakan kaedah bagang. Setakat ini, sembilan pengusaha bagang telah menerima insentif bantuan RM15,000 bagi setiap bagang yang dibina dan beroperasi.

Selain itu, terdapat pertambahan tujuh lagi pengusaha bukan di bawah program Perbadanan Labuan yang menjalankan perusahaan tersebut. Hal ini kerana menerusi pemantauan hasil pendapatan bulanan, pengusaha dilaporkan memperoleh melebihi RM10,000 sebulan dan perkara ini telah menarik minat para pengusaha yang lain untuk menerokai bidang tersebut. Kementerian juga telah meluluskan permohonan bantuan baik pulih bagang yang rosak akibat ribut dan Monsun Timur Laut dengan jumlah peruntukan RM100,000 dan telah memanfaatkan seramai tujuh orang pengusaha yang terkesan dengan kerosakan bagang.

Pada musim pandemik COVID-19 ini, Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Perbadanan Labuan telah memberikan insentif RM500 kepada 15 pengusaha bagang yang terkesan dengan pandemik tersebut dengan nilai RM7,500. Untuk makluman Yang Berhormat juga, susulan lawatan kerja yang saya lakukan pada 11 September 2020 baru-baru ini ke bengkel pemprosesan perusahaan ikan bilis di Kampung Bebuluh Laut, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan telah meluluskan permohonan bagi kerja-kerja membina tapak pelantar mesin pengeringan ikan bilis dengan anggaran kos RM250,000. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan tambahan. Sila Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan ekonomi sekarang, impak daripada COVID-19, ramai pengusaha pertanian

dan juga nelayan mempunyai produk yang berlebihan, tidak boleh dijual seperti tangkapan ikan, produk bilis dan juga banyak barang-barang makanan yang lain. Pada masa yang sama, ramai di Labuan, banyak keluarga yang memerlukan bakul makanan.

Soalannya, bolehkah Kementerian Wilayah menyalurkan peruntukan yang cukup untuk Perbadanan Labuan melaksanakan satu program untuk membeli produk-produk ini dan seterusnya menjadikan ia sebagai bakul makanan? Jadi, satu peruntukan boleh buat dua bantuan. Beli barang produk usahawan dan bagi bakul makanan kepada yang memerlukan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu minit.

**Dato' Seri Dr. Santhara:** Saya mengucapkan terima kasih di atas Yang Berhormat Labuan yang begitu prihatin dan mencadangkan sesuatu yang bagus. Kementerian akan mengkaji bagaimana peruntukan-peruntukan lain boleh digunakan untuk maksud yang tersebut dan kita akan berikan satu jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan jawab lisan.

**[Sesi bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[23 November 2020]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan untuk menjawab. Dua puluh minit.

**11.03 pg.**

**Menteri Kanan Pertahanan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pertahanan, saya ingin menyatakan penghargaan kepada enam Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian semasa perbahasan Belanjawan 2021 di peringkat dasar yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan. Antara Ahli Yang Berhormat tersebut adalah Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Raub, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Kota Samarahan.

Terlebih dahulu, izinkan saya untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah mencadangkan untuk memperuntukkan sejumlah RM15.86 bilion kepada Kementerian Pertahanan pada Belanjawan 2021. Sekiranya

cadangan peruntukan ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, jumlah yang diterima kementerian iaitu sebanyak RM15.86 bilion adalah merupakan peningkatan 1.8 peratus berbanding dengan peruntukan Belanjawan 2020 iaitu penambahan sebanyak RM280 juta.

Dengan peruntukan belanja pembangunan (DE) sebanyak RM4.5 bilion iaitu peningkatan sebanyak 46.1 peratus berbanding peruntukan pembangunan pada tahun 2020 iaitu penambahan sebanyak RM1.4 bilion dan bagi belanja mengurus (OE) adalah sebanyak RM1.35 bilion iaitu penurunan sebanyak 9.1 peratus berbanding dengan peruntukan mengurus pada tahun 2002 iaitu pengurangan sebanyak RM1.14 bilion.

Pengurangan ini adalah disebabkan oleh peningkatan peruntukan yang besar bagi DE, bagi senggaraan dan naik taraf aset utama Angkatan Tentera Malaysia untuk memastikan kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia sentiasa pada tahap tertinggi. Peruntukan belanjawan ini turut mengambil kira tentang peranan ATM dalam menangani wabak COVID-19 dan Operasi Benteng (Ops Benteng) yang melibatkan gerak kerja bersepadu antara pelbagai agensi keselamatan dalam mengawal sempadan negara.

Kementerian beriltizam peruntukan belanjawan ini akan memberikan tumpuan kepada dua fokus utama iaitu peningkatan keupayaan dan kesiapsiagaan ATM dan menjaga aspek kebijakan warga dan veteran ATM.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan Laut China Selatan. Isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja yang mencadangkan kaedah diplomasi pertahanan, termasuk melalui kerjasama di bawah *Five Power Defence Arrangements* (FPDA) digunakan dalam menjaga keamanan dan mengelakkan pertarungan persenjataan di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan salah satu negara *beneficiary* di dalam FPDA yang merupakan salah satu prinsip asas Dasar Pertahanan Negara. Perjanjian ini yang ditandatangani pada tahun 1971 di antara lima buah negara iaitu Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan United Kingdom (UK) pada asalnya bertujuan untuk membangunkan pertahanan udara Malaysia dan Singapura.

Negara-negara anggota FPDA ini mempunyai hubungan ketenteraan yang rapat dan sering kali menjalankan latihan dan meningkatkan keupayaan negara masing-masing dan seterusnya meningkatkan kesiapsiagaan aset dan melatih Angkatan Tentera Malaysia dalam menghadapi sebarang ancaman pihak ketiga.

Sejak penubuhan, fungsi FPDA semakin berkembang berdasarkan kepada keperluan semasa. Bermula daripada pertahanan udara, kini exercise FPDA telah melibatkan ketiga-tiga domain iaitu udara, laut dan darat. Sejak tahun 2004, FPDA telah

memberikan perhatian terhadap domain bukan konvensional, termasuk bantuan kemanusiaan dan bencana.

Kerjasama pertahanan pelbagai hala berkonsepkan *extra regional* turut diperkasakan melalui medium latihan seperti *exercise* bersama SHIELD dan bersama LIMA yang diadakan setiap tahun melibatkan semua anggota FPDA dan jemputan negara pemerhati. Ini bagi memastikan FPDA kekal relevan dalam persediaan untuk menangani isu keselamatan strategik dan pertahanan serantau.

Sinergi yang terbina di bawah platform kerjasama FPDA ini penting untuk memenuhi dan mengimbangi keperluan strategik pertahanan, termasuk dalam isu pertembungan kuasa besar di Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, kerajaan sentiasa mengutamakan kepentingan negara dalam setiap tindakan yang diambil.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Malaysia sentiasa menekankan agar semua pihak menghormati dan mematuhi undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Laut 1982 (UNCLOS 1982).

#### ■1110

Ini termasuklah menghormati kedaulatan wilayah dan perairan serta juga kebebasan pelayaran dan penerbangan. Malaysia turut menggunakan saluran diplomasi bagi menghadapi pengaruh ketenteraan negara asing di Laut China Selatan. Pendirian Malaysia adalah jelas bahawa Laut China Selatan perlu bebas daripada kehadiran kapal-kapal perang bagi mengelakkan ketegangan di kawasan berkenaan. Jadi, pada kesimpulannya, FPDA ini lebih fokus kepada kerjasama daripada segi latihan bersama dan tidak termasuk di dalam kes yang melibatkan isu pertembungan seperti di Laut China Selatan.

Apabila isu yang berkaitan dengan pertembungan di Laut China Selatan, seperti saya katakan, kita menyelesaikan secara diplomatik. Maka Kementerian Luar Negara lah yang berperanan di dalam membincangkan apa sahaja isu yang berkaitan dengan pertembungan seperti yang berlaku di Laut China Selatan yang menyebabkan kuasa-kuasa besar. Ini lebih kepada Kementerian Luar Negeri.

Isu seterusnya ialah berkenaan dengan peruntukan bajet kepada Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Raub. Yang Berhormat Kota Raja mencadangkan supaya ditingkatkan peruntukan bajet kepada STRIDE bagi memenuhi

peranan dalam program-program penyelidikan dan pembangunan industri pertahanan. Manakala Yang Berhormat Raub mencadangkan secara spesifik agar peruntukan bajet bagi penyelidikan ancaman senjata biologi yang diperuntukkan dalam Bajet 2021.

Kita amat berterima kasih kepada pandangan Yang Berhormat khususnya mengenai ditingkatkan peruntukan bajet. Memang benar, objektif STRIDE adalah untuk membangunkan teknologi persenjataan dan aset ketenteraan yang mana tujuan kita supaya Malaysia mampu untuk membangunkan aset-aset ketenteraan sendiri tanpa bergantung kepada negara luar. Walau bagaimanapun, isunya adalah bajet.

Saya hendak maklumkan tentang bajet. Bagi peruntukan bajet pada STRIDE dalam melaksanakan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Pertahanan, pihak kementerian menggunakan peruntukan yang diberikan di bawah Rancangan Malaysia. Sebagai contoh di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 selama lima tahun iaitu pada tahun 2016 sehingga tahun 2020, STRIDE menerima peruntukan bajet sebanyak RM96.18 juta. Daripada jumlah tersebut, hanya sebanyak RM7.4 juta sahaja untuk tujuan R&D. Selama lima tahun kita dapat sebanyak RM7.4 juta. Maknanya sebanyak sejuta lebih sahaja setahun untuk R&D.

Ini merupakan satu bajet yang agak terlalu kurang untuk membuat R&D teknologi persenjataan. Bagi Rancangan Malaysia Ke-12, tahun 2020 hingga tahun 2021, kementerian telah mengemukakan cadangan peruntukan sebanyak RM607.5 juta kepada JPM bagi dipertimbangkan untuk memenuhi pembangunan fasiliti serta projek penyelidikan dan pembangunan. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak RM192 juta adalah bagi tujuan R&D.

Jadi, adalah diharapkan jika diluluskan peruntukan ini kelak, ia pasti akan dapat memenuhi peranan dan fungsi STRIDE untuk membantu ATM sebagai agensi keselamatan dan industri pertahanan tempatan. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Raja telah pun mencadangkan dinaikkan bajet untuk R&D ini. Saya mengharapkan sokongan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya dapat diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 ini.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Menteri Kanan dan Tuan Yang di-Pertua. Daripada peruntukan tersebut, berapakah diperuntukkan untuk kerjasama kajian dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang mana kita tahu UPNM juga terdapat ramai pakar-pakar yang mengkaji berkaitan dengan pertahanan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa UPNM ini di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Saya difahamkan Kementerian Pengajian Tinggi ada memperuntukkan sejumlah

peruntukan untuk R&D. *Insya-Allah* saya akan dapatkan detil tentang- memang ada kerjasama di antara STRIDE dengan UPNM. Cuma, dari segi jumlah yang diperlukan itu saya perlu dapatkan dengan cara yang lebih detil dan saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat melalui jawapan bertulis.

Yang Berhormat Raub bertanya tentang senjata biologi. Suka saya menjelaskan bahawa kementerian sedang meneliti cadangan peruntukan kewangan untuk penyelidikan berkaitan dengan ancaman senjata biologi. Memandangkan penyelidikan ini adalah kompleks, Kementerian Pertahanan sedia bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk melaksanakan penyelidikan bersama dalam menangani ancaman tersebut.

Untuk mengekang sebarang percambahan senjata biologi yang boleh memberikan kuasa yang meluas kepada manusia, Kementerian Pertahanan juga dalam proses penggubalan rang undang-undang berkaitan dengan senjata biologi sebagai salah satu langkah pencegahan dalam negara untuk menangani ancaman tersebut pada masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Pontian membangkitkan tentang cadangan untuk memperhebatkan Program Jiwa Murni terutamanya dengan membina rumah kepada warga miskin, orang yang terlibat dengan bencana seperti kebakaran dan juga pembinaan rumah panjang. Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, Angkatan Tentera Malaysia sentiasa komited dalam melaksanakan Program Jiwa Murni bagi membantu rakyat yang memerlukan.

Pada tahun 2019 dan 2020, ATM telah melaksanakan Program Jiwa Murni dengan membaiki atau membina sebanyak 60 buah rumah untuk mangsa ribut, kebakaran, golongan asnaf dan veteran ATM. Pelaksanaan ini adalah secara berkolaborasi dengan kementerian-kementerian lain dan juga agensi lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Majlis Agama Islam, Boustead Holdings, FELDA dan TNB.

Walaupun kita tidak ada peruntukan khusus pada tahun ini, kita akan menggunakan peruntukan sedia ada. Saya akan berbincang dan mengarahkan pihak kementerian untuk menggunakan wang sedia ada untuk Projek Jiwa Murni. Selain daripada Program Jiwa Murni bersama kementerian lain, kita akan menggunakan peruntukan sedia ada untuk Program Jiwa Murni di bawah kementerian sendiri.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ya, silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Adakah Jiwa Murni itu hanya untuk membuat rumah, jambatan ataupun jalan di tempat-tempat tertentu yang sukar dilalui? Saya juga ada membangkitkan mengenai pertambahan peruntukan untuk ESSCOM dan ESSZONE bagi memastikan sempadan kita tidak bocor yang akan menyebabkan berlaku penularan COVID-19, antara sebabnya ialah sempadan yang bocor terutama di Sabah. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Minta laluan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Sedikit, minta laluan Padang Serai.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat Padang Serai, okey.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, mengapakah bajet kali ini tidak diberi apa-apa faedah pada orang-orang yang pencen lama dengan pencen baharu?

Saya banyak kali telah kemukakan masalah-masalah tersebut tetapi masih lagi tidak diendahkan oleh kerajaan sekarang. Di samping itu juga saya ingin tanya, bagaimana dengan memberikan sebanyak RM300 *one-off* yang bermakna sebanyak RM25 satu bulan dan sebanyak 83 sen sehari diberi kepada seorang perajurit. Saya rasa malu betul kerajaan beri pada kita. Sila bagi penjelasan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Memang dari segi Jiwa Murni ini tidak termasuk kepada pembinaan ataupun baik pulih rumah (*repair*) semata-mata. Kalau kita lihat banyak Projek Jiwa Murni yang berkaitan dengan kerjasama kementerian lain. Waktu saya di KKMW, projek menaik taraf jalan balak misalannya adalah dilaksanakan secara Jiwa Murni di Sabah, Sarawak dan sebagainya. Jadi, termasuk yang lain. Tentang kawalan sempadan, *insya-Allah* ada tajuk lain, saya akan jawab.

## ■1120

Mengenai— sebenarnya saya boleh tidak jawab sebenarnya pertanyaan daripada Yang Berhormat Padang Serai kerana ini terkeluar daripada tajuk. Saya pun masa tidak banyak, tiga minit lagi. Saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Padang Serai.

Mengenai PLKN. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian atas cadangan untuk mewujudkan semula PLKN.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program PLKN telah dimansuhkan pada tahun 2018 oleh kerajaan sebelum ini. Namun demikian, berdasarkan kepada kesan program yang baik dalam pembentukan patriotisme remaja yang telah menyertai

program ini, pihak kementerian akan mencadangkan semula kepada Jemaah Menteri agar program ini dilaksanakan semula. Ia juga bersesuaian dengan Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 yang meletak semula Akta Latihan Khidmat Negara [Akta 628] di bawah Kementerian Pertahanan. Kita akan menyediakan kertas memorandum Jemaah Menteri untuk diluluskan oleh Jemaah Menteri nanti.

Yang Berhormat Arau membangkitkan isu jurulatih kontrak PLKN yang telah tamat kontrak dan mencadangkan diserapkan dalam perkhidmatan di kementerian atau agensi kerajaan yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat Arau, JPA telah menawarkan pelantikan kontrak secara *soft landing* kepada 1,394 orang bekas pegawai lantikan kontrak Jabatan Latihan Khidmat Negara dan ditempatkan di pelbagai agensi bagi tempoh satu tahun mulai tahun 2019 hingga 2020. Tujuan pelantikan tersebut adalah untuk memberi peluang kepada pegawai terlibat untuk menampung sara hidup mereka sebelum mendapat pekerjaan.

Bagi cadangan Yang Berhormat agar pegawai diserapkan ke dalam kementerian lain dan agensi lain, perkara ini akan dirujuk kepada pihak berkuasa yang melantik seperti JPA dan sebagainya.

Isu seterusnya adalah mengenai pos kawalan sempadan dan anggota di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan bagi meningkatkan kawalan keselamatan dan mengekang kemasukan PATI. Ada dua Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini iaitu Yang Berhormat Kota Samarahan dan tadi disebut oleh Yang Berhormat Pontian.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang akan memperkasakan dan memperkuuhkan kekuatan kita di kawasan sempadan negara, tidak kira Sarawak-Kalimantan, Sabah-Filipina, di utara Semenanjung dengan Thailand dan semua di kawasan sempadan. Kita mempunyai satu rejimen khusus untuk mengawal kawasan sempadan yang dinamakan RS atau Rejimen Sempadan.

Bagi Sarawak...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Minta laluan. Padang Serai.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya habiskan dahulu.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya habiskan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Menteri hendak habiskan dahulu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya ada 53 saat. Setakat hari ini, bagi medan timur iaitu di Sabah dan Sarawak, kita telah pun mempunyai 16 pos sempadan iaitu sembilan di Sarawak dan tujuh di Sabah. Kita akan terus membina 19 pos kawasan

sempadan lagi. Ia melibatkan 19 pos iaitu melalui tiga fasa iaitu fasa pertama pada tahun 2021 melibatkan empat pos di Sarawak, dua pos di Sabah.

Untuk fasa dua pada tahun 2022 melibatkan lima buah pos di Sarawak. Dan fasa tiga melibatkan lima buah pos di Sarawak, tiga pos di Sabah. Maknanya di Sarawak akan ada 14 pos lagi selain daripada sembilan yang telah ada di Sarawak. Maknanya kita akan terus memperketat kawalan sempadan kita bukan sahaja bagi menyekat kemasukan PATI tetapi juga untuk menyekat jenayah rentas sempadan yang mungkin berlaku di kawasan-kawasan sempadan.

Saya ada satu lagi yang perlu dijawab iaitu tentang LCCS, kalau dibenarkan. Kalau tidak, saya berikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Pasir Mas. Yang Berhormat Pasir Mas ada tak di sini? Kalau Yang Berhormat Pasir Mas tidak ada, saya mohon kebenaran untuk jawab secara bertulis.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Minta laluan sedikit. Ada soalan sedikit. Padang Serai.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tentang pos kawalan sempadan kah?

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tak. Berkenaan pembelian kapal.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Pembelian kapal tidak termasuk dalam pos kawalan sempadan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat— saya tahu mungkin waktu tidak banyak untuk berbahas. Banyak perkara yang hendak dibangkitkan. Tulis surat kepada saya. Apa pun soalan, saya akan jawab secara bertulis.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Kerja Raya.

## 11.25 pg.

**Menteri Kanan Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]:** *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada 18 Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya semasa minggu perbahasan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bertemakan “*Teguh Kita, Menang Bersama*”, belanjawan kali ini memperlihatkan hasrat kerajaan dalam menjamin kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi bagi menghadapi ketidaktentuan akibat pandemik yang melanda negara kita ketika ini.

KKR selaku peneraju pembangunan infra dan sektor pembangunan ataupun sektor pembinaan di Malaysia amat komited dalam memastikan infra menjadi pemangkin kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Bagi mencapai hasrat itu, kementerian ini menerima peruntukan sebanyak RM7.35 bilion di mana pecahannya adalah belanja mengurus sebanyak RM1.26 bilion berbanding RM1.792 bilion pada tahun 2020. Manakala belanja pembangunan pula adalah sebanyak RM6.088 bilion berbanding RM6.240 bilion pada tahun lalu.

Secara keseluruhannya, jumlah belanja mengurus yang akan diterima KKR pada tahun 2021 menyusut sebanyak 29.67 peratus berbanding RM1.729 bilion yang diterima pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, penyusutan jumlah peruntukan ini adalah disebabkan faktor pengelasan semula beberapa kategori peruntukan aktiviti penyenggaraan di bawah program khusus iaitu B.27 kepada peruntukan belanja Pembangunan P.27.

Sebelum saya pergi lebih jauh lagi, ingin saya nyatakan bahawa penggulungan saya pada hari ini akan meliputi perkara-perkara dasar seperti berikut:

- (i) projek-projek baharu KKR;
- (ii) sektor pembinaan;
- (iii) Lebuhraya Pan Borneo;
- (iv) penyelenggaraan jalan;
- (v) *Central Spine Road*; dan
- (vi) projek-projek spesifik yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi projek-projek baharu di bawah KKR, selain projek-projek utama infrastruktur jalan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa sesi pembentangan Belanjawan 2021 lalu, sukacita juga saya ingin memaklumkan tambahan beberapa projek infrastruktur jalan raya lain yang diluluskan dalam *rolling plan* pertama Rancangan Malaysia Ke-12.

Terdapat 52 projek baharu yang diluluskan pada tahun hadapan iaitu tahun 2021 di mana antara projek baharu yang signifikan dan memberi impak besar kepada pengguna ataupun orang ramai ialah seperti berikut:

- (i) tujuh kontrak bagi seksyen baharu untuk laluan utama antara Bentong, Pahang ke Kota Bharu, Kelantan dengan kos projek sebanyak RM1.9 bilion dan panjang jalan sepanjang 88.3 kilometer;
- (ii) pembangunan infrastruktur jalan persekutuan di kawasan *UMW High Value Manufacturing Park* di Serendah, Selangor dengan kos projek RM121 juta;
- (iii) jambatan baharu Sungai Limbang, Jalan Lawas-Merapok Bahagian Limbang, Sarawak dengan kos RM115 juta;
- (iv) membina jambatan baharu Rantau Panjang-Golok, Pasir Mas, Kelantan dengan RM210 juta;
- (v) pemberian cerun dan membaik pulih jalan di laluan FT185, Seksyen 44.1, Jalan Simpang Pulai-Blue Valley, Kinta, Perak dengan kos projek sebanyak RM127 juta; dan
- (vi) meroboh dan membina baharu empat buah blok kuarters kakitangan JKR Kelas H di Daerah Timur Laut, Georgetown, Pulau Pinang dengan kos projek sebanyak RM10.43 juta.

Selain daripada projek-projek yang disebutkan di atas, kelulusan peruntukan juga diberikan kepada KKR bagi melaksanakan program penggantian jambatan usang dan sempit di seluruh negara yang melibatkan 14 bilangan projek baharu dengan kos projek keseluruhan sebanyak RM226.1 juta.

### ■1130

Program penyelenggaraan cerun-cerun di jalan persekutuan dengan kos projek tahun 2021 sebanyak RM200 juta, program naik taraf sistem teknologi maklumat ataupun ICT di KKR dan JKR sebanyak RM46.481 juta dan 10 kajian di bawah program kajian berkaitan jalan raya dengan kos projek keseluruhan diluluskan sebanyak RM98.9 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bergerak berlandaskan tema, “*Mendigitalkan Sektor Pembinaan Negara*” bermula 2021, KKR menerusi Bajet 2021 memberi penggalakan kepada penggunaan teknologi dalam sektor pembinaan. Tempoh permohonan galakkan elauan cukai pelaburan bagi pengeluar komponen Sistem Binaan Berindustri (IBS) akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2025.

Walaupun sektor pembinaan menerima kesan langsung daripada penularan COVID-19, KKR akan sentiasa memastikan industri pembinaan akan terus berkembang pesat dan infrastruktur negara menjadi pemangkin ketahanan ekonomi demi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ramai juga yang berhubung kait dengan Pan Borneo. Belanjawan 2021 menyaksikan komitmen kerajaan dalam meneruskan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dan Sabah. Pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo adalah sebahagian daripada pemangkin pembangunan sektor sosioekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

Kesinambungan projek ini juga akan menjamin dan memastikan peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan khususnya dalam keadaan ekonomi yang terkesan akibat daripada penularan pandemik COVID-19. Ini juga secara langsung membuktikan komitmen kerajaan dan memastikan rakyat Sabah dan Sarawak dapat menikmati kemudahan infrastruktur yang lebih baik di masa yang akan datang.

KKR akan mempercepatkan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo dengan melantik *project management consultant* (PMC) untuk membantu JKR Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun pelantikan PMC ini masih lagi dalam peringkat rundingan dan perlu menunggu keputusan muktamad daripada pihak Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, KKR komited memastikan kemudahan jalan raya di semua negeri diselenggarakan secara optimum. Antara penyelenggaraan yang terlibat dalam pengelasan semula peruntukan seperti yang saya sebutkan awal-awal tadi adalah penyelenggaraan bangunan guna sama persekutuan, penyelenggaraan cerun, jalan persekutuan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan serta penyelenggaraan jalan persekutuan berkala *pavement*.

KKR juga telah mendapat tambahan peruntukan bagi beberapa aktiviti penyelenggaraan iaitu pertama penyelenggaraan dan bayaran bil lampu jalan dan lampu isyarat di jalan persekutuan. Tambahan sebanyak RM2 juta berbanding tahun 2020 dan yang kedua peruntukan bagi penyelenggaraan jalan persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan, kerja bukan *pavement* dinaikkan sebanyak RM4 juta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap penglibatan pihak kontraktor-kontraktor kecil dalam penyelenggaraan jalan. Berdasarkan kontrak perjanjian klausa 31, *local participation, personnel, material and services* dengan izin, syarikat konsesi telah disyaratkan untuk melantik pihak ketiga atau kontraktor bumiputera untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan.

Berdasarkan laporan sehingga 26 Ogos 2020, sebanyak 113.12 juta agihan kontrak kepada kontraktor G1 bagi setiap syarikat konsesi dalam Semenanjung telah dibuat. Manakala bagi syarikat konsesi jalan persekutuan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berdasarkan laporan sehingga Mei 2020, sebanyak RM13.05 juta agihan kontrak kepada kontrak G1. Ini menjadikan jumlah keseluruhan agihan kepada kontraktor G1 adalah sebanyak RM126 juta.

Manakala bagi kerja-kerja Pakej Rangsangan Ekonomi pula, pihak kerajaan telah menetapkan pemilihan kontraktor hendaklah di kalangan kontraktor gred G1 hingga G4 dengan keutamaan diberikan kepada kontraktor bumiputera berdasarkan kepada PK2.2 Kaedah Pelaksanaan Projek Kerajaan Tahun 2020 yang berkuat kuasa 23 April 2020.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara projek utama di Pantai Timur Semenanjung adalah projek membina lebuh raya Kota Bharu ke Kuala Krai Kelantan (KBKK) dan *Central Spine Road* (CSR). Kedua-dua projek tersebut telah pun dimulakan secara berperingkat berdasarkan keutamaan kepada aspek keselamatan, kesesakan lalu lintas dan kesinambungan jajaran.

Bagi jajaran *Central Spine Road* dari Kota Bharu ke Kuala Krai, akan dilaksanakan secara berperingkat sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas iaitu dari tahun 2021 hingga 2025, tertakluk kepada peruntukan yang diterima dan diluluskan. Sehingga kini seksyen 3E1 hingga seksyen 3H, projek CSR sepanjang 60.75 kilometer telah pun siap dan dibuka kepada pengguna.

Jalan raya yang telah dibuka tersebut terbukti dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas ketika waktu puncak terutamanya pada musim perayaan dan memberikan keselesaan kepada pengguna. Justeru itu, Kementerian Kerja Raya komited untuk melaksanakan projek-projek yang telah dan bakal diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas dengan kadar segera. Namun pada masa yang sama perlu mematuhi segala prosedur dan peraturan yang berkuat kuasa supaya rakyat Malaysia dapat menikmati kemudahan infrastruktur yang lebih baik dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu spesifik berkaitan kawasan masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut ialah:

- (i) Yang Berhormat Kota Raja;
- (ii) Yang Berhormat Hulu Rajang;
- (iii) Yang Berhormat Bintulu;
- (iv) Yang Berhormat Bachok;
- (v) Yang Berhormat Kuala Krai;
- (vi) Yang Berhormat Sipitang;
- (vii) Yang Berhormat Parit;
- (viii) Yang Berhormat Igan;
- (ix) Yang Berhormat Setiu;
- (x) Yang Berhormat Jerantut;
- (xi) Yang Berhormat Jerai;
- (xii) Yang Berhormat Raub;
- (xiii) Yang Berhormat Papar;

- (xiv) Yang Berhormat Hulu Selangor;
- (xv) Yang Berhormat Kalabakan;
- (xvi) Yang Berhormat Kota Kinabalu; dan
- (xvii) Yang Berhormat Lahad Datu.

Saya mohon untuk menjawab isu-isu dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara bertulis memandangkan isu-isu tersebut adalah spesifik melibatkan kawasan masing-masing. *Insya-Allah* saya akan edarkan jawapan kepada mereka sejurus selepas ini. Dengan ini, sekian sahaja ucapan penggulungan saya mengenai Belanjawan 2021 yang menyentuh Kementerian Kerja Raya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, oleh kerana ada masa, boleh saya bertanya?

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar juga ingin minta sedikit.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Ledang juga.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dua perkara. Satu, *Pan Borneo Highway* itu, setakat manakah perjalanannya? Adakah ia mengikut jadual atau bagaimana tentang R&R dengan mewujudkan ribuan usahawan baharu. Adakah itu termasuk dalam cadangan di gerai-gerai R&R di sepanjang Sarawak dan sampai ke Sabah itu, tentunya ada ribuan gerai R&R. Adakah itu termasuk dalam cadangan *Pan Borneo Highway*? Terima kasih. Walaupun saya tidak timbulkan tetapi oleh kerana ada tujuh minit lagi, rasanya Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar, Papar.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Sepanggar, Sepanggar.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Berkaitan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar juga fasal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat hendak kumpulkan soalan dulu?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya rasa semua, biar Yang Berhormat kumpul soalan. Jadi saya jemput tadi Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Papar, tadi yang berdiri Yang Berhormat Kimanis.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Ledang.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Sepanggar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Kemudian Yang Berhormat Ledang dengan Yang Berhormat Sepanggar.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Ledang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Satu-satulah. Tadi sudah Yang Berhormat Pontian, selepas ini Yang Berhormat Papar, selepas itu Yang Berhormat Kimanis, kemudian...

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Yang Berhormat Sepanggar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Sepanggar.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, Ledang tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Sepanggar kemudian. Yang Berhormat Ledang, silakan. Semua soalan dan dijawab secara berkumpulan oleh Yang Berhormat Menteri, boleh? Silakan.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri kepada soalan tambahan oleh Yang Berhormat Kinabatangan pada 5 November yang lalu, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa projek *Pan Borneo Highway* sedang dilaksanakan. tindakan susulan berterusan bagi menambah nilai kaedah pelaksanaan projek yang telah diputuskan, berkenaan perkara tersebut saya ada dua soalan untuk *respond* Yang Berhormat Menteri.

#### ■1140

Pertama, apakah bentuk elemen yang dimuatkan dalam tindakan susulan berterus tersebut dan bagaimana ia mewujudkan nilai tambah kepada gerak kerja projek Lebuhraya Pan Borneo yang telah menamatkan *Project Delivery Partner Agreement* (PDPA).

Kedua, apakah *pro* dan *cons* pelaksanaan *Pan Borneo Highway* tanpa PDPA dan minta Yang Berhormat Menteri memperincikan *cost benefit analysis* kesinambungan ataupun *continuity* projek *Pan Borneo Highway* selepas PDPA ditamatkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kimanis.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya pernah membangkitkan isu *Project Delivery Partner* juga yang sebelum ini diperkenalkan oleh kerajaan yang lalu, banyak membawa kebaikan dan dapat membantu untuk melicinkan dan melancarkan lagi pelaksanaan projek. Akan tetapi apabila berubah kerajaan, *Project Delivery Partner* ataupun PDP ini sudah tidak diteruskan lagi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang semula untuk memperkenalkan PDP ini, satu.

Kedua, saya masih menerima banyak rungutan dan juga aduan-aduan daripada pemilik-pemilik tanah yang terlibat di mana tanah mereka *diacquire*, diambil untuk membina *Pan Borneo*. Akan tetapi masih belum lagi menerima wang pampasan-pampasan mereka. Jadi, saya minta barangkali Yang Berhormat Menteri ada maklumat dan mohon dapat dipercepatkan bayaran pampasan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Sepanggar, soalan ya. Bukan ceramah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berkenan juga dengan isu *Pan Borneo* ini. Saya difahamkan kalau mengikut belanjawan yang telah disebutkan bahawa kenaikan sebanyak RM200 juta telah pun diberikan untuk Lebuhraya *Pan Borneo*. Cuma, kalau dapat Yang Berhormat Menteri berikan dari segi perincian terhadap projek ini berapa jumlah dia untuk negeri Sabah.

Kedua, berkenaan dengan projek-projek jalan raya dan jambatan di negeri Sabah telah menyaksikan pengurangan sebanyak RM258 juta dan berbanding kenaikan sebanyak RM20 juta. Jadi, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, kenapa kah pengurangan ini berlaku pada ketika kerajaan di sebelah telah menjanjikan kepada Sabah bahwasanya jika kita sealiran dengan Kerajaan Persekutuan, pembangunan akan lebih rancak dilaksanakan di negeri Sabah. So, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Akhir sekali Yang Berhormat Ledang.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan dan juga permintaan. Pertama ialah berkenaan dengan peluasan jambatan bagi Jalan Sungai Mati ke Bukit Gambir iaitu ada tiga jambatan dan perkara ini telah saya bawakan pada tahun lepas. Pada ketika itu jawapan yang diberi adalah bahawa tender akan dibuka pada awal tahun ini dan dijangka siap pada tahun 2022. Saya mohon kemas kini daripada kementerian berkenaan dengan tiga peluasan jambatan ini.

Kedua ialah berkenaan dengan lebuh raya *bypass* dari Segamat yang melalui Tangkak untuk masuk ke *highway PLUS*. Mohon juga dimaklumkan apakah status jalan atau lebuh raya ini sama ada ia boleh disiapkan tahun depan dalam bajet ataupun pada dua tahun akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri, yang mana tidak sempat boleh bagi jawapan bertulis.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk *Pan Borneo*, menjawab kepada Yang Berhormat Pontian, memang ada

diperuntukkan untuk R&R tetapi tidaklah sebanyak apa yang ada di PLUS Highway misalnya. Akan tetapi, ada diperuntukkan berdasarkan peruntukan yang diluluskan. *Insya-Allah* yang ini akan dibuka juga kepada ekonomi tempatan.

Untuk jawapan kepada Yang Berhormat Papar. Bila PDP dibatalkan oleh Pakatan Harapan dahulu, ia diserahkan balik berdasarkan *conventional contract* di mana JKR Sarawak dan JKR Sabah diamanahkan untuk melaksanakan. Akan tetapi bila kita menilai kembali apa yang telah dilaksanakan, JKR Sarawak dan JKR Sabah itu mungkin tidak mampu untuk melaksanakan keseluruhan Projek Pan Borneo.

Oleh sebab itu kita telah mencadangkan untuk melantik *Project Management Consultant* (PMC) untuk membantu JKR Sabah dan JKR Sarawak bagi melengkapkan dan pelaksanaan yang lebih efisien dan berkesan. Hal ini seperti mana saya katakan tadi dalam proses untuk dimuktamadkan dan perundingan masih sedang berjalan.

Kalau kita melihat kepada apa yang diasaskan dahulu untuk menamatkan PDP adalah untuk penjimatan. Akan tetapi bila kita nilai kembali, penjimatan sebenarnya tidaklah apa yang dimaksudkan ataupun diharapkan disebabkan banyak lagi elemen-elemen lain termasuklah pampasan, tuntutan ganti rugi dan sebagainya yang dituntut oleh PDP yang dibatalkan termasuk konsultan-konsultan yang dibatalkan dahulu.

Untuk Yang Berhormat Sepanggar, berhubung kait dengan peruntukan begitu juga dengan Yang Berhormat Ledang spesifik projek yang disebutkan tadi. *Insya-Allah* saya akan memberi jawapan secara bertulis sebab masa pun singkat lagipun ini perkara...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Kimanis, Kimanis belum jawab lagi Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** ...Perkara baharu yang telah di— Yang Berhormat Kimanis tadi saya sudah sebut juga secara konvensional sebagai gantian.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Pampasan. Pampasan tadi. Pampasan.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** *Insya-Allah* yang lain saya akan jawab secara bertulis juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan. Silakan.

#### 11.46 pg.

**Menteri Kanan Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua. Maaf Yang Berhormat Menteri. Peraturan mesyuarat. Lembah Pantai. Lembah Pantai. Peraturan Mesyuarat 99, petua Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan ada di kalangan kita yang mungkin baru balik dari Sabah tetapi saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat Keningau adakah beliau sepatutnya dalam kuarantin ataupun tidak. Pohon petua Tuan Yang di-Pertua berkenaan perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Lembah Pantai...

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai tambahan. Kami dari Sabah ini Tuan Yang di-Pertua, sentiasa akur kepada setiap perintah yang diarahkan oleh Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan peraturan-peraturan mesyuarat. Apabila datang ke Semenanjung ini kita kuarantin selama 14 hari. Saya duduk di Kuala Lumpur ini Tuan Yang di-Pertua sudah hampir dua bulan tidak jumpa anak dan isteri sebab kita tidak balik ke Sabah kerana kita tidak mahu nanti bila balik ke Sabah, kita akan dikuarantin lagi selama 14 hari.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tahu Yang Berhormat Keningau ada di dalam Dewan ini. Beliau menghadiri Dewan Undangan Negeri Sabah pada hari Khamis 12 November. Jadi bermakna kalau dikira mengikut hari, dia tidak sepatutnya berada di dalam Dewan ini kerana asas kita dikuarantin kerana ini mengelakkan agar Ahli-ahli Parlimen ini jangan sampai terjangkit COVID-19 ini sebab COVID-19 ia tidak memilih jawatan. Ia tidak memilih surat arahan daripada sesiapa pun atau pengecualian. Jadi, minta arahan daripada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, saya tidak dapat menjawab soalan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai dengan Yang Berhormat Sepanggar ya. Saya akan maklumkan kepada SUDR untuk menjawab jawapannya. *[Disampuk]* Ya lah, saya kena dapat penjelasan, tetapi biarlah...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Mungkin sebelum mendapat penjelasan, adalah lebih baik..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Satu, satu. Biar saya dapat...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Lebih selamat jika...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekejaplah. Peraturan mesyuarat biarlah saya bercakap. Yang Berhormat ini semua hendak bercakap serentak. Sekejap lagi, Yang Berhormat Sepanggar dan Yang Berhormat Lembah Pantai, saya akan dapatkan kepastian daripada SUDR. Jadi kalau yang lain boleh tunggu sebentar, saya tidak boleh menjawab soalan. Saya biarkan Yang Berhormat Menteri mulakan jawapan dan kemudian saya minta dalam beberapa minit

untuk mendapat jawapan bertulis dan saya akan baca jawapan tersebut. Boleh tidak? Terima kasih.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Ya, terima kasih. Izinkan saya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Mungkin sebelum kita mendapat jawapan tersebut, mungkin *for safe*, mungkin satu petua supaya Yang Berhormat Keningau untuk keluar dari Dewan ini *because we want to lean on the safety side* dalam isu *infectious disease*. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, saya tidak dapat buatkan kenyataan tersebut sebab saya perlu mendapatkan kepastian. Yang Berhormat mesti faham bahawa kalau mereka masuk daripada pintu hadapan, itu dalam bidang kuasa pihak-pihak berkuasa Parlimen. Yang Berhormat ada dalam Dewan sekarang, saya tidak boleh suruh dia keluar setakat saya dapat kepastian daripada SUDR. Jadi, saya hendak minta masa. Boleh tidak berlaku adil juga kepada saya? Biar saya dapat kepastian kepada yang dibawa oleh Yang Berhormat ya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehkah kita minta Yang Berhormat Keningau berdiri dan menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini sama ada beliau telah melalui 14 hari *quarantine period*? Itu sahaja yang kami minta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, saya hendak cuba selesai. Saya faham. Akan tetapi kalau Yang Berhormat hendak suruh saya tanya dia sekarang, saya rasa biar saya dapat kepastian daripada pihak Parlimen.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kalau— saya rasa kalau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Kalau hendak suruh saya hendak minta dia berikan kepastian...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tidak, kalau Yang Berhormat Keningau berdiri dan cakap bahawa beliau sudah berkuarantin sejak bila sampai bila...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Ikut arahan Tuan Yang di-Pertua lah. Tuan Yang di-Pertua ada kuasa...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Itu dalam *Hansard* kita recorded, kita satisfied. Kita satisfied.

## ■1150

Jadi, saya rasa *simple* sahaja. Minta Yang Berhormat Keningau berdiri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat betul. Akan tetapi, Yang Berhormat kena berlaku adil kepada semua pihak. Ini kerana, kalau Yang Berhormat hendak suruh dia bangun dan jawab, saya tidak tahu apa jawapan yang telah diberi secara rasmi ataupun tidak. Saya...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jawapan dalam Dewan yang mulia ini bagaimana hendak jadi tidak rasmi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, kalau itu yang Yang Berhormat sebut, jadi maknanya keputusan yang perlu saya buat, kita kena *recess* sementara hendak mendapat kepastian daripada doktor dan hospital.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Okey. Kita *recess* sekarang kerana ini perkara yang penting dan mesti...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Adakah Yang Berhormat hendak— Ya. Jangan arah saya. Biar saya dapat kepastian. SUDR ada di belakang. Boleh tak Yang Berhormat benarkan saya— sebab kalau hendak cakap Yang Berhormat ada dalam Dewan, kita kena dapatkan kepastian pukul berapakah dia berada di dalam Dewan.

Okey. SUDR maklumkan kepada saya, dia akan bagi jawapan sebentar. Dia minta Yang Berhormat Menteri sambung. Sekejap ya. Tunggu. Minta jawapan bertulis. Silakan.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh minta *timer start* kosong balik itu. *Start* selama 20 minit balik. Sudah hilang selama lima minit.

*Bismillahir Rahmanir Rahim...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekejap Yang Berhormat, kejap. Jawapan daripada SUDR, kejap. Okey, saya— Ini jawapan daripada SUDR. Yang Berhormat telah dibenarkan hadir oleh doktor Klinik Parlimen. Beliau telah mendapatkan *require order* selepas tamat kuarantin daripada Kementerian Kesihatan.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, *double standard* kah?

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh jelaskan apa itu *require order*? Kita tak nak antara dua darjat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Beliau telah mendapat *relieve order* selepas tamat kuarantin daripada Kementerian Kesihatan.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** *Order siapa? Order siapa? [Tidak jelas]*

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Sila jelaskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ini jawapan rasmi ya, saya dapat.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Okey Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah, sebab saya dari Sabah. Saya Ahli Parlimen yang telah melalui proses. Makcik saya meninggal dekat Semporna Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dibenarkan balik.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Saya telah melalui semua ujian dan telah disahkan oleh klinik bahawa saya bebas daripada COVID-19. *[Tepuk]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** *But yet,* itu bukan juga alasan untuk saya dibenarkan pulang. Di dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua ada menyatakan bahawasanya dari Sabah– Ahli-ahli Parlimen dari Sabah tidak dibenarkan pulang dan diminta untuk berkorban. Kami telah berkorban hampir dua bulan lebih Tuan Yang di-Pertua.

Kalau begitu, lebih baik kami balik hujung minggu yang lepas lawat makcik saya yang meninggal. Akan tetapi, disebabkan kita akur kepada peraturan Parlimen, kita sanggup berkorban dan inilah pengorbanan yang telah kita lakukan. Akan tetapi, apa yang kita lihat di dalam Dewan ini, Yang Berhormat Keningau dibenarkan masuk di dalam Dewan ini.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Ini soal keselamatan kami selaku wakil Ahli-ahli Parlimen Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya mendapat jawapan rasmi daripada SUDR. Kalau Yang Berhormat tidak puas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Klinik Parlimen dan juga tentang *order* yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat kena bawa kepada Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini, bagi saya, selaku Pengurus pada Majlis hari ini, sebagai Timbalan Yang di-Pertua, saya mendapat arahan untuk melaksanakan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Jadi, itu akan saya laksanakan. Isu yang mana Yang Berhormat tidak puas hati sebab Yang Berhormat mengatakan bahawa berlakunya seolah-olah adanya dua. Macam *double standard* ya, kalau boleh. Sila bawa pada makluman Tuan Yang di-Pertua.

Ini kerana, Tuan Yang di-Pertua kata apa-apa isu boleh tanya pada beliau. Saya tidak boleh jawab bagi pihak Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, arahan yang saya dapat untuk sambung kepada jawapan Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya tidak boleh...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** ...Jawab kepada *ruling* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya minta maaf...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** ...Saya akan sambung kepada ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua akan masuk pada pukul– Selepas ini Tuan Yang di-Pertua? *[Bertanya kepada Bentara]* Sekejap. Kalau Tuan Yang di-Pertua masuk, mungkin Yang Berhormat boleh timbulkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, kita ikut SOP yang telah diberikan kepada setiap Ahli Parlimen yang mana kita perlu kuarantin selama 14 hari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jadi, adakah kerajaan sekarang ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Klinik boleh *override* SOP yang telah dikeluarkan oleh Parlimen kah Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka, saya bercakap dengan Yang Berhormat Sepanggar. Saya terangkan kedudukan saya. Biar saya selesaikan dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat bangun pun tunggu...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ya, itu soalan saya Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya juga Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, tunggu saya jemput. Yang Berhormat tidak dipanggil, baca– Tunggu lah nanti.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Macam mana kita hendak tunggu Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, saya, saya hendak jawab Yang Berhormat Sepanggar...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** SOP baharu kata kita hanya boleh bersidang sehingga dia minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...Sebab kita perlu ikut.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, saya hendak jawab Yang Berhormat Sepanggar...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Saya sudah cakap, *double standard* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** SOP dalam Dewan...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** PN memang *double standard*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** ...Dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua, setakat ini arahan saya untuk melaksanakan perbahasan di peringkat kementerian. Isu tentang SOP kesihatan, apa yang diputuskan oleh Kementerian Kesihatan, sila bawa di luar. Saya minta maaf Yang Berhormat, saya tidak ada arahan sebalik daripada itu.

Jadi, saya mulakan balik *timer*, saya menjemput Yang Berhormat Menteri yang mewakili Kementerian Pendidikan.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Mana Menteri Kesihatan?

**11.55 pg.**

**Menteri Kanan Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan serta telah memberikan pandangan, saranan, teguran dan cadangan untuk dipertimbangkan bagi membantu penambahbaikan berterusan sektor pendidikan negara.

Pendidikan adalah satu pelaburan yang paling penting dalam membina sebuah negara yang berdaya maju dan mampu bersaing di peringkat global. Dalam Belanjawan 2021, sejumlah RM50.4 bilion atau sebanyak 15.6 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan kerajaan telah diperuntukkan kepada KPM. Kementerian ini menggalas tanggungjawab yang besar dalam memastikan setiap sen daripada peruntukan tersebut dapat memberi impak yang optimum kepada pembangunan pendidikan negara.

Ahli Yang Berhormat sekalian, tahun ini merupakan tahun yang amat mencabar bagi kita semua. Sektor pendidikan adalah antara sektor yang amat terkesan dengan pandemik COVID-19. Seramai lebih lima juta orang murid tidak dapat hadir ke sekolah dan mengikuti pembelajaran secara bersemuka seperti tahun-tahun sebelumnya.

Selain itu, seramai lebih 500,000 orang guru perlu menggunakan pelbagai pendekatan dalam meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran. Dalam sesi perbahasan Belanjawan 2021, terdapat lebih sejumlah 90 pertanyaan berkaitan dengan KPM yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekiranya saya tidak dapat menjawab kesemua pertanyaan di dalam Dewan yang mulia ini, KPM telah sediakan jawapan penuh secara bertulis untuk rujukan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya mulakan dengan penjelasan mengenai pengajaran dan pembelajaran semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Tuan Yang di-Pertua, seramai 24 orang Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai perkara berkaitan penutupan sekolah

semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) sewaktu sekolah ditutup serta jurang digital dan akses internet dalam kalangan murid.

Di peringkat awal pembukaan semula sekolah pada 24 Jun 2020, terdapat beberapa kes positif COVID-19 melibatkan murid, guru dan warga sekolah. Namun begitu, kemunculan gelombang ketiga pandemik COVID-19 membawa satu cabaran yang jauh lebih besar. Dalam menangani penularan COVID-19 di peringkat awal gelombang ketiga, sekolah akan ditutup sekiranya terdapat kes positif COVID-19 di sekolah atau sekolah berada di zon merah atau sekolah berada di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

Ahli Yang Berhormat Kulai dan Yang Berhormat Sibuti menyentuh tentang penutupan sekolah di zon hijau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan pelaksanaan PKPB di seluruh negara kecuali di negeri Kelantan, Pahang, Perlis dan Sarawak yang diumumkan pada 7 November 2020, semua sekolah di negeri terlibat telah ditutup hingga 6 Disember 2020.

Jumlah ini meliputi sebanyak 74 peratus daripada jumlah keseluruhan sekolah di bawah KPM di seluruh negara. Berdasarkan analisis data terhadap kes positif, kontak rapat dan kuarantin dalam kalangan warga sekolah yang semakin meningkat, serta kewujudan kluster baharu di tempat kerja melibatkan ibu bapa atau penjaga, KPM membuat keputusan untuk menutup baki sejumlah 26 peratus sekolah di empat buah negeri yang tidak terlibat dengan pelaksanaan PKPB. Ini bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan dalam kalangan warga sekolah.

KPM juga memutuskan agar sekolah terus ditutup sehingga hari terakhir sesi persekolahan tahun ini iaitu pada 18 Disember 2020.

## ■1200

Ini berdasarkan baki tempoh persekolahan yang tinggal hanya sembilan hari selepas PKPB tamat. Mengambil kira saranan KKM dan MKN dalam menangani penularan wabak COVID-19, KPM berpendirian bahawa murid, termasuklah murid di sekolah berasrama, perlu terus kekal berada di rumah. Ahli Yang Berhormat Bagan.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Minta penjelasan.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** *[Bangun]*

**Dr. Radzi bin Jidin:** Izinkan saya habiskan satu topik, dalam 20 minit terlalu singkat. Saya selesaikan topik ini, kemudian saya ambil soalan ya. Ahli Yang Berhormat Bagan ada menyatakan keimbangan kesan daripada penutupan sekolah kepada peluang pendidikan akibat penularan COVID-19. Seterusnya, Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Permatang Pauh ada membangkitkan tentang perancangan KPM untuk menambah baik pendidikan secara dalam talian.

KPM sentiasa berusaha memastikan murid mendapat pengetahuan dan kemahiran untuk kelangsungan pembelajaran pada tahun hadapan. Oleh itu, penajaran kurikulum dilaksanakan untuk semua mata pelajaran berdasarkan kurikulum sedia ada kecuali untuk murid Tingkatan 5. Penajaran ini melibatkan penyusunan semula kandungan, pedagogi dan juga pentaksiran bagi memenuhi keperluan khusus mata pelajaran.

Ahli Yang Berhormat Kulai menyentuh tentang kelancaran dan keseragaman sesi pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, KPM telah menyediakan manual pengajaran dan pembelajaran di rumah (manual PDPR) meliputi kaedah PdP untuk pembelajaran secara optimum di rumah. KPM turut menyediakan pelantar pembelajaran DELIMa. Sehingga kini, sejumlah 485 buah buku teks digital telah dimuat naik ke pelantar DELIMa.

Selain itu, terdapat juga video pendidikan dalam portal *EduwebTV* dan *cikgoTUBE* yang dipautkan ke dalam pelantar DELIMa. Bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, guru mengambil inisiatif melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid.

Selain itu, murid boleh menggunakan buku teks cetak dan buku aktiviti dalam menjalani PDPR. Guru mentaksir murid secara berterusan dan merancang intervensi mengikut kesesuaian murid. PdP turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan di TV Okey RTM selama dua jam, Tutor TV Astro selama empat jam dan terkini di saluran NTV7 selama tiga jam. Ini menjadikan keseluruhan siaran TV pendidikan adalah selama sembilan jam sehari.

KPM perlu menyusun jadual siaran TV Pendidikan bagi memenuhi keperluan semua murid dan pada masa yang sama memberi keutamaan kepada murid yang akan menduduki peperiksaan. Walau bagaimanapun, TV Pendidikan bukanlah satu-satunya pendekatan untuk pelaksanaan PdP di rumah. Tuan Yang di-Pertua, KPM menyanggah dakwaan Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam bahawa projek penerbitan video pendidikan dibuat secara lantikan terus.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Minta jalan.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Saya habiskan sedikit ya. Hakikatnya, perolehan ini telah dibuat secara telus melalui tender terbuka. Perolehan bernilai RM1.92 juta ini adalah untuk penghasilan 800 episod video pendidikan. Pada masa ini, syarikat pembekal telah menghasilkan 25 episod video pendidikan yang telah disiarkan dan 63 episod sedia untuk disiarkan. Manakala, 712 episod lagi masih dalam pelbagai peringkat penghasilan. Pelaksanaan PKP telah memberi kesan kepada jadual penerbitan video.

Oleh yang demikian, tarikh tamat kontrak projek dilanjutkan dari 30 November 2020 ke 31 Mac 2021.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** *[Bangun]*

**Dr. Radzi bin Jidin:** Izinkan saya habiskan topik pertama dulu. Kemudian-sebab saya ada 20 minit sahaja.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Ini dah dua, tiga topik dah.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tiga orang, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:** Kota Belud.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Oleh kerana disebut saya tadi...

**Dr. Radzi bin Jidin:** Sekejap lagi, sedikit lagi Yang Berhormat. Seterusnya, Ahli Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Igan, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Raub, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Selangau, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Tangga Batu membangkitkan tentang capaian internet di sekolah yang rendah, terutamanya di luar bandar dan pedalaman serta pelaksanaan digitalisasi sektor pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan komprehensif dalam memperkasa Pendidikan Digital Negara. Antaranya, KPM telah menyediakan capaian jalur lebar internet dengan kelajuan sehingga 100mpbs kepada 10,066 buah sekolah di seluruh negara. Bagi 141 buah sekolah yang tiada infrastruktur jalur lebar, KPM akan sediakan capaian internet melalui teknologi VSAT berkelajuan 30mbps dan dijangka siap pada Februari 2021.

Inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang melibatkan pembangunan infrastruktur dan penaiktarafan rangkaian telekomunikasi akan memberi manfaat yang besar kepada semua sekolah di seluruh negara. Usaha untuk meningkatkan kualiti capaian akses internet di sekolah akan terus diperkasakan. Bagi butiran Belanjawan 2021, sebanyak 430 buah sekolah di seluruh negara akan terlibat dalam inisiatif ini. KPM juga akan menaik taraf capaian internet sekolah kepada kelajuan 100mbps sehingga 800mbps melalui inisiatif Rangkaian Bersepadu Sektor Awam (MyGov\*Net) yang disediakan oleh MAMPU.

Bagi mengatasi masalah jurang capaian internet, KPM akan menaik taraf rangkaian setempat (*local area network*) dengan kaedah capaian dipelbagaikan melalui

rangkaian tanpa wayar (*wireless internet*) di pelbagai lokasi dalam kawasan sekolah mulai tahun 2021.

Ahli Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Igan, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Selangau, Yang Berhormat Tampin dan Yang Berhormat Tanjong Manis menyentuh mengenai pemilikan peranti di kalangan murid, khususnya di luar bandar. Melalui pembentangan Belanjawan 2021, KPM akan melaksanakan program rintis penyediaan peranti kepada 150 ribu orang murid meliputi 500 buah sekolah melalui Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional Berhad.

KPM sedang memperincikan kriteria murid dan sekolah yang bakal menerima peranti tersebut. Seterusnya, KPM akan mengadakan perbincangan lanjut bersama-sama dengan Yayasan Hasanah. Selain dapat membantu murid yang memerlukan, projek rintis ini adalah bertujuan mendapat kaedah pelaksanaan terbaik untuk cadangan perluasan. Saya persilakan Yang Berhormat Kulai, seterusnya Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol satu.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih. Ramai Ahli Yang Berhormat yang hendak tanya, jadi saya ringkas sahaja. Saya hendak tanya, setakat ini Johor dan Melaka telah izinkan tadika mereka untuk dibuka balik. Akan tetapi saya hendak tanya sama ada Pahang, Terengganu dan Kelantan yang dulu bukan di bawah CMCO, sama ada sekarang mereka diizinkan untuk buka beroperasi atau tidak?

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Kenapa di negeri Johor dulunya oleh sebab mereka di bawah CMCO, mereka tidak diizinkan buka. Sekarang sudah bukan di bawah CMCO, tadika diizinkan buka? Akan tetapi untuk Pahang, sebuah negeri yang langsung tidak ada kes aktif tetapi selama ini mereka tidak diizinkan untuk beroperasi. Tadika ini juga di bawah KPM, saya harap Yang Berhormat Menteri jangan lupa mereka.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Okey, satu Jempol, sekali jawablah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan dulu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, terima kasih. Saya ucapkan terima kasih atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat sedia maklum bahawa untuk tahun ini, sesi persekolahan hanya mengambil tempoh empat bulan dalam setahun persekolahan ini. Ini merupakan satu kehilangan besar daripada segi pembelajaran dan juga latihan sumber manusia.

Sungguhpun Yang Berhormat telah sebut tentang liputan yang boleh dibuat daripada RTM, TV3 dan sebagainya tetapi masalah besar daripada televisyen pendidikan ini ialah tidak ada sebarang interaksi. Oleh sebab itu, pentingnya kita ada *online learning*. Itulah sebabnya saya ada cadangkan RM4 bilion untuk beli komputer riba sama dengan internet akses. Saya rasa itu satu perkara yang penting supaya kita tidak benarkan anak-anak kita kehilangan masa depan mereka tanpa pendidikan.

**■1210**

Kedua, saya ada bertanya juga tentang peruntukan yang diberikan kerana dalam belanjawan terakhir Pakatan Harapan, peruntukan telah diberikan kepada sekolah agama, sekolah tahliz, sekolah pondok, sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah mubaligh dan sekolah Cina swasta. Apakah peruntukan yang telah diberikan dalam ini kerana kita lihat semua termasuk sekolah pondok, sekolah Tamil semua nampaknya dikurangkan. Saya berharap penjelasan boleh diberikan. Sekian terima kasih.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Satu lagi, Jempol.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol, Jempol.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Okey.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Simpang Renggam dahulu, selepas itu Yang Berhormat Jempol.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Tampin.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kanan. Tadi ada disebutkan tentang tender yang diberikan kepada Syarikat Radius Fund Sdn Bhd untuk menghasilkan bahan untuk TV Pendidikan, yang mana Yang Berhormat Menteri Kanan Senator telah sebutkan bahawa tender sepatutnya berakhir pada 30 November dan mereka hanya berjaya menghasilkan 25 siri daripada 800 siri. Maka, terpaksa dilanjutkan tarikh tender tersebut.

Persoalannya, dalam tempoh berbulan-bulan, hanya 25 siri sahaja. Apakah jaminan yang boleh diberikan untuk menyiapkan sebanyak 700 lebih apabila dilanjutkan tempoh? Persoalannya, mengapakah ini berlaku? Saya yakin di pihak Yang Berhormat Menteri Kanan mungkin tidak diberikan perincian oleh para pegawai terutamanya yang berada di BSKP. Saya ketika melihat di e-Perolehan, ketika dibuka tender tersebut,

dapat merasakan bahawa ia adalah satu projek yang sama ada akan gagal ataupun akan meleret dan bertangguh. Kenapa? Ini kerana ketika dibuka, harga yang ditawarkan adalah jauh di bawah harga pasaran.

Contohnya, untuk satu minit, tawaran harga yang diberikan ialah RM1,000...

**Dr. Radzi bin Jidin:** Yang Berhormat, pendekkan.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Sorry.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Sebab saya ada satu minit

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Untuk satu siri ialah RM2,500. Ini jauh daripada harga pasaran. Biasanya harga pasaran, untuk tempoh satu minit ialah RM1,000 dan diminta untuk 25 minit. Harga penawaran ialah RM2,500. Walhal harga pasaran ialah RM1,000 seminit. Maksudnya RM25,000. Maka syarikat manakah yang berani masuk?

Oleh sebab itu bagi pihak pasaran, mereka melihat seolah-olahnya ada unsur untuk memberikan langsung kepada syarikat yang berani masuk. Pada saya itu tidak kisah, apa yang saya risaukan ialah kita memperjudikan pendidikan anak-anak kita. Apabila kita tahu kita memberikan satu proses penyediaan rancangan TV Pendidikan...

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** ...Di bawah harga pasaran dan ini terdedah untuk penangguhan.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak ada masa...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** ...Dan ini yang berlaku, hanya 25 siri dalam tempoh yang telah ditetapkan. Ini merupakan penggadaian terhadap masa depan anak-anak kita. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Terima kasih, saya jawab dahulu. Sebelum saya bagi Yang Berhormat Jempol, saya jawab dahulu. Yang Berhormat Jempol, silakan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Okey, saya hendak memberikan penjelasan pada Yang Berhormat Menteri. Gelombang ketiga yang melanda, semua sekolah ditutup. Saya hendak tahu. Apakah yang berlaku sekiranya sekolah tidak ditutup dan jangkitan COVID-19 meningkat di kalangan murid-murid sekolah dan wujud kluster-kluster baharu? Apakah tindakan kementerian apabila wabak ini menular di semua sekolah?

**Dr. Radzi bin Jidin:** Sekejap, saya jawab dahulu Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali berkaitan dengan tadika tadi oleh Yang Berhormat Kulai. Tadika sepatutnya masih ditutup, itu saya nak kena semak balik maklumat yang diberikan oleh Yang

Berhormat Kulai. Berdasarkan pengumuman yang kita maklumkan tempoh hari sepatutnya masih ditutup, *let me check the detail* dan apa sebenarnya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Maksudnya Johor dan Melaka semua..

**Dr. Radzi bin Jidin:** Masih ditutup, masih ditutup. Tadika ya, ini bukan nurseri.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tadika. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kanan semak kerana apabila pejabat saya menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri Johor...

**Dr. Radzi bin Jidin:** Ya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Unit swasta...

**Dr. Radzi bin Jidin:** Okey.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Maklumat yang saya terima adalah tadika sekarang boleh diizinkan...

**Dr. Radzi bin Jidin:** Okey, saya *check*. Saya semak.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Akan tetapi mengikut arahan kita, tadika ditutup. Berkaitan...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Isu yang sama, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Sekejap.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Isu yang sama. Saya hanya hendak tanya. Perbahasan kita telah bangkitkan minggu lepas, kenapa semalam dan hari ini Menteri MKN, Menteri Pendidikan masih perlu datang Parlimen dan kata kita akan semak. Perbahasan isu ini telah dibangkitkan minggu lepas. Sepatutnya Menteri sebelum datang untuk menjawab, sepatutnya sudah semak.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak jelaskan, saya kata tadi arahannya masih ditutup. Jadi, apabila Yang Berhormat Kulai kata dibuka, maka saya kata saya kena semak betul atau tidak maklumat yang diberikan. Arahan sehingga pada hari ini adalah ditutup. Oleh sebab itu saya kata, semak.

Kemudian saya hendak menjawab tentang apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Jempol tentang hilang masa persekolahan. Inilah antara cabaran utama. Kami di Kementerian Pendidikan di peringkat awal berlakunya gelombang ketiga, mencari pelbagai kaedah untuk memastikan kita boleh terus membuka sekolah. Ini kerana kita mahu anak-anak kita ini terus berada di sekolah dan belajar secara bersemuka. Saya kata semua antara kita di sini inginkan keadaan sedemikian tetapi keadaan tidak mengizinkan.

Sepertimana Yang Berhormat Jempol tanya, apa akan terjadi sekiranya berlaku jangkitan? Apabila kita *monitor* jangkitan di sekolah, kita mendapati semakin hari jumlah jangkitan semakin meningkat. Oleh sebab itu, saya kata apabila berlaku kluster di tempat kerja yang melibatkan ibu bapa, maka anak-anak ini berisiko untuk terjangkit. Sehingga 20 November 2020, saya berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, 763 buah sekolah ada yang warga sekolahnya positif sehingga 20 November dan rekod ini mungkin tidak begitu lengkap kerana ada sesetengah kes yang mungkin tidak dilaporkan kepada pihak kami.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Oleh yang demikian, menjawab...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tentang apa yang dibangkitkan oleh...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Yang Berhormat Jempol, kami bersetuju bahawa ruang itu hilang namun— sekejap Yang Berhormat ya. Namun kita sedang berusaha untuk memastikan apa sahaja kaedah yang kita boleh laksanakan, anak-anak ini masih mendapat pendidikan.

Kita bercakap tentang *online learning*, betul kita sediakan. Namun begitu, tidak semua anak-anak kita mempunyai akses kepada internet dan tidak semua juga yang mempunyai peranti. Oleh sebab itu, kita menggunakan pelbagai kaedah termasuk TV Pendidikan, termasuk penghantaran bahan pembelajaran.

Kemudian, saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Simpang Renggam. Apa yang disebutkan tadi bahawa perolehan tersebut dibuat secara tender terbuka. *Nothing*, tidak ada apa. Pada waktu itu saya hendak bercerita kepada Yang Berhormat Simpang Renggam, pada awal berlaku PKP, kita tidak ada TV Pendidikan secara *terrestrial*. TV Pendidikan secara *terrestrial* di televisyen ini sudah dihapuskan sejak lama sudah. Oleh yang demikian, apabila kita masuk, kita tengok berlakunya PKP, kita perlu TV Pendidikan, *we scramble along*. Mencari apakah kaedah yang terbaik untuk mendapatkan bahan-bahan ini secepat mungkin dalam tempoh ini juga.

Kita punya *aim* adalah untuk memastikan supaya kita dapat dalam tahun ini. Apa yang berlaku, apabila berlaku PKP, bahagian penggambaran ini tidak dapat dilaksanakan kerana dalam melaksanakan penggambaran ini, cikgu-cikgu perlu *move around* dan juga pada waktu itu antara sektor yang diperketatkan adalah penggambaran. Itu antara cabaran yang dihadapi. *Alhamdulillah* walaupun 25 siri sudah disiarkan, lebih 60 siri telah siap dan menunggu masa untuk disiarkan. Saya rasa...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri masih belum menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan iaitu berkaitan dengan peruntukan penyelenggaraan untuk sekolah-sekolah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sekolah-sekolah belum jawab lagi Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Harap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab soalan itu.

**Dr. Radzi bin Jidin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya akan jawab...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina, perincian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit Yang Berhormat.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Saya akan jawab...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kenapakah ia dikurangkan?

**Dr. Radzi bin Jidin:** Saya akan jawab sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kenapakah tidak dinyatakan dalam pembentangan belanjawan? Kenapakah tidak diperincikan dengan jelas?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Yang Berhormat, saya hendak jawab ini, tunggu sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri belum beri kebenaran.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bagi Yang Berhormat Puchong mencelah tidak?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Bagi Yang Berhormat Menteri menjawablah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh?

**Dr. Radzi bin Jidin:** Saya selesaikan jawab ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh, ini isu yang sama. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya setuju apabila Yang Berhormat Menteri memberi penekanan kepada perlu untuk kita pastikan bahawa semua murid dalam sekolah ada akses kepada apa yang kita sebut sebagai kandungan digital ini. Akan tetapi dalam masa yang sama, saya dengar Yang Berhormat Menteri kata bahawa kita melihat kepada kaedah teknologi VSAT untuk membawa internet ke sekolah-

sekolah, khususnya di kawasan luar bandar dan terpencil tetapi itu akan memakan masa yang cukup lama. Ia dijangka siap tahun 2021.

Jadi soalnya, kenapa kita tidak boleh lihat kepada kaedah-kaedah yang membolehkan kita membawa atau *connectivity* ataupun kesalinghubungan kepada sekolah-sekolah ini dalam masa yang lebih dekat. Sekarang kita ada banyak jenis teknologi, tidak perlu untuk kita tunggu kerana Yang Berhormat Menteri, kalau kita tunggu setahun, itu bermakna bahawa murid-murid dalam sekolah ini tidak ada akses kepada kandungan yang kita keluarkan itu untuk setahun. Cukup serius perkara ini.

**■1220**

Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri supaya beri penjelasan ataupun melihat kepada kaedah-kaedah yang lebih cepat supaya kita boleh pastikan bahawa dalam masa terdekat kita boleh selesaikan masalah kekurangan infrastruktur ini untuk kebaikan murid-murid dalam sekolah-sekolah kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Saya jawab dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Berkaitan dengan teknologi VSAT tadi, seperti saya maklumkan, ia akan dapat disiapkan dijangka pada bulan Februari 2021. Hanya tiga bulan lagi. Dalam bulan Februari 2021. Jadi, kita rasa itu, *insya-Allah*, akan memberi ruang untuk anak-anak ini apabila kembali ke sekolah, keadaannya telah tersedia.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Sepanggar boleh? Sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepanggar, ya. *Last ya.*

**Dr. Radzi bin Jidin:** Saya ada satu topik lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri sampai 12.25 tengah hari. Sila, Yang Berhormat Sepanggar.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Yang Berhormat Menteri, tadi disebut kesukaran pelajar-pelajar kita khususnya di luar bandar tentang peranti. Sebab kadang-kadang, terutamanya sekali di luar bandar ini, telefon pun tidak ada. Akan tetapi untuk kami di negeri Sabah ini Yang Berhormat Menteri, selain daripada telefon tidak ada, rangkaian internet juga tidak ada. Malah lebih teruk lagi, disebabkan oleh COVID-19 ini, terjejas pendapatan mereka. Ramai di kalangan ibu bapa ini yang tidak mempunyai kemampuan untuk *reload* telefon mereka. So, apa tindakan pihak kementerian untuk membantu golongan ini? Kerana ramai anak-anak kita ini yang berkemampuan untuk *reload* telefon mereka sahaja. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Saya rasa kalau Tuan Yang di-Pertua bagi lama lagi, saya boleh ambil lagi soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Lima minit. Otherwise, saya kena selesaikan pertanyaan berkaitan dengan penyelenggaraan sekolah tadi.

So, saya jawab pertanyaan Yang Berhormat Sepanggar tadi. Ya, sebab itu dalam konteks apabila kita menyebut tentang pengajaran dan pembelajaran di rumah, kita kata kaedah yang digunakan adalah mengikut kesesuaian murid dan guru. Kita faham keadaan di luar bandar sebagaimana keadaannya, akses internet dan sebagainya.

Daripada awal kita tekankan bahawa kaedah yang digunakan ini mesti sesuai untuk murid dan juga mesti sesuai untuk guru. Kalaukah kaedah itu tidak bersetujuan, memberi bebanan dan sebagainya, guru boleh memilih apakah kaedah yang terbaik dan selama ini, sepanjang tempoh ini, guru-guru kita telah melakukan yang terbaik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan berkaitan dengan peruntukan. Tadi ramai Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya mengambil sedikit masa. Ahli Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Kuala Langat bertanya tentang ketiadaan peruntukan penyelenggaraan mengikut jenis sekolah dalam Belanjawan 2021.

Semasa sesi libat urus bersama-sama Kementerian Kewangan, KPM telah memohon supaya KPM diberi tanggungjawab untuk menentukan agihan peruntukan penyelenggaraan sekolah dan institusi pendidikan di bawah pengendalian KPM. Ini bagi memastikan pengagihan dapat dibuat secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira bilangan dan jenis sekolah.

KPM mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana telah memperuntukkan sejumlah RM800 juta dalam belanjawan bagi tujuan penyelenggaraan sekolah dan institusi pendidikan di bawah pengendalian KPM. Kementerian ini juga telah diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan pengagihan peruntukan tersebut. Seperti mana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyelenggara sepenuhnya sekolah kerajaan. Pada masa yang sama, kerajaan boleh memberi sumbangan bantuan kepada sekolah bantuan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 10,223 buah sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan di bawah pengendalian KPM. Saya baca satu persatu untuk makluman. Sebanyak 5,624 buah sekolah rendah berstatus sekolah kerajaan, 18 buah sekolah rendah berstatus sekolah bantuan kerajaan, 2,070 buah sekolah menengah berstatus sekolah kerajaan, empat buah sekolah menengah berstatus sekolah bantuan kerajaan, 416 buah sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) berstatus sekolah kerajaan, 884 buah SJKC berstatus sekolah bantuan kerajaan, 162 buah

sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) berstatus sekolah kerajaan, 365 buah SJKT berstatus sekolah bantuan kerajaan, 12 buah sekolah mubaligh berstatus sekolah kerajaan, 370 buah sekolah mubaligh berstatus sekolah bantuan kerajaan, 65 buah sekolah *conforming* berstatus sekolah kerajaan, sembilan buah sekolah *conforming* berstatus sekolah bantuan kerajaan dan 224 buah sekolah agama bantuan kerajaan.

Selain daripada sekolah, terdapat juga beberapa institusi dan fasiliti yang berada di bawah pengendalian KPM seperti kuarters guru, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Institut Aminuddin Baki dan kolej matrikulasi. Oleh yang demikian, peruntukan sebanyak RM800 juta tersebut secara relatifnya agak terhad dengan mengambil kira jumlah sekolah dan institusi pendidikan yang terlibat. Justeru, ia perlu diagihkan dengan cermat, teliti dan berhemat bagi memastikan impak yang optimum.

Daripada peruntukan berjumlah RM800 juta dalam Belanjawan 2021 untuk KPM, sebanyak RM750 juta akan digunakan untuk menyelenggara sekolah dan bukan sekolah, manakala peruntukan sebanyak RM50 juta akan digunakan untuk menaik taraf atau membina dewan terbuka. Daripada jumlah RM750 juta yang dikhaskan untuk penyelenggaraan sekolah dan bukan sekolah, pecahan agihan adalah seperti berikut:

- (i) sebanyak RM620 juta untuk penyelenggaraan sekolah di bawah pengendalian KPM;
- (ii) sebanyak RM30 juta untuk peruntukan tambahan kritikal;
- (iii) sebanyak RM50 juta untuk penyelenggaraan institusi di bawah pengendalian KPM; dan
- (iv) sebanyak RM50 juta untuk pembaikan cerun.

KPM bercadang mengagihkan peruntukan penyelenggaraan bagi tahun 2021 berdasarkan satu formula. Formula ini mengambil kira bilangan dan jenis sekolah sama ada kategori sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Dalam menggunakan formula ini, asas perkiraan adalah berdasarkan purata daripada peruntukan RM620 juta bagi 10,223 buah sekolah iaitu sebanyak RM60,648 setiap sekolah. Akan tetapi ini bukan kita bagi. Ini untuk tujuan kiraan dalam formula tersebut. *The first step.*

Kemudian, siling peruntukan bagi sekolah bantuan kerajaan dikira berdasarkan 90 peratus daripada purata tersebut didarabkan dengan bilangan 1,930 buah sekolah bantuan kerajaan. Ini menjadikan siling peruntukan untuk sekolah bantuan kerajaan adalah sebanyak RM105.34 juta. Siling peruntukan bagi 8,293 buah sekolah kerajaan pula adalah berdasarkan peruntukan penyelenggaraan sekolah sebanyak RM620 juta ditolak siling sekolah bantuan kerajaan. Ini menjadikan siling peruntukan untuk sekolah kerajaan ialah RM514.66 juta.

Jadi...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Sekejap, sekejap, sekejap.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Yang Berhormat, tidak habis lagi. Duduk dulu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bukan. Terus jawab saya. *You are so long-winded, you are going everywhere.*

**Dr. Radzi bin Jidin:** No. I have to explain.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak menjawab soalan yang kita bangkitkan. Berapa yang diagihkan? Kenapakah ia dikurangkan? Kenapa ia tidak boleh disenaraikan di buku belanjawan?

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tidak habis lagi. Duduk dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Apa yang saya jelaskan tadi adalah satu formula. Satu formula. Ini berbeza dari tahun lepas. Formula ini dikira berdasarkan jumlah sekolah. Kalau sekolah itu sekolah kerajaan, kadarnya adalah kadar sekolah kerajaan tanpa mengira sama ada sekolah tersebut SJK(T), SJK©, sekolah kebangsaan, sekolah mubaligh dan sebagainya. Kalau itu sekolah kerajaan, maka menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk menyelenggara sekolah kerajaan. *[Tepuk]* Itu kena jelas. Sekejap, Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Anak-anak di sekolah semua hendak belajarlah.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Oleh yang demikian...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya hendak tahu satu sahaja. Ada tidak... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagilah Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** No. *He is long-winded. He is going everywhere.* *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat! Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan untuk mencelah. Tolonglah hormati beliau. Silakan.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tanpa penjelasan, kata tidak dijelaskan. Apabila sebut dengan penjelasan yang jelas, kata berpusing-pusing. Ini masalah Ahli-ahli Yang Berhormat.

■1230

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Akan tetapi kenapa tidak dinyatakan dalam buku belanjawan? Kenapa tidak jelaskan dalam buku belanjawan...  
[Sistem pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dr. Radzi bin Jidin:** Yang Berhormat Jelutong, saya jelaskan tadi, saya– pihak KPM memohon kepada pihak Kementerian Kewangan supaya berikan kami peluang untuk mengagihkan peruntukan ini berdasarkan data-data yang ada di Kementerian Pendidikan. *[Disampuk]* Tunggu! Saya jelaskan, tunggu.

Oleh yang demikian, berdasarkan formula, ini nak sampai dah ini, sabar Yang Berhormat. Berdasarkan formula ini, siling peruntukan bagi jenis sekolah adalah seperti berikut, tapi kena tunggu sampai habis. Dengar dulu.

- (i) RM477.48 juta bagi sekolah rendah dan sekolah menengah berstatus sekolah kerajaan, termasuk sekolah berasrama penuh;
- (ii) RM1.2 juta bagi sekolah rendah dan sekolah menengah berstatus sekolah bantuan kerajaan;

Ini tidak pernah diberikan perhatian sebelum ini. Jadi kita *check* data, ada sekolah ini, kita beri perhatian juga kepada sekolah ini.

- (iii) RM74.07 juta bagi SJK(C) berstatus sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan;
- (iv) RM29.98 juta bagi SJK(T) berstatus sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan;
- (v) RM20.94 juta bagi sekolah mualigh berstatus sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan;
- (vi) RM4.11 juta bagi sekolah *conforming* berstatus sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan; dan
- (vii) RM12.23 juta bagi sekolah agama bantuan kerajaan.

Perincian kaedah agihan peruntukan yang dirancang adalah seperti mana dalam ucapan penuh yang akan saya sertakan dengan lampiran. Selain daripada itu, untuk sekolah-sekolah yang menerima peruntukan kurang daripada RM30 juta tetapi sekolah itu sampai satu masa dah habis silingnya, sampai ke silingnya, kita ada satu *pool* lagi untuk sekolah-sekolah ini. Kalau perlukan, dia boleh *tap into this pool*.

So, sekolah-sekolah yang dapat kurang daripada RM30 juta, sekiranya hantar permohonan, tunjukkan keperluan penyelenggaraan, maka sekolah-sekolah ini boleh

*tap into the pool* yang kita sediakan sebanyak RM30 juta. Saya rasa itu merupakan satu penjelasan yang jelas.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kenapa? Kenapa menyusahkan semua ni? *All the formula* Yang Berhormat kata, *all formula irrelevant*. Apa yang kita tahu adalah *amount* itu telah dikurangkan. Ini sangat diskriminasi, *especially* sekolah-sekolah yang perlukan. Jangan diskriminasikan anak-anak kita. Kedua, Yang Berhormat sudah salah. Dalam buku belanjawan tidak disenaraikan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yes exactly.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak terperinci. Kenapa sedemikian? Tidak pernah, tahun dulu, *very easy*. Kenapa yang itu tidak dibuat? Kenapa perlu disembunyikan?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dan kenapa ada *pool* Yang Berhormat? Kenapa ada *pool*? Berikan terus. Kita beri RM50 juta...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Menteri?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kenapa potong kepada RM29 juta? Kenapa perlu mereka memohon?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Formula, formula baru. Formula dari-ajaib dapat formula itu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Serahkan terus kepada sekolah-sekolah Tamil. Kenapa ada pengurangan?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Formula baru ini tidak adil kepada SJK(T).

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ini merupakan diskriminasi... [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana nak jawab ini? Silakan.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi ada formula. Saya ringkaskan formula tersebut, okey. Formulanya begini, dua faktor yang membezakan nilai iaitu pertama, bilangan sekolah dan yang kedua, jenis sekolah. Sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.

Jadi, kita RM620 juta. Apa yang berlaku, kita lihat pengagihan ini tidak dibuat berdasarkan jumlah sekolah. Di peringkat kementerian, dibincang apakah kaedah yang lebih baik, supaya pengagihan ini mengambil kira semua sekolah. Selagi sekolah itu berada sebagai sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan dan di bawah Kementerian Pendidikan, seperti mana yang saya sebut tadi, yang kami boleh bagi bantuan, maka, itulah kadarnya. Jadi, saya sebut tadi... [*Tepuk*]

Dia tak ada— Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak ada sebarang unsur lain selain daripada unsur keadilan dalam apa formula yang kita gunakan ini kerana asasnya adalah jumlah sekolah dan juga jenis sekolah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, Menteri. Seterusnya jawab bertulislah.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** ...Kepalanya di mana?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya nak tahu, di bawah formula baru ini, setuju atau tidak Menteri bahawa SJK(T) hilang RM20 juta pada tahun ini? Sebab kalau kita lihat tiap tahun sebelum ini, SJK(T) mendapat RM50 juta, tetapi tahun ini kita tak dapat RM50 juta. Di bawah formula ini, saya dapati SJK(T) hilang RM20 juta. Setuju atau pun tidak?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan, Menteri. Penjelasan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak ada diskriminasi tetapi wang yang diagihkan kurang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, tidak.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *It doesn't make sense.* Apa Yang Berhormat...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, Menteri. Ada satu soalan lagi.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Sekejap, sekejap. Saya jelaskan. Sekejap, sekejap. Duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebut tadi, kita tak bercakap tentang pengurangan. Saya nak sentuh sedikit, kalau bercakap tentang pengurangan, sekolah berasrama penuh, kurang RM50 juta tetapi kita masukkan dalam *pool* yang sama.  
[Tepuk]

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itu yang kita menentang.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Sekejap, sekejap, sekejap.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kita mahu dikekalkan sekolah asrama, sekolah agama rakyat, sekolah pondok, sekolah tafhiz.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tunggu, tunggu, tunggu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Mengapa dikurangkan?

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tunggu, tunggu, tunggu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau PH boleh bagi, kenapa PN tak boleh bagi? PH bagi... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat beri, beri, beri...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kekalkan yang dulu, kalau boleh... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat Menteri. *Last, last ya.*

**Dr. Radzi bin Jidin:** Kalau kita bercakap tentang pengurangan, pengurangan juga berlaku pada sekolah-sekolah lain. Akan tetapi pertambahan juga berlaku kepada SJK(C), kerana apa? Kerana jumlah sekolah tidak ada faktor lain. Faktor jumlah sekolah dan juga sama ada sekolah itu sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini Yang Berhormat Ayer Hitam boleh setuju kah? Yang Berhormat Ayer Hitam duduk sebelah, boleh setuju kah? *[Dewan riuh]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Senyap, senyap itu setujulah.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Setuju, setuju.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini betul-betul pengkhianat lah! *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tiada ada kena mengena dengan Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang lainnya bertulis ya Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, Menteri. *Last, last, last.*

**Dr. Radzi bin Jidin:** Okey, *last, last* ya. Jadi saya nak jelaskan di sini...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Menteri ada bincang perkara ini dengan Yang Berhormat Tapah tak? Yang Berhormat Tapah? Sekolah-sekolah Tamil. Adakah Yang Berhormat Tapah setuju pengurangan ini, saya nak tahu. Adakah... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, tolong *wind up*. Kita selesaikan perkara ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Satu soalan, *simple* sahaja Menteri.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Saya jelaskan sikit sahaja lagi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bolehkah bagi senarai jumlah peruntukan sekolah agama, sekolah tahfiz, sekolah pondok, banding dengan yang tahun lepas. Okey, itu sahaja.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Okey...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya harap kita boleh dapat maklumat berdasarkan fakta pada angka supaya kita tahu. *This is transparency* Yang Berhormat, please.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Ya, sekejap, sekejap ya saya jawab. Saya jawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sudah kata, saya sertakan kaedah pengiraan dalam lampiran jawapan. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* Saya tidak sorok apa-apa. Ada kaedah pengiraan boleh tengok. Ini jawapannya. Ada kaedah pengiraan dalam lampiran yang disertakan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya ada dalam buku belanjawan. Sepatutnya ada dalam buku belanjawan. *[Sambil menunjukkan buku belanjawan]*

**Dr. Radzi bin Jidin:** Saya mengucapkan jutaan..

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Last, last* soalan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukup, cukup...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Menteri dah cukup dah...

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua tak bagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, dah lebih masa dah. Sejam dah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Nanti saya jumpa dekat luar. Menteri, kita jumpa di luar.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Pendidikan. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Macam mana kita nak lulus kalau tiada dalam buku belanjawan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin persilakan Yang Berhormat Lembah Pantai...

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]:** Apa bising-bising, tolak sahaja belanjawan ini.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Sepanggar sekejap.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Sebentar tadi kita ada membangkitkan tentang isu Yang Berhormat Keningau yang telah menghadiri Dewan Undangan Negeri pada hari Khamis, 12 November di negeri Sabah.

Bermakna kalau hari ini Tuan Yang di-Pertua, dia berada di Kuala Lumpur ini kurang daripada 14 hari. Jadi, persoalan kita, atas arahan daripada Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini, malah minggu lepas pun Tuan Yang di-Pertua ada mengulangi dan meminta kepada Ahli-ahli Parlimen dari Sabah agar berkorban. Agar tidak balik ke kawasan masing-masing kerana kita ada sidang Parlimen.

Hari ini saya lihat Yang Berhormat Keningau, tanpa melalui proses kuarantin dan alasan yang diberikan telah mendapat persetujuan, kebenaran dari klinik. Jadi, persoalan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, bagaimana mungkin klinik boleh *overrule* kuasa atau arahan yang telah diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri, arahan

daripada kerajaan? Tuan Yang di-Pertua, keluarga saya meninggal minggu lepas, kami tidak pulang, sanggup berkorban kerana apa? Kerana kami patuh kepada arahan Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk] Jadi, minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Takziah kepada Yang Berhormat di atas pemergian ahli keluarga Yang Berhormat. Pada pagi tadi saya terima satu pemberitahuan mengenai Yang Berhormat tersebut. Saya telah difahamkan bahawa beliau telah maklumkan bahawa Yang Berhormat Keningau telah mendapat *release order* daripada Kementerian Kesihatan Malaysia pada 23 November 2020 dan juga *wristband* nya telah dipotong oleh Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai pada 23 November 2020, selepas menjalani kuarantin dan juga didapati *testnya*, *resultnya*...

■1240

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Laporan itu berapa hari Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Speaker, berapa hari kuarantin?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuarantinnya...

**Seorang Ahli:** 11 hari.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Di mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Seperti yang saya dapatlah, pada 12 November 2020 sehingga *release* tersebut 23 November.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Because kita dapat maklumat Tuan Yang di-Pertua, *he was spotted in Kota Kinabalu on the 13<sup>th</sup>*. Maknanya 12 hari bulan dia hadir mesyuarat Dewan Undangan Negeri, *13<sup>th</sup> he was spotted in KK*. So, persoalan kita di sini— even kalaupun dia 12 hari bulan itu dia berada di Kota Kinabalu, bermakna dia baru 12 hari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya...

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya baru kongsi waktu saya datang ke Kuala Lumpur ini pun saya buat *testing*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya faham.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** ...di klinik kerajaan dan swasta, *tested negative test COVID*. Akan tetapi, apabila di *airport* KLIA Tuan Yang di-Pertua, kita dimaklumkan oleh pekerja yang ada di KLIA, tidak ada *exception*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham, faham.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Jadi maknanya di sini, kenapa *double standard*?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham, saya sebenarnya bertindak mengikut KKM dan MKN. Saya tidak mempunyai *resource* untuk memantau semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, saya cuma bercakap berdasarkan dokumen...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Speaker...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tuan Speaker, mana boleh Tuan Speaker kata tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejaplah saya cakap. Sekejaplah, sekejap.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** *This is your House.*

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Ini bukan soalan KKM, ini soal Parlimen.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** *This is your House.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Ini soal Parlimen. Ini keperluan Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dapat— boleh tidak saya cakap? Saya hendak menjawab ini. Boleh?

Jadi, saya mendapat pemberitahuan bahawa beliau dikuarantin dari 12 November. Pada 12 November dan *testnya* negatif dan diberi *clearance* dan *wrist bandnya* dipotong pada 23 November. Itu yang maklumat yang saya dapat. Jadi, kalau inginkan saya memeriksa dengan lebih lanjut. Saya perlu masa.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua, itu yang kita pertikaikan ini...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kuarantin di mana itu, kuarantin di mana?

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Kenapa berlaku perbezaan...

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau 12 hari bulan kena kuarantin campur 14, pada 26 hari bulan baru boleh masuk Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu saya cakap.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Speaker, you are a *learned person* Speaker. You are a *learned person*. Kita bukan sini tanya soalan sebab kena tanya soalan. Ini sudah pun pecah peraturan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebab saya *follow*— saya *follow* nasihat KKM...

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Langgar peraturan ini.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua, hari ke-13 kita memakai gelang merah, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Are you setting up a precedent— lain orang boleh masuk?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** ...Hari ke-13 kita memakai gelang merah dan *we were tested on the 13<sup>th</sup> day*. Pada ketika hari ke-13 itu, kita disahkan negatif dan itu pun pihak hospital tidak membenarkan kita potong. *Only after the next day* baru kita dibenarkan potong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau begitu biar saya hubungi pihak yang berkuasa iaitu Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai ini untuk mendapat maklumat dengan lebih lanjut bagaimana ia boleh terjadi.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Akan tetapi, keputusan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Keningau *should not be allowed to enter* Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah, sebab saya ikut *release order* itu.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak ada pula *call* untuk *question* itu untuk mempersoalkan *release order*. Saya cuma ikut apa yang KKM beri kepada saya. Apa yang MKN beri kepada saya. Akan tetapi, kalau diperlukan untuk...

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua, kita memakai kad ini. Kalau saya boleh kongsi sikit...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:**...Kita memakai kad ini, Tuan Yang di-Pertua, *melimitkan* 80 orang. *Mainly because* kita ingin meminimumkan risiko.

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Yang Berhormat Keningau datang dari Sabah, kurang 14 hari, itu lagi risiko kepada kita Tuan Yang di-Pertua.  
[Tepuk]

**Seorang Ahli:** Halau *him*.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau begitu, izinkan sedikit masa untuk menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai ini yang *release band* itu untuk mendapatkan maklumat lebih lanjutlah.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cuma ikut apa yang diberikan kepada saya.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Sementara itu, kita hendak satu *ruling*, Yang Berhormat Keningau tidak boleh masuk ke dalam Dewan langsung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya telah minta Yang Berhormat Keningau tidak menghadiri dari tadi.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Okey.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Kami juga ingin tahu apa alasan daripada Kementerian Kesihatan ataupun pusat kesihatan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan hubungi.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** ...Alasan dia. Ini kerana itu lebih kurang daripada 14 hari. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan hubungi.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kita hendak tahu kuarantin di mana itu?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Lebih baik *get the result from DG lah. Get DG to make a statement on this issue.* DG kena buat *statement* atas isu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sorry, siapa cakap?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, ini *release order* ini *has to be taken without of suspect.* Kita semua tahu pada Khamis ini ada undi, maka itulah mereka ini diberikan sedikit kelonggaran. Jangan kita sewenang-wenangnya bersetuju kepada kementerian sedemikian.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak apa. Jangan panjangkan masa lagi. Saya akan hubungi pihak berkuasa yang berkenaan untuk meminta maklumat, ya.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita ada gambar dia berada di Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bukan— saya tidak boleh memantau setiap orang. Saya cuma— saya akan bertindak mengikut apa yang saya dapat tetapi kalau diperlukan saya meminta maklumat selanjutnya. Beri saya sedikit masa, saya akan *contact.* Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua,...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tuan Yang di-Pertua,..

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin meminta, mempersilakan Yang Berhormat Kementerian Pengangkutan. Silakan.

**12.46 tgh.**

**Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan 14 Ahli Yang Berhormat terhadap kementerian saya yang membahaskan serta menyentuh perkara di bawah bidang kuasa MOT.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan jawapan perbahasan Kementerian Pengangkutan dengan menjawab tuduhan-tuduhan yang telah dilemparkan oleh Yang Berhormat Seremban, mantan Menteri Pengangkutan.

Pertama adalah berkaitan dengan *Projek Klang Valley Double Track Phase 2* (KVDT2). Yang Berhormat Seremban mudah mula tetapi rekod tetap ada beliau telah memberitahu Jemaah Menteri pada 19 September 2018 bahawa kos projek KVDT2 dapat dikurangkan jika dilakukan secara tender terbuka.

Namun, beliaulah yang mengangkat Memorandum Jemaah Menteri pada 5 Julai 2019 untuk menganugerahkan Projek KVDT2 secara rundingan terus kepada Syarikat Daya Maju LTAT atau dengan nama singkatan DMLTAT.

Yang Berhormat Seremban lupa juga, beliaulah yang telah mendengar pembentangan mengenai kajian harga anggaran yang jauh lebih rendah bagi projek KVDT2 oleh syarikat OPUS Consultant Sendirian Berhad. Satu-satu anak syarikat Khazanah Nasional Berhad. Sebanyak dua kali pada tahun 2018.

Yang Berhormat, ketika Yang Berhormat buat tuduhan itu, saya berada di katil hospital. Biarlah saya habis dahulu. Ada masa saya bagi. Saya tidak lari Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Bagi masa sekarang lah, 18 minit. Bagi sekarang.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Namun, perkara yang dapat manfaatkan rakyat dan negara ini tidak dimaklumkan oleh Yang Berhormat Seremban ketika menjadi Menteri kepada Jemaah Menteri. Kalau laporan OPUS... *[Disampuk]*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Itu salah. Itu fakta yang salah Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Itu fakta yang salah. Ulasan...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Tolong. Yang Berhormat Menteri tidak bagi. Sedang menjawab.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Dia mengelirukan Dewan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya—tidak apa. Saya akan bagi. Saya janji. Saya dah kata saya tidak akan lari. Tidak apa.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, dia mengelirukan Dewan. Dia tipu fakta.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Biar saya habiskan dahulu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Betul. Perintah tetap tidak boleh. Menyeleweng.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat Seremban...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Seremban. Yang Berhormat Seremban telah membangkitkan beberapa isu. Kita benarkan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Itu cara kita berbahas.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat Seremban, kalaularah laporan OPUS Consultant itu tidak formal, kenapa Yang Berhormat mencadangkan kepada Kementerian Kewangan pada masa itu untuk mempertimbangkan OPUS Consultant sebagai Perunding Penyemak Bebas (ICC). Surat niat atau *letter of intent* juga telah pun dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada masa itu kepada OPUS Consultant. Cuma, sebelum surat setuju terima dikeluarkan, sempat dikeluarkan, Kerajaan PH telah runtuh. Ini hakikat. Tidak boleh lari.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** ...Ada juga perkara Yang Berhormat Seremban... *[Disampuk]*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Bagi jalan lah.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sekejap.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Bagi jalan untuk bahas.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Di mana beliau mengesahkan di Dewan yang mulia ini pada 9 Julai 2019 bahawa KTMB sebagai pengguna landasan kereta api telah menulis surat pada 21 Februari 2019 kepada Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kewangan yang menyatakan kebimbangan mereka sekiranya syarikat DMLTAT dikurniakan Projek KVDT2 secara langsung.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Bagi penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tidak apa, saya bagi. Sekejap lagi. Antara perkara yang dimaklumkan kepada Yang Berhormat Seremban termasuklah kelemahan syarikat berkenaan dalam Projek KVDT Fasa Satu termasuk kelewatan peralatan yang tidak mencukupi dan pekerja kompeten yang tidak mencukupi. Sekiranya, projek KVDT2 dianugerahkan kepada syarikat tersebut sumber yang sama akan digunakan untuk kedua-dua fasa KVDT menyebabkan masalah yang lebih besar kepada kedua-dua fasa. Ini antara perkara yang telah dimaklumkan pada Yang Berhormat.

**■1250**

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Seremban dalam perbahasan Belanjawan 2021, beliau ada mengemukakan beberapa perkara termasuk tuduhan yang tidak berasas oleh syarikat berkenaan, okey. Keputusan untuk menamatkan surat setuju terima (SST) Projek KVDT 2 yang mana perjanjian rasmi projek belum ditandatangani, bukan keputusan seorang insan bernama Wee Ka Siong. Bukan saya sendiri tetapi dibuat oleh Jemaah Menteri selepas mempertimbangkan pelbagai input termasuklah pandangan Jabatan Peguam Negara.

Kementerian Pengangkutan Malaysia telah menyenaraikan baik buruk dalam mempertahankan keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan PH dan penamatan SST dalam Memorandum Kabinet yang berkenaan. Semasa mengesahkan minit berkaitan keputusan untuk menamatkan SST pada 2 September 2020, Kementerian Pengangkutan turut mengemukakan pandangan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertarikh 1 September 2020 yang mengesahkan bahawa perolehan projek KVDT zaman PH tidak dilaksanakan mengikut prosedur perolehan kerajaan semasa dan...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Itu satu lagi tipu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Meluluskan projek tersebut.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Itu satu lagi fakta yang menipu dan mengelirukan Dewan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sepatutnya ditawarkan secara tender terbuka.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat, tipu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat..

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Apakah yang tidak mengikut prosedur? Kita bawa dalam Kabinet juga.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, saya sedang membaca satu fakta...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat, mengelirukan Dewan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Satu surat yang telah dikeluarkan oleh Ketua Suruhanjaya...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Siapakah yang buat projek ini? Projek...  
[Sistem pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Seremban. Tolong.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, Yang Berhormat Menteri akan beri laluan. Silakan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat..

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Dia tipu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tak sabar dia hendak dengar fakta ini. Saya...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Bukan saya tidak sabar tetapi Yang Berhormat tipu. Yang Berhormat mengelirukan Dewan...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya cabar... *[Sistem pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, pohon bawa bertenang. Kita dengar dahulu apa Yang Berhormat Menteri cakap.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Akan tetapi, dia tipu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan cakap macam itu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Melenting ini fasal apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan cakap macam itu. Kita dengar dahulu.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh].*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Seremban. Please. Silakan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, fakta ini yang saya sampaikan, kalau ada apa-apa unsur yang saya menipu, saya letak jawatan. *[Dewan riuh] [Tepuk]*

Saya cuba beritahu pada 1 September 2020, Ketua Pesuruhjaya SPRM menulis surat kepada saya, saya maklumkan kepada Kabinet yang mana Datuk Seri Azam Bakri kata dalam suratnya dia kata, “*Perolehan projek KVDT zaman PH tidak dilaksanakan mengikut prosedur perolehan kerajaan semasa dan merumuskan projek tersebut...*”

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Siapakah yang bagi projek itu? Projek itu diberikan oleh Liow Tiong Lai.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sepatutnya ditawarkan secara tender terbuka.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Kamu pun menjadi Kabinet pada masa itu. *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Seremban. Yang Berhormat Seremban. Kita dengar jawapan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong, tolong.

[Dewan riuh].

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ketika Yang Berhormat jadi Menteri, BERNAMA menyiaran satu berita dengan besar pada tahun 2018. Yang Berhormat sendiri yang kata, buat tender terbuka harga dia akan kurang.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Memang betul kita hendak buat tender terbuka tetapi siapa yang bagi projek itu?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tetapi, tetapi...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Projek itu telah diberikan oleh Liow Tiong Lai.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kenapa, kenapa Yang Berhormat...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Liow Tiong Lai yang bagi projek itu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tengok Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** You are... [Sistem pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat – Wah, Ini bukan cara kita berbahaslah, kan. So, bawa bertenang. Kita dengar dahulu apa Yang Berhormat Menteri cakap. Selepas itu nanti kalau ada masa kita beri laluan. Yang Berhormat Menteri, silakan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, saya tak nak bertengkar macam itu. Saya cuma kata pada tahun 2018, mantan Menteri kata buat secara tender terbuka. Akan tetapi, tahun 2009 hakikatnya ialah ditawarkan secara rundingan terus. Itu sahaja. Itu adalah komen daripada SPRM.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Adakah itu salah? Adakah itu salah? Saya hendak tanya?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tadi you cakap SPRM kata itu prosedur salah. Saya hendak tanya, adakah itu salah?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kalau Yang Berhormat tidak setuju, boleh berunding dengan Ketua Pesuruhjaya SPRM, itu surat...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Jangan ambil SPRM. Kamu yang cakap. Yang Berhormat yang cakap dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat yang tuduh kita kata prosedur itu salah. Prosedur yang sama diguna pakai oleh dulu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Kita buat bagi balik sebab kita tidak mahu ada implikasi perundangan.

**Seorang ahli:** Ya. [Tepuk]

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Itu masalahsebab, projek itu diberikan oleh Liow Tiong Lai, *you are part of the Cabinet... [Sistem pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Alright. Tolong, Yang Berhormat. Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bawa bertenang, bawa bertenang. Nanti *heart attack* nanti. Yang Berhormat Menteri, silakan.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, saya bertenang. Saya minta jangan cakap, biar saya habiskan dahulu. Belum habis lagi. Yang Berhormat melenting sebab Yang Berhormat tak nak tahu fakta dia. Saya baca apa yang...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Beritahu apa fakta itu?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tak payah hendak putar-belit, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, kalau surat itu wujud..

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya hendak tanya sekarang, berapakah implikasi perundangan? *How much the government has to pay?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sekejap saya akan baca.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Baca!

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Eh! Kenapa ini? *[Sistem pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai tuduhan-tuduhan dalam afidavit Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat DMLTAT bertarikh 27 Oktober 2020 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Seremban, ia adalah satu fitnah dan pembohongan. Setelah menerima afidavit tersebut, saya telah meminta nasihat undang-undang termasuk daripada PUU, MOT dan dinasihatkan supaya membersihkan nama saya melalui proses perundangan kerana afidavit tersebut dilindungi oleh *absolute privilege principle*.

Namun, saya telah menjangkakan perkara ini akan dipolitikkan. Walaupun saya tidak sangka Yang Berhormat Seremban yang mempolitikkannya. Ini memandangkan rekod beliau yang memperjuangkan tender terbuka bagi projek KVDT sebelum ini. Saya telah memaklumkan kepada Jemaah Menteri mengenai kewujudan afidavit tersebut pada 6 November 2020 sebelum Yang Berhormat bawa di Dewan Rakyat dan pegawai yang bersama dengan saya dalam perjumpaan dengan syarikat tersebut juga telah membuat laporan polis pada 5 November 2020 untuk menolak segala tuduhan fitnah yang dilemparkan sebelum perkara ini diputarbelitkan oleh Yang Berhormat Seremban.

Saya cuma kata oleh sebab itu dalam mahkamah. Saya tidak mahu *sub judice*. Saya tak komen merit kes itu. *[Dewan riuh]* Oleh sebab itu, saya kata apa Yang Berhormat lemparkan kepada saya, saya rasa terpanggil untuk menjawab.

Sekali lagi saya mencabar Yang Berhormat Seremban untuk mengulangi tuduhan atau sindiran beliau di luar Dewan yang mulia, bahawa saya telah menamatkan SST kepada syarikat DMLTAT untuk kepentingan peribadi saya. Saya pasti akan mengambil tindakan undang-undang untuk membersihkan nama saya.

Sebagai bekas Menteri Pengangkutan, jelaslah. Jelasnya Yang Berhormat Seremban menyedari isu sebegini. Saya menasihati Yang Berhormat supaya berbicara dengan hati terbuka dan berhenti menjadi jurucakap syarikat berkenaan. Biarlah mahkamah yang tentukan.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya jurucakap kepada rakyat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Pendirian saya adalah jelas dan tiada apa pun yang perlu saya..

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ini Parlimen, saya dilantik oleh rakyat untuk menjadi jurucakap kepada rakyat. Ini Parlimen... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Itu jawapan Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya, boleh saya komen sedikit tidak?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita ikut Peraturan 66(3), apabila kita membahaskan pada peringkat dasar mengenai bajet ini, dia kata, "...perbahasan hendaklah dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran kerajaan

*berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua anggaran-anggaran biasa dan Pembangunan”.*

Saya terpanggil untuk bertanya sama ada perkara yang kita perbahaskan ini adalah berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan atau tidak? Tak adupun kan?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab. Perkara yang saya bahaskan memang ada berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan. Ini kerana, keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ayer Hitam memberikan implikasi perundangan kepada kerajaan yang mungkin perlu membayar pampasan yang besar kepada syarikat tersebut.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Itu yang saya bangkitkan. Ini kerana, ia memberikan implikasi kewangan kepada kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemudian, ia...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Dia mengambil satu keputusan tanpa mengambil kira implikasi perundangan dan kewangan kepada kerajaan, kepada rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, okey. Yang Berhormat, andaikan ia adalah mengenai Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua anggaran-anggaran biasa dan pembangunan, maka kita dengarlah Yang Berhormat Menteri menjawab kerana ia telah pun dibangkitkan. Silakan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perjelaskan di sini, itu keputusan oleh saya. Satu keputusan yang telah diminitkan, dijilidkan sebagai satu minit Jemaah Menteri pada 28 Ogos 2020 dan disahkan sekali lagi dan dibincangkan sekali lagi dan diperakui dan dijilidkan pada 2 September 2020.

Apa kena-mengena dengan saya? Kalau Yang Berhormat kata tidak ada pandangan lain, Yang Berhormat, saya boleh buka jilid itu ada. Kalau dicabar di mahkamah kita boleh buka. Tidak ada masalah. Jadi, tentang merit kes, asas pertimbangan dan berapa banyak semua dinyatakan dengan jelas termasuk pandangan daripada semua pihak.

Jadi, saya hendak jelaskan Yang Berhormat boleh berhujah, tetapi hak kita untuk menerangkan apa yang sebenarnya berlaku. Mengenai tuduhan bahawa hak LTAT akan terjejas susulan daripada penamat SST kepada syarikat DMLTAT.

■1300

Saya boleh mengesahkan di sini bahawa Jemaah Menteri telah membuat keputusan bahawa sesiapa yang memenangi tender bagi Projek KVDT2 yang akan dibuat kelak perlu bekerjasama dengan LTAT, di mana penglibatan LTAT sebagai rakan

usaha sama boleh dijadikan sebagai syarat wajib dalam tender baharu Projek KVDT2 untuk melindungi kepentingan LTAT dan kontraktor bumiputera. Yang Berhormat Seremban, kalau tidak pasti, jangan buat andaian yang bukan-bukan. Perkara ini telah dibincangkan, diminitkan dalam Jemaah Menteri. Saya hendak sahkan sekali lagi, pada 2 September 2020. Peratusan kemajuan projek keseluruhan yang dikemukakan oleh pihak...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat, sekarang yang bawa kes kerajaan, termasuk LTAT.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Apa dia?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang bawa... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Seremban, saya telah bagi banyak kelonggaran. Saya telah bagi banyak kelonggaran kepada Yang Berhormat Seremban. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat ada 15 minit belasah saya. Saya duduk di katil hospital, dengar sahaja. Inilah peluang untuk saya terangkan faktanya. Itu sahaja. Kalau Yang Berhormat setuju, kita boleh bincang di luar. Cabar saya, saya cabar Yang Berhormat buat sindiran di luar sekali lagi.

Peratusan kemajuan projek keseluruhan yang dikemukakan oleh Projek DM-LTAT kepada Kementerian Pengangkutan adalah 12 peratus sahaja setakat 13 September 2020 dan bukannya 24 peratus seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Seremban.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seremban juga telah membangkitkan isu mengenai penarikbalikan pengecualian dasar kabotaj untuk menggunakan kapal asing bagi memperbaiki kerosakan kabel dasar laut seperti yang diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada tahun lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan untuk membatalkan pemberian pengecualian dasar kabotaj bagi kerja pembaikan kabel tersebut sudah dimaklumkan kepada Jemaah Menteri pada 13 November 2020 iaitu sebelum Yang Berhormat bangkit di Dewan Rakyat. Keputusan tersebut telah dibuat berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan seperti berikut:

- (i) mengurangkan aliran keluar wang asing dalam bentuk bayaran *freight* atau perjanjian penyewaan kapal (*charter party*) dan insurans di dalam *balance of payment* akaun negara;
- (ii) mengurangkan kebergantungan negara kepada kapal asing dengan meningkatkan penyertaan syarikat perkapalan tempatan dalam perkhidmatan domestik;

- (iii) membina kapasiti perkapalan domestik dan meningkatkan keupayaan dalam sektor perkhidmatan domestik;
- (iv) meningkatkan kepakaran teknikal melalui pembangunan sumber manusia dalam kalangan warga tempatan; dan
- (v) memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin dengan mengurangkan pengoperasian kapal asing diperairan Malaysia.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Penjelasan. Bagi jalanlah.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya bagi. Sekejap, saya habiskan dua, tiga perenggan lagi. Okey? Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan negara di dunia mengamalkan dasar kabotaj yang ketat iaitu 92 buah negara di dunia. Termasuk negara-negara jiran kita seperti Indonesia dan Filipina.

Sebagai contoh di Indonesia, hanya kapal daftaran Indonesia iaitu kapal tempatan sahaja yang dibenarkan untuk beroperasi. Amerika Syarikat, negara yang sering menegakkan konsep pasaran serta persaingan terbuka juga mengamalkan dasar kabotaj yang amat ketat bagi melindungi sektor perkpalannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil kira pertimbangan-pertimbangan yang disebutkan tadi, berdasarkan kepada dua siri perbincangan yang dipengerusikan oleh saya sendiri bersama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Telekom Malaysia, TIME dotCom Berhad dan Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Malaysia (MASA) pada 8 September 2020 dan 8 Oktober 2020, maka dengan kuasa yang diturunkan kepada Menteri Pengangkutan di bawah seksyen 65(U) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, saya telah meluluskan pembatalan pengecualian berkenaan yang diwartakan P.U.(B) 592 berkuat kuasa mulai 15 November 2020.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Beri jalanlah.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sekejap lagi. Satu perenggan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pengangkutan telah membangunkan sistem elektronik DSL (eDSL) untuk mempermudah permohonan lesen perkapalan dalam negeri dan *domestic shipping license* bagi membolehkan, membenarkan kapal asing untuk melaksanakan aktiviti tertentu setelah MASA mengesahkan ketidaan kapal tempatan yang boleh melaksanakan projek yang dipohon oleh kapal asing tersebut.

Pengecualian DSL dapat diproses dengan lebih cepat dan ia secara langsung telah mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembalikan kabel dasar laut oleh kapal asing sekiranya benar-benar perlu.

Yang Berhormat Seremban, tanggungjawab Kementerian Pengangkutan adalah melindungi kepentingan rakyat Malaysia dan memupuk industri perkapalan domestik. Keputusan ini bukan sesuatu keputusan unilateral seperti mana yang didakwa. Sesi-sesi libat urus telah dibuat sebelum ini. Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Malaysia telah menyampaikan penghargaan kepada Kementerian Pengangkutan atas pembatalan pengecualian dasar kabotaj yang telah diberikan. Ia bermula dari tahun 1980.

Apabila zaman Yang Berhormat Seremban jadi Menteri, beri pengecualian. Oleh sebab itulah, setelah MASA membangkitkan isu ini, kenapa tidak beri peluang kepada mereka kalau ada kapal tempatan? Apakah salahnya kita beri pada kontraktor tempatan yang mereka gunakan di Malaysia?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Bagi jalan. Bagi jalan. Ada tidak...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya bagi, saya bagi. Yang Berhormat, bertenang.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Masa sudah habis.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya bagi. Okey, Yang Berhormat tanya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Masa sudah habis pun tidak bagi. Tipulah ni.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan sambung. Saya akan sambung.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, saya bagi peluang. Jangan tidak ambil peluang ini. Tanyalah.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat, saya hendak tanya yang pertama. Berapa syarikat yang ada buat *business* ini? Dasar kabotaj yang saya bagi pengecualian bukannya untuk keseluruhan. Hanya untuk satu segmen iaitu untuk pembaikan kabel. *Cable repair*. Betul ada syarikat tempatan yang terlibat dalam *cable laying* iaitu memasang kabel.

Akan tetapi syarikat-syarikat telekomunikasi ini memerlukan syarikat yang membuat *repair* dengan kadar yang cepat. Kadar tempoh masa yang diperlukan, mengikut satu kajian, Malaysia memerlukan 27 hari sebelum *cable repair* itu dapat dibuat. Itu sebabnya saya bagi pengecualian untuk memudahkan proses itu.

Sepertimana yang diperkatakan oleh Google, oleh Facebook, ini antara faktor yang penting untuk mereka melabur dalam negara kita untuk *data centre*. Akan tetapi apa yang dibuat oleh Yang Berhormat telah memberikan satu kesan kepada syarikat-syarikat ini yang mungkin hilang keyakinan kepada Malaysia untuk mereka melabur dalam *data centre* di Malaysia kerana masa yang diperlukan itu panjang.

Jadi, apa yang kita buat ialah memastikan kepentingan negara daripada segi keseluruhannya. Bukannya kepentingan satu, dua syarikat. Syarikat itu memang tidak

ada kapal pun sekarang ini. Kapal yang diperlukan ialah DP2, untuk makluman Yang Berhormat. DP2.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, boleh saya jawab?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Jawablah.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya tidak lari, dua soalan yang dibawa.

Pertama, beliau sendiri menyatakan *Facebook* dan juga *Google*. Kenyataan yang dibuat di *Malaysiakini* semalam. Saya akan jawab satu per satu. Pertamanya, kita telah berbincang dua kali. Salah satu perkara yang dibawa oleh telco Malaysia, ini yang disebut, *data centre*. Akan tetapi sedarkah Yang Berhormat, di Malaysia kita ada 19 kabel. Kemudian, dua lagi dalam peringkat pembinaan, 21. Apabila berlakunya kerosakan, *rerouting* boleh dibuat. Pertama, dari segi teknikal.

Kedua, Yang Berhormat kata mereka hendak masuk ke Malaysia. Sekarang kita tidak kata sekat. Kalau ada di bawah persatuan *ship owner association* MASA, ada ahlinya yang boleh buat, mereka menggunakan warga tempatan. Kenapa tidak kita beri peluang? Sama juga...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Masalahnya, tidak ada... [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, beri Yang Berhormat Menteri jawab. Yang Berhormat telah tanya soalan. Kita biarkan Yang Berhormat Menteri jawab.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat potong stim ini. Saya baru cakap fasal ini. Kita tetap benarkan, kalau tidak ada kepakaran Malaysia, MASA diberi masa tertentu. Oleh sebab itu saya kata dalam aplikasi *online DSL*, kita sudah pendekkan masa. Betul Yang Berhormat kata *27 days*. Akan tetapi kalau lokal, dari segi mobilisasi *within 10 days*. Masa 10 hari boleh siap. Kalau ada, kenapa tidak?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat, saya tanya. Ada tidak sekarang yang ada kepakaran?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kejap, kejap.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Sekarang ini, *at this moment*. Semasa Yang Berhormat meletakkan dasar kabotaj itu, ada tidak syarikat yang mampu buat kerja itu? Ada kah tidak?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ada.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *You are lying!* [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bawa bertenang. Yang Berhormat Menteri tengah jawab ini. Silakan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, ia tidak beradab kata kita menipu. Oleh sebab belum dengar jawapan lagi. Saya hendak beritahu Yang

Berhormat, MASA ini adalah satu proses kita mendapatkan ulasan mereka sama ada, ada kepakaran Malaysia atau tidak. Itu sahaja. Kedua, kalau ditanya ada tidak kepakaran itu? Ada. Yang Berhormat sebut DP1, DP2. Saya pun dua kali mesyuarat dengan mereka. Saya tanya kenapa ada keperluan untuk DP1, DP2. Apabila saya bawa dua-dua pihak, kami jadi pengadil, kita dengar.

■1310

Apa yang diperlukan ialah kepakaran, *technical know-how*, bukan jenis kapal. Kedua, kalau dikatakan DP1 dan DP2 itu satu keperluan, kenapa syarikat-syarikat Malaysia masih lagi mendaftar di syarikat di Indonesia. Mereka melakukan kerja yang sama, perantau di Jepun dan Taiwan juga mereka buat kerja. Ini adalah syarikat milik Malaysia. Mereka berasa janggal kenapa negara sendiri, kita tidak bagi pengecualian kalau kita ada kepakaran.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Oleh sebab itu saya kata dalam hal ini, saya kena terangkan Yang Berhormat, satu pengecualian diberi oleh Yang Berhormat, akhirnya atas rayuan Persatuan Pemilik kapal Malaysia (MASA), kita memikirkan ianya ada sesuatu yang tidak memudaratkan pelaburan asing. Oleh sebab apa? Kalau mereka melabur di China ataupun melabur di Jepun...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tak, tak, itu tidak betul.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** ...masih ada polisi kabotaj, sama juga.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong sekejap.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Soalan ini telah dinyatakan oleh pihak MASA kepada telco, masih ada polisi kabotaj. Kalau mereka pergi ke US, mereka terpaksa juga berdepan dengan polisi kabotaj yang melindungi kapal-kapal tempatan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Jadi saya rasa dalam soal ini, kita telah mengambil pandangan semua. Jadi, biarlah ianya sebagai satu kuasa yang telah diturunkan seperti diturunkan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat memberi pengecualian.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Hendak minta penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kali ini cuma satu saja, kita bagi sedikit sela masa kepada persatuan *ship owner* Malaysia. Kalau ada kepakaran, gunakan

kepakaran di Malaysia. Kalau tidak ada, mereka bebas dan kita boleh mempercepatkan proses itu. Itu yang saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isu yang sama. Boleh dapat penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, ada dua tiga...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Biar saya, sikit lagi saya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Isu yang sama.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isu ini, isu ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Isu yang sama, kabotaj.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kalau masa diizinkan, saya tidak ada masalah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya tanya soalan kerana ini melibatkan telekomunikasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, saya dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua, *last* lima minit ya. Silakan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Okey, boleh tanya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih. Pertama sekali Yang Berhormat Menteri, kita mengambil masalah ini dari sudut aduan yang dibawa. Aduan yang dibawa ialah bila ada kerosakan, maka kerja membaik pulih mengambil 27 hari. Itu dengan sendirinya menunjukkan bahawa kita tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk menyelesaikan masalah itu.

*This is one of the problem that we have* dan Yang Berhormat Menteri, saya terdengar di sini bahawa Yang Berhormat Menteri seolah-olahnya tidak tahu bahawa apabila kita buat perundingan dengan syarikat-syarikat yang besar ini, *Facebook* dan sebagainya, satu lagi perkara yang mereka boleh menuntut atau minta ialah untuk kita pastikan bahawa masalah ini diselesaikan. Ini supaya mereka boleh membuat pelaburan dalam negara ini.

Selepas mereka buat pelaburan, kita *reverse* pula polisi tersebut. Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri fikir bahawa *rerouting it is a solution to the problem, I think* Yang Berhormat Menteri *don't understand the problem at all*.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapat penjelasan yang sama.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Apa yang telah dihuraikan dalam *Malaysiakini* kononnya bila *line* ini tidak ada, dia tidak boleh buat *rerouting*. Itu yang pertama. Saya t kata tidak boleh. Kenapa syarikat-syarikat *giant tech* ini, mereka juga membuat *back*

up? Sama juga kalau TIME dotCom di Malaysia. Kalau rosak dia mesti buat *rerouting*, satu perkara yang sama juga.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, *it never solve the problem.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kedua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini masalah dia.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Biarkan saya jawab. Biar saya jawab Yang Berhormat. Tak ada, tak ada masalah, saya boleh jawab. Oleh sebab apa, Yang Berhormat kata 27 hari. Saya boleh tunjuk satu gambar rajah pada Yang Berhormat. Kalau kapal itu ada di Malaysia, *within 10 days*, sepuluh hari boleh buat. Kenapa kita nak menganak tirikan warga negara....

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Masalahnya kapal tnak ada Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu sebabnya....

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** *That is the problem, you don't understand.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Masalah dia itu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat mungkin sudah *outdated*. Saya hendak maklumkan pada Yang Berhormat,

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apa yang *outdated*? Apa yang kita dapat daripada Kementerian Pengangkutan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya hendak beritahu Yang Berhormat....

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Dia pemain industri, tanya pemain industri.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau ada orang lokal, dia boleh buat. Tak ada masalah.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tidak ada syarikat dibawa sebagai ahli MASA yang boleh membuat kerja kerana mereka terbukti telah menjalankan aktiviti pemberaan yang sama di kawasan-kawasan serantau termasuk Indonesia, Singapura dan sebagainya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, itu sebabnya kita ada masa 27 hari.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya boleh bagi pengesahan nama dan syarikat dan pada hari ini....

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *You don't understand the problem.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Pada hari ini, Yang Berhormat kena faham, MASA juga telah mengesahkan oleh kerana ada dasar ini, mereka boleh menghidupkan *capacity building* untuk negara kita.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu boleh dilakukan tanpa...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sebab itu mereka buat re...[Tidak jelas] di Malaysia.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Even with cabotage, that can be done. That can be done.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, *the cabotage policy are so valid.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tapi soal yang adakah kita ada kepakaran, kita tidak ada kepakaran.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong :** *This is the only exemption Yang Berhormat.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kita tidak ada kepakaran, oleh itu mengambil masa 27 hari. Oleh itu kita melihat perlunya...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tidak. Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...perlunya kita mengatasi masalah ini kerana yang datang ke Malaysia untuk membuat *data centre* dan sebagainya, mereka minta supaya kita ada satu sistem di mana ada masalah, kita boleh selesaikan dengan segera. Apa masalah dengan perkara itu?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Okey, saya jawab.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini saja. *It's a simple as that.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong :** Tidak apa, duduk, duduk. Saya jawab.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Rerouting does not solve the problem, Mr. Minister.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *You don't know what you are talking about.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong :** Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, saya mengatakan dalam konteks kalau dia kata data itu hilang. Itu *rerouting* boleh dibuat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dalam konteks berbeza. *You didn't say it earlier. You didn't say it earlier.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, saya sudah jawab.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sekarang sudah tukar konteks. *You are misleading the House. You don't know what you are talking about.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Did you say it earlier?*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *Please sit down.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Did you say it earlier?*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *You are not the Speaker, you are not the Speaker.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *So please.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tidak boleh cakap. Rujuk balik.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Tidak jelas]*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya mula menjawab selepas...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Mislead the House.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya tidak.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *You have done it.* Tadi nak kata, nak bagi peluang kepada Menteri Pengangkutan untuk jawab.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya mulakan dengan menjawab dengan apa yang dilaporkan dalam *Malaysiakini* semalam.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bagilah dia peluang untuk jawab. You datang sini, cakap, cakap, cakap. Tapi tak nak dengar soalan. Kalau betul-betul jantan, *let him ask you question.*

*[Tepuk]*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tanyalah.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat, dia jantanlah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya dapat penyelesaian tentang laporan ini. Microsoft...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kalau macam ini saya susah muahu jawab Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya beritahu Yang Berhormat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Memang susah hendak jawab, saya pun boleh rasa dari sini *you cannot answer.* You do not know what to say. Jangan putar belit sampai bila.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya tanya Yang Berhormat. Saya tanya Yang Berhormat. Kalau kapal dari Asia yang paling dekat dari mana? China, *seven days.* Kenapa tadi *seven days?* Nombor satu kita kena pasti jenis pemberian apa. Kita sediakan tender, panggil tujuh hari, 27 hari sampai sini. Itu kalau...

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** *You are lying again* Yang Berhormat Minister, 27 days bukan sebab kapal kena datang lama. Oleh sebab proses itu, sebab proses untuk memohon DSL perlu dirujuk kepada MASA dulu..

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yes.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Itu yang sebab itu saya bagi pengecualian.  
*That's the issue, you don't understand. You don't answer the question.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat. Yang Berhormat. Saya cukup bersabar. Saya cuma hendak kata...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Mengapa tidak kalau 'Capax' Malaysia boleh melakukan pembaikan. Syarikatnya, Optic Marine ada, di bawah MASA.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Dia tidak ada kapal yang diperlukan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ada.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** *You asked the industry players, ask Google, ask Facebook, tanya mereka.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini perbincangan yang kita adakan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini laporan...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *You go and tell people..*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kalau macam itu Yang Berhormat. Saya hendak beritahu Yang Berhormat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kita bagi permission minta pelaburan asing datang, kemudian kita *change just like that*.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tidak.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *It doesn't make sense.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat mengelirukan Dewan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Apa yang saya bentang Yang Berhormat....

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apa yang mengelirukan Dewan? Saya tahu, saya berada dalam perbincangan tersebut. Bagaimana boleh mengelirukan Dewan? *You were not in those discussion.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *I involve in the discussion. Itu discussion.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Discussion shopping data centre in this country. Were you in the discussion? Come on.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Tidak jelas]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *You are not in the discussion because you are not the Minister concern.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya tanya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *This is telecommunication.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kita dapat pandangan daripada MCMC, daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** ...daripada kementerian.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri boleh dapat pengesahan. Ada laporan dari Prime Microsoft.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Boleh saya jawab.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...yang mengata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Semua Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat Menteri masa sudah cukup. Yang Berhormat hendak jawab secara bertulis kah, Yang Berhormat hendak jawab.....

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ini, dua minit saja saya gulung ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat Menteri. Sebelum Yang Berhormat Menteri hendak menjawab, kalau dua minit Yang Berhormat Menteri tidak mencukupi, saya takkan bagi masa ya. Dua minit.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri hendak tanya. Laporan mengatakan *Microsoft, Google, Facebook said Transport Minister decision will affect quality of Malaysia's internet infrastructure at economic.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini laporan betul tidak? Adakah *giant tech* ini, *tech giant* ini sudah merayu kepada kerajaan, Perdana Menteri tentang keputusan Menteri? Hendak minta satu penjelasan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Memang betul apa yang dikatakan Yang Berhormat Beruas. Itu memang betul. Ianya akan mempunyai kesan. *It is something that so obvious and general* tapi Yang Berhormat Menteri saja tidak boleh nampak.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat, saya hendak ulangi. Keputusan ini tidak dibuat secara unilateral. Dibincangkan antara dua kementerian dengan pihak-pihak berkepentingan. Itu yang saya hendak maklumkan. Kalau Yang

Berhormat hendak teruskan, tidak apa. Bagi saya, saya mengatakan bahawa kita bagi peluang kepada MASA. Kalau dalam tempoh tertentu tidak ada kapal Malaysia yang mempunyai kepakaran, maka kita buka. Itu bukan satu isunya. Jadi ini berlaku pada negara-negara jiran, yang mana dasar itu tetap lagi dan mungkin perlu...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jadi sekarang terima mungkin mereka tidak ada kepakaran dan mungkin perlu ada untuk kita kaji semula. Itu adalah pendirian. *So now you accept it.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Jadi sebagai kesimpulan, bagi soalan-soalan Yang Berhormat yang tidak saya sempat jawab, saya akan buat secara bertulis dan sepertimana yang saya janjikan dan setiap satu akan kita jawab secara tertib. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri, Kementerian Alam Sekitar dan Air. Silakan, dua puluh minit.

■1320

1.20 ptg.

**Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Harap bertenang semua. *[Membaca selawat]*

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seramai 18 Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan KASA terutamanya isu alam sekitar dan air yang dapat dikategorikan kepada tiga isu utama iaitu:

- (i) bekalan air dan sumber air;
- (ii) pengurusan banjir; dan
- (iii) pengurusan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi ulasan dan pandangan terhadap isu-isu utama yang dibangkitkan pada sesi perbahasan pada kali ini.

Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Tampin dan Yang Berhormat Bachok telah pun menyentuh isu pencemaran dan memohon kerajaan mengatasinya isu pencemaran alam sekitar yang kerap berlaku.

Kementerian menyambut baik cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Tampin dan Yang Berhormat Bachok berkaitan dengan isu pencemaran yang perlu ditangani secara bersepada dengan pelbagai dan penglibatan kerajaan negeri dan kerajaan tempatan.

Tindakan secara bersepada ini akan meningkatkan lagi keberkesanan strategi atau tindakan yang diambil terutamanya dalam melaksanakan penguatkuasaan ke atas

punca-punca pencemar sama ada daripada industri, projek pembangunan ataupun lain-lain punca. Tindakan yang lebih berfokus akan digerakkan oleh Jabatan Alam Sekitar dalam memantau premis-premis yang menghasilkan efluen industri dan buangan terjadual.

Justeru itu, kementerian bersama-sama kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan dan agensi lain yang berkaitan akan terus bekerjasama dalam menangani isu pencemaran. Antaranya ialah melalui pelaksanaan operasi-operasi bersepadu dalam pelbagai agensi dan penguatkuasaan yang dilaksanakan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Selain itu, kementerian juga telah pun menubuhkan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar bagi memperkasakan lagi penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Penubuhan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar adalah bertujuan bagi mencegah dan membanteras serta membendung kes-kes pencemaran alam sekitar.

Dalam mencari solusi dan pendekatan yang terbaik di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, KASA akan terus menyelaras dan membincangkan penambahbaikan untuk memantapkan pengurusan alam sekitar negara dalam mesyuarat MEXCOE yakni Mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar dan Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenai alam sekitar. Mesyuarat MEXCOE ini diadakan sebanyak dua kali setahun bagi penyelarasan aspek-aspek yang telah dibangkitkan tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain itu, Jawatankuasa Bertindak Alam Sekitar di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Exco Alam Sekitar Negeri juga berperanan dalam menyelaraskan tindakan-tindakan ke atas isu-isu pencemar alam sekitar yang melibatkan bidang kuasa pelbagai agensi.

Ini termasuk membanteras kilang-kilang haram dan punca-punca lain seperti aktiviti penternakan, perlombongan, pengorekan pasir, pertanian, restoran serta pasar yang sebahagiannya menyebabkan punca-punca berlakunya pencemaran. Pelaksanaan dan pemantauan adalah melalui mesyuarat yang diadakan secara berkala yang melibatkan Jabatan Alam Sekitar dan pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan dan negeri serta PBT.

Untuk makluman Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Tampin, berdasarkan kepada peruntukan perundangan sedia ada di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan di bawah seksyen 46E, ada diperuntukkan tanggungjawab pencemar sekiranya berlaku pencemaran alam sekitar. Seksyen ini memberi kuasa tambahan kepada mahkamah selain daripada penalti. Mahkamah juga boleh memerintahkan orang yang disabitkan bersalah untuk membayar pampasan atau ganti

rugi atau apa-apa kos yang berkaitan dengan kesan daripada pencemaran yang dilakukan oleh orang-orang yang terkesan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Majlis, dalam hal ini juga, kementerian bersama dengan Jabatan Alam Sekitar akan menjalankan kajian lanjut bagi menentukan kaedah kadar bayaran dan mekanisme kutipan ses serta pelaksanaan yang praktikal dengan mengambil kira situasi semasa di bawah seksyen 36A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap pengeluar buangan berjadual. Bayaran ses yang sedang dikaji adalah merupakan sumbangan ke dalam Kumpulan Wang Alam Sekeliling untuk pengeluar buangan dalam mencegah dan mengawal pencemaran alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Tampin juga telah memohon kerajaan menjelaskan langkah-langkah yang diambil dalam memastikan kesinambungan dan kelestarian alam adalah terjamin.

Untuk makluman Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Tampin, pembangunan lestari didefinisikan sebagai pembangunan yang dilaksanakan untuk memastikan kerosakan minimum ke atas alam semula jadi. Idea pembangunan lestari dibentuk berdasarkan konsep dan prinsip pembangunan secara berterusan dan bermatlamat untuk memenuhi keperluan masa kini tanpa menjadikan keperluan generasi akan datang.

Justeru itu, kemajuan pembangunan ekonomi harus diseimbangkan dengan penjagaan alam sekitar. Dalam menjaga kepada keseimbangan alam sekitar, kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana peruntukan akta ini mensyaratkan perancangan pembangunan projek di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 di mana dalam konteks ini, penggerak projek perlu menyediakan kajian penilaian kesan (EIA) sebelum boleh memulakan sebarang aktiviti bagi memastikan penjagaan terhadap alam sekitar.

Selain itu, pembangunan lestari juga menekankan aspek alam sekitar yang terpelihara daripada punca-punca pencemaran. Dalam bab ini, di atas prinsip-prinsip alam sekitar tanggungjawab bersama, kaedah pemantauan kendiri atau *self-regulation* dan pemantauan berterusan adalah merupakan elemen penting dalam memastikan pembangunan lestari dapat kita capai. Pendekatan ini adalah memupuk kebertanggungjawaban kepada semua pihak dalam merancang, mengawal selia dan memastikan kelangsungan alam sekeliling kita kekal terpelihara.

Mengenai ucapan Belanjawan 2021, KASA mengambil maklum akan Dana Amanah Malaysia Sustainable Development Goal (SDG) dengan peruntukan permulaan berjumlah RM20 juta yang diperuntukkan. Dalam hal ini, KASA akan merencanakan peruntukan ini bagi tujuan kelestarian alam sekitar sekiranya diberi

ruang dan peluang bagi mencapai sasaran SDG berkaitan alam sekitar dan kita akan menyusun langkah-langkah yang perlu dilaksanakan.

Kementerian juga telah memulakan program kerjasama bersama universiti-universiti tempatan yang dinamakan *Green Campus Tour* yang menekankan penekanan dan pendekatan holistik terhadap kelestarian alam sekitar di kalangan pelajar-pelajar universiti. Universiti memainkan peranan yang penting dalam memperjuangkan dan mengutamakan pembangunan lestari alam sekitar bersama-sama dengan pihak kerajaan selain daripada menjadi rujukan ilmu dan kepakaran dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tampin dan Yang Berhormat Kangar telah meminta kerajaan menjelaskan sejauh mana kementerian membantu kepada persatuan dan NGO alam sekitar.

Untuk makluman Yang Berhormat Tampin dan Yang Berhormat Kangar, kementerian sentiasa menghargai jasa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menjalankan usaha ke arah pemuliharaan alam sekitar. NGO-NGO ini juga bertindak sebagai mata dan telinga kementerian terutamanya bagi melaporkan kes-kes pencemaran atau dikacau ganggu kepada alam sekitar. KASA sentiasa menyokong inisiatif dan program NGO dalam usaha melestarikan alam sekitar.

Malaysia telah pun menerima geran daripada dana antarabangsa iaitu *Global Environment Facility* (GEF) bagi melaksanakan semua geran program di mana diuruskan oleh UNDP dan Jawatankuasa Pemantau Kebangsaan yang dipengerusikan oleh KASA.

Untuk makluman Dewan yang mulia, program ini menawarkan insentif berbentuk geran pembiayaan kepada NGO dan pertubuhan masyarakat sebanyak USD50,000 disediakan untuk melaksanakan projek pemeliharaan alam sekitar di peringkat komuniti.

Untuk makluman Dewan yang mulia, semenjak tahun 2001 hingga Oktober 2020, program ini telah membiayai 233 buah projek yang berkaitan alam sekitar, perubahan iklim dan biodiversiti yang jumlah geran sebanyak USD8.45 juta atau bersamaan dengan RM34.6 juta dan sebanyak 158 NGO dan pertubuhan masyarakat yang menerima manfaat daripada program yang telah diperkenalkan.

Kementerian sentiasa melibatkan NGO alam sekitar dalam proses membangun dan melaksanakan dasar-dasar berkaitan alam sekitar dan perubahan iklim melalui sesi libat urus seperti dialog, bengkel, seminar dalam membuat ulasan, bahkan dalam membuat ulasan terhadap laporan EIA. Untuk makluman kita semua, pada masa yang sama, kementerian sentiasa menjalin kerjasama strategik dengan NGO dalam memperkuuhkan program kesedaran alam sekitar bagi memupuk kesedaran yang berkesan kepada masyarakat.

Yang Berhormat Setiu membangkitkan soal kita kerajaan mempertimbangkan cadangan aduan berkaitan jenayah alam sekitar dapat disalurkan melalui 999.

Untuk makluman Yang Berhormat Setiu, talian 999 adalah kemudahan untuk mendapatkan bantuan terutama yang melibatkan keselamatan nyawa. Buat masa ini, sistem bersepadu ini hanya menggabungkan perkhidmatan kecemasan bagi lima agensi iaitu PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

#### ■1330

Untuk makluman semua, Jabatan Alam Sekitar telah mempunyai sistem pengurusan aduan kecemasan di mana melalui *hotline* JAS di 1800-88-2727. Untuk makluman kita semua, pada tahun 2019 talian ini telah pun menerima aduan sebanyak 3,308 aduan manakala tahun 2020 hingga kini, kita menerima 2,650 aduan. Dengan kata lain bahawa talian *hotline* JAS telah pun menjadi satu maklumat kepada umum.

Oleh itu, cadangan supaya aduan berkaitan jenayah pencemaran alam sekitar juga disalurkan melalui talian 999 walaupun merupakan satu cadangan yang baik tetapi ia merupakan suatu integrasi yang membolehkan suatu kajian dibuat lebih lanjut dalam pengurusan ini. Untuk makluman Dewan yang mulia, beberapa perbincangan awal telah pun dilakukan dengan pihak-pihak yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh soal yang dibangkitkan berhubung dengan sektor bekalan air. Ada soalan? Sila.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2017, satu program pengawasan kualiti alam sekitar atau *Environmental Quality Monitoring System or EQMP* telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan tujuan pemantauan pencemaran alam sekitar.

Sebanyak 85 buah stesen dibina untuk pengawasan kualiti udara, sebanyak 1,353 buah stesen untuk pengawasan air sungai dan 398 buah stesen untuk air marin. Sebuah syarikat namanya Pakar Scieno TW Sendirian Berhad telah diberikan konsesi untuk menerajui sistem EQMP selama 15 tahun bermula tahun 2017 dan kos program EQMP itu adalah sebanyak RM855 juta.

Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri memaklumkan Dewan yang mulia ini, mengapa selepas membelanjakan hampir RM1 bilion kepada PSTW Sdn. Bhd. itu sistem EQMP masih gagal memberi *warning* pencemaran apabila pencemaran sungai sering berlaku. Ini sedangkan mekanisme amaran awal memang adalah satu *job scope* dalam program EQMP itu.

Saya hendak tahu juga, dalam Bajet 2021 sebanyak RM40 juta telah diperuntukkan kepada KASA. Saya hendak tahu, daripada jumlah ini berapa diberi kepada syarikat PSTW ini? Ya, sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Soal yang dibangkitkan itu memang kita akui bahawa projek ini telah pun diberi bagi pemantauan pencemaran sungai dan sebagainya. Persoalan pertama yang dibangkitkan ialah kenapa masih berlaku pencemaran.

Untuk makluman, yang mutakhir ini berlaku ialah pencemaran bau. Pencemaran bau ini merupakan salah satu antara mekanisme yang kita masih lagi guna sistem manual, bukan sistem *monitoring* sebagaimana yang telah dimaklumkan. Alatan yang dipasang itu ialah berhubung dengan pencemaran yang selain daripada faktor-faktor bau yang dapat dikesan. Adapun pencemaran yang menyebabkan bau, yang kita tidak boleh bagi notis kepada pengguna kerana ia masih lagi secara manual untuk mengesan.

Oleh sebab itu efeknya makin besar. Untuk soalan yang dibangkitkan, peruntukan sebanyak RM40 juta yang disenaraikan dalam peruntukan tahun hadapan, sebanyak 30 buah stesen pemantauan akan dipasang. Hingga setakat ini kita belum memutuskan kepada syarikat mana akan diberi.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah berkenaan dengan signal syarikat ini atau program ini telah gagal memberi signal *early warning*.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Untuk makluman, pemasangan ini bukan hanya untuk sungai dan ia melibatkan pencemaran udara dan seluruh aspek pencemaran. Jadi, oleh sebab itu hendak kata ia gagal sebenarnya tidak. Ini kerana kita masih lagi menggunakan pemantauan yang telah pun dipasang. Cuma apa yang saya bangkitkan tadi, yang berlaku mutakhir ini ialah pencemaran bau yang tidak termasuk dalam skop yang telah pun diberikan kepada EMP.

Jadi, oleh sebab itu tidak boleh kita menyalahkan syarikat tersebut. Untuk makluman bahawa kita juga dengan penambahan 30 buah stesen pemantauan melalui peruntukan RM40 juta ini kita harapkan bahawa beberapa elemen kelemahan yang ada itu dapat kita atasi. Ini khususnya bagi memasang sistem pemantauan di kawasan lembangan sungai bagi monitor tentang perkembangan naik turun air dan sebagainya khusus bagi membuat persiapan awal kepada elemen-elemen banjir dan sebagainya. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Boleh Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Sila satu soalan.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Segambut ada membangkitkan mengenai keperluan untuk mengadakan *task force* mingguan kerana melibatkan pencemaran bau ini melibatkan banyak agensi, yang kali terakhir di Selangor melibatkan IWK, SPAN, Air Selangor dan juga PBT.

Kalau yang saya dengar tadi jawapan ada mesyuarat berkala tetapi mungkin dua kali setahun yang kita lihat sekarang ia ada impak ekonomi juga kerana seluruh Selangor dan Kuala Lumpur terkesan daripada gangguan ini. Jadi, kalau boleh kerana ia melibatkan beberapa buah kerajaan negeri seperti Negeri Sembilan dan Selangor, bagus kalau *task force* ini boleh dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dan sangat kerap. Kalau boleh setiap minggu kerana ini adalah macam satu isu kecemasan bagi kita di sini. Terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Terima kasih kepada cadangan dan saya mengambil cadangan itu untuk kita perhalusi. Untuk makluman, mesyuarat MEXCOE ini dua kali setahun ialah mesyuarat peringkat MEXCOE iaitu mesyuarat bersama Exco negeri-negeri. Adapun perbincangan di peringkat negeri-negeri seperti Selangor, dengan Negeri Sembilan dan sebagainya sentiasa kita adakan. Walau bagaimanapun, terhadap cadangan itu saya ucap terima kasih dan pihak kementerian akan mengambil maklum.

Baik, Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh soal bekalan air. Masih banyak, beberapa aspek lagi. Yang Berhormat Papar membangkitkan isu yang menyatakan apakah *joint role* yang dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan dan kementerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya semua keutamaan bagi melaksanakan sesuatu projek di sesuatu negeri ditentukan oleh Kerajaan Negeri tersebut.

Ini termasuk di negeri Sabah di mana pembangunan bekalan air dirancang oleh Jabatan Air Negeri Sabah. Manakala pihak Jabatan Air kemudiannya akan mengemukakan permohonan melalui kerajaan negeri berdasarkan keutamaan negeri kepada kementerian yang berkaitan. Isu bekalan air bersih bagi rumah-rumah di kawasan luar bandar terletak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Manakala bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar yang dibiayai secara langsung yakni bukan dalam bentuk pinjaman, diberi geran kepada kerajaan dan permohonan akan dikemukakan melalui KPLB. Manakala projek bekalan air yang dibiayai secara pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan akan dikemukakan kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Papar juga, Jabatan Air Negeri Sabah dan agensi pelaksana bagi projek ini dan status semasa projek adalah seperti berikut. Perunding projek telah pun dilantik pada 19 Januari 2020 manakala kerja-kerja reka bentuk sedang dijalankan dan ia dijangka di tender pada suku ketiga tahun 2021. Projek ini dijangka disiapkan dalam tahun 2024 yang melibatkan penambahan kapasiti loji rawatan air di Kogopon iaitu daripada 40 juta liter sehari kepada 80 juta liter sehari.

Yang Berhormat Bagan memohon kerajaan menjelaskan sama ada bajet Belanjawan 2021 merangkumi bajet naik taraf infrastruktur air Selangor, Kelantan dan Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat Bagan, Kerajaan Persekutuan melalui KASA telah pun memperuntukkan sebanyak RM12 juta untuk Selangor, manakala RM15.3 juta kepada Kelantan dan RM17.8 juta kepada Pahang bagi tahun 2021 dan ini merupakan sebahagian besarnya projek sambungan. Yang Berhormat Bagan tidak ada dalam Dewan. Tidak mengapa, sekadar makluman untuk kita. Ini projek penyambungan dan peruntukan memang disediakan.

Yang Berhormat Raub, ada? Okey terima kasih. Yang Berhormat Raub membangkitkan tentang pembinaan loji rawatan air di Raub. Untuk makluman Yang Berhormat, perunding untuk ketiga-tiga projek LRA di Raub telah dilantik pada 17 April 2020. Tender untuk projek ini telah dipanggil pada 1 Oktober 2020 dan tutup pada 2 November 2020. Untuk LRA Sungai Bilut, Sungai Semantan pada 3 November 2020 dan untuk LRA Sungai Kelau. Bermakna untuk ketiga-tiga ini telah pun dikeluarkan tender dan telah pun dimulakan proses untuk membekalkan air.

#### ■1340

Ketika ini penilaian tender sedang dilaksanakan dan untuk makluman juga kita sedang merancang untuk membina satu takungan sebanyak RM18 juta diperuntukkan supaya sedimen ataupun kekotoran, kekeruhan air itu dapat kita kawal kerana isu besar yang berlaku di ketiga-tiga loji ialah kekeruhan yang melebihi tahap 1,000 kadar yang telah ditentukan. Oleh itu kita perlukan satu takungan bagi mengurangkan kadar pencemaran.

Yang Berhormat Lahad Datu, memohon supaya satu loji rawatan air baharu dibina di Segama. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah pun meneruskan secara pinjaman sebanyak RM270 juta yang melibatkan kerja-kerja berikut. Pertama, pembinaan loji rawatan air kapasiti 60 juta liter sehari dan kedua, dua buah tangki dengan kapasiti 26.6 juta liter sehari dan pemasangan paip pelbagai saiz sepanjang 28 kilometer.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ada lagi 20 minit. Saya kalau boleh hendak selesaikan dengan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sebab banyak lagi kementerian belum habis. Boleh Yang Berhormat bagi jawapan bertulis? Minta maaf Yang Berhormat.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Saya minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana tidak sempat waktu dan *insya-Allah* jawapan-jawapan ini kita akan jawab secara bertulis dan perbincangan boleh kita adakan selepas ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia. Harap-harap pukul 2.00 petang kita boleh selesai. Terima kasih.

#### **1.41 tgh.**

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu Kementerian Sumber Manusia ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat begitu prihatin berkaitan hal ehwal perburuhan semasa, perbahasan dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2021.

Sepanjang perbahasan seramai 24 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan pandangan, saran dan teguran yang cukup membina di mana sebanyak 35 isu yang menyentuh empat kluster utama di bawah peranan dan tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia. Kluster pertama adalah berkenaan isu pengangguran dan peluang pekerjaan. Kluster kedua adalah berkenaan dengan perlindungan keselamatan sosial pekerja. Kluster ketiga pula berkaitan latihan dan pembangunan sumber manusia negara dan kluster keempat adalah mengenai gaji minimum.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tekankan di sini, Belanjawan 2021 menunjukkan kerajaan komited terhadap aktiviti pengukuhan ekonomi melalui pemerkasaan modal insan dan pasaran buruh negara. Kementerian Sumber Manusia telah di peruntukan sebanyak RM1.288 bilion bagi perbelanjaan tahunan. Manakala, sebanyak RM4.134 bilion disediakan untuk program-program perlindungan keselamatan sosial, latihan kemahiran dan insentif pengambilan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun mengharungi cabaran pandemik COVID-19 hampir 10 bulan. Dalam tempoh sukar ini pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan terutamanya dalam isu perburuhan demi memelihara kesejahteraan serta kelangsungan hidup rakyat. Adalah amat jelas pekerja dan majikan yang terjejas amat memerlukan sokongan dan bantuan kerajaan.

Ini dapat dilihat dalam perbahasan Belanjawan 2021 di mana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyuarakan kebimbangan mereka berhubung isu pengangguran, pemberhentian kerja dan peluang pekerjaan serta latihan kemahiran di negara ini. Sepanjang tempoh yang mencabar ini, kerajaan amat memahami keluh kesah yang dirasai rakyat.

Sehubungan itu, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif termasuk di bawah pakej PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan KITA PRIHATIN dalam usaha menangani kesan pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, sasaran sebanyak 500,000 peluang pekerjaan. Pakej Rangsangan ini bertujuan membantu melindungi pekerjaan yang sedia ada, meningkatkan kemahiran bagi menambah baik, kebolehpasaran mencari kerja dan membantu mendapatkan sumber pendapatan baharu bagi mereka yang hilang pekerjaan. Sepertimana yang dicadangkan di bawah Belanjawan 2021, dalam usaha kerajaan untuk mengatasi soal pengangguran kerajaan telah menyasarkan sejumlah 550 peluang pekerjaan untuk rakyat dengan peruntukan sebanyak berjumlah RM3.7 bilion.

Untuk mencapai sasaran ini, tiga inisiatif di bawah Skim Jaminan Penjanaan Pekerjaan (JanaKerja) telah dirancang yang di mana dua inisiatif telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Sumber Manusia. Pertama, insentif PenjanaKerjaya di bawah PERKESO dan kedua, Program *Reskilling and Upskilling* di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan lain-lain kementerian.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Port Dickson dan Yang Berhormat Pontian, melalui insentif PenjanaKerjaya di bawah PERKESO, cadangan peruntukan sebanyak RM2 bilion dijangka dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada sejumlah 200,000 orang pencari kerja.

Tuan Yang di-Pertua, manakala di bawah Program *Reskilling and Upskilling* dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1 bilion adalah bagi pelaksanaan program peningkatan kemahiran dan latihan semula untuk sejumlah 200,000 orang pelatih. Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta sasaran untuk memberi latihan kepada sejumlah 20,000 orang pelatih.

Tuan Yang di-Pertua, Program Subsidi Upah ataupun dikenali sebagai PSU. Kerajaan melalui pelbagai pakej rangsangan ekonomi telah menyediakan satu dana yang amat besar berjumlah hampir RM18 bilion untuk memelihara kesejahteraan serta kelangsungan hidup pekerja dan majikan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri M. Saravanan:** ...melalui Program Subsidi Upah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedikit. Boleh saya bertanya sikit? Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Pada permulaannya, PSU dilaksanakan dengan kadar RM600 sebulan...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri M. Saravanan:** ...Untuk tempoh tiga bulan mulai bulan April.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Walau bagaimanapun, setelah..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri ada dua, hendak layan kah atau hendak bagi jawapan?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, Pontian bertanya Yang Berhormat.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Saya habis PSU dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Apa dia?

**Datuk Seri M. Saravanan:** Saya hendak habis Program Subsidi Upah, nanti saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Dengar habis dulu. Silakan.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak, kerajaan telah membuat keputusan untuk menambah baik PSU di bawah pakej PRIHATIN PKS Tambahan iaitu berdasarkan saiz perusahaan dengan kadar lantai RM600 hingga RM1,200.

Sekali lagi kerajaan telah menunjukkan kesungguhan untuk membantu majikan dan pekerja di mana pada 5 Jun 2020, PSU telah dilanjutkan bagi tempoh tiga bulan mulai Julai 2020 dan berakhir pada bulan September 2020. Seperti yang saya telah maklumkan pada awal penggulungan saya, ketidaktentuan kesan pandemik yang berlarutan ini telah merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan majikan-majikan menerima tamparan yang hebat.

Maka pada 23 September 2020, kerajaan sekali lagi telah mengumumkan satu lagi pakej rangsangan dikenali sebagai pakej KITA PRIHATIN yang membawa kepada pelaksanaan PSU 2.0 melibatkan dana berjumlah RM2.4 bilion. PSU 2.0 ini dilanjutkan untuk tiga bulan lagi mulai Oktober sehingga Disember tahun ini. Terima kasih. Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya. Saya ada bertanya dalam perbahasan sejumlah 500,000 peluang pekerjaan yang ingin diwujudkan pada tahun hadapan itu. Apakah dari segi pecahan mengikut sektor? Nampak belum dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Satu lagi tentang Program Subsidi Upah (PSU) ini saya membaca dalam laporan akhbar ada penipuan-penipuan oleh majikan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Penipuan yang bagaimana itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekejap, Yang Berhormat Johor Bahru pun sama?

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Soalan yang berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Berkaitan, boleh Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua persoalan berkaitan dengan Program Subsidi Upah.

Pertama, pemahaman saya program itu terguna pakai kepada mereka yang mencarum kepada PERKESO. Jadi, ada beberapa aduan yang saya terima memaklumkan bahawa selama ini majikan mungkin tidak membayar caruman. Dalam keadaan mereka ini pekerja di paras rendah maksudnya mungkin selama ini tidak ambil maklum mengenai caruman dan sebagainya.

Akan tetapi bila berlaku musibah, mereka ini tidak dapat ataupun tidak termasuk dalam rangkuman subsidi upah. Itu yang pertama. Jadi, bagaimana untuk kita membantu. Mereka masih bekerja tetapi hasil ataupun kegagalan daripada majikan menyebabkan mereka ini tidak termasuk dalam jaringan perlindungan kita.

Kedua pula, yang Yang Berhormat Pontian sebut tadi pun saya bersetuju sebab ada juga yang pemahaman pekerja ada subsidi upah itu sepatutnya sebanyak RM600 tetapi ada yang tidak mendapat jumlah keseluruhan yang mungkin dicukai oleh majikan.

Perkara yang ketiga berkaitan subsidi upah— minta maaf panjang sikit ini untuk Yang Berhormat Menteri. Saya mendapat aduan daripada pemandu-pemandu bas ekspres contoh yang spesifik sebab mereka ini selama ini mendapat gaji secara *trip* ataupun maksudnya bila buat kerja tersebut. maka ada gaji.

Akan tetapi bila tidak ada *trip* disebabkan PKPB dan sebagainya, maka mereka tidak ada gaji dan mungkin caruman itu terganggu. Jadi, menyebabkan mereka ini sebelum ini mungkin tiga bulan pertama mendapat manfaat subsidi upah tetapi bila terhentinya perkhidmatan mereka ini, bagaimana untuk kita pastikan mungkin caruman itu terhenti tetapi cadangan kerajaan PSU 2.0 ini terus memberi manfaat kepada golongan pekerja sedemikian.

■1350

Jadi, mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tuan Yang di-Pertua, Kangar. Sedikit fasal PSU.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Klang benda yang sama?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ya. Sama, sama.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya lain sedikit, tetapi PSU.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sama. Yang Berhormat Ipoh Barat benda yang sama?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Dengan Yang Berhormat Kangar benda yang sama?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ya, PSU.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekejap ya. Yang Berhormat boleh tidak mereka kumpul. Kumpulkan soalan boleh? Silakan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Boleh, boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan tadi. Soalan saya adalah berkait dengan PSU 2.0. Sekarang kita dapat bahawa PSU dengan PSU 2.0 ini ditujukan kepada pekerja-pekerja di sektor formal yang mana mereka bayar kepada SOCSO dan sebagainya.

Akan tetapi, kita ada satu kumpulan yang besar iaitu lebih kurang sejumlah 40 peratus daripada pekerja Malaysia adalah daripada sektor informal. Mereka sekarang tidak ada apa-apa perlindungan oleh kerajaan ataupun— adalah tetapi menerusi PENJANA dan juga PRIHATIN.

Akan tetapi, bukan sistematik. *[Tidak jelas] systematic, it is one-off.* So, saya minta kerajaan supaya, adakah kerajaan bercadang untuk memberi kelonggaran kepada PSU 2 supaya pekerja informal boleh menggunakan PSU 2 untuk menampung keluarga mereka. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya hendak tanya keadaan sekarang ialah apabila upah subsidi dibayar ini adalah kepada yang menyumbang kepada ini. Akan tetapi, kita pada dasarnya perlu satu *social security net* kepada semua pekerja. Jangan kita asingkan yang dibayar atau tidak dibayar. Adakah apa-apa cadangan kerajaan untuk merangkumi mereka? Juga dalam hal ini, saya rasa satu antara perkara adalah penyelewengan yang sedang

berlaku. Apakah tindakan telah diambil? Adakah ini efektif untuk membanteras perkara sedemikian? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sebab saya ada terima aduan daripada perusahaan kecil dan sederhana yang terima PSU. Mereka telah menerima bayaran untuk April dan Jun, tetapi bayaran untuk Julai dan September tidak diterima. Ini aduan yang saya terima ini daripada perusahaan kecil dan sederhana di Selangor yang mana apabila berlaku PKPB mereka tidak dapat bermiaga, jadi mereka sekarang berada dalam keadaan yang sempit. Saya ingat mungkin kementerian boleh buka satu talian aduan dan sebagainya untuk kes-kes yang begini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua, tambah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ya. *Last.* Boleh kah?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Yang terakhir. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Benda yang sama Yang Berhormat?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Benda yang sama dengan Yang Berhormat Ipoh Barat. Hendak tambah sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua kalau boleh.

**Seorang ahli:** Wanita diutamakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Okeylah, wanita diutamakan. Silakan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, begini – Saya juga ada bawakan cadangan yang sebenarnya disambut oleh Yang Berhormat Timbalan Yang Berhormat, dalam perbahasan juga yang memberikan secara automatik perlindungan untuk ke semua anak-anak muda di Malaysia berumur 16 tahun ke atas. Maksudnya, bila berlaku sedemikian, maka sebahagian besar pekerja kita yang tidak dirangkumi dalam *social security* dapat dibantu. Jadi, saya hendak tahu mungkin sama dengan Yang Berhormat Ipoh Barat tentang pendirian dan langkah ke hadapan di bawah kementerian Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang penting hari ini kita lihat satu suasana yang mana hala tuju yang sama, di antara pembangkang dan kerajaan supaya kita sama-sama pastikan nasib warga kerja dibela. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat beberapa cadangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, melibatkan akta. Keseluruhan PERKESO ini untuk memperlindungkan mengikut akta yang sedia ada iaitu untuk memperlindungkan mereka yang mencarum. Itu mengikut kadar biasa. Akan tetapi, hari ini kami duduk dua-dua belah menghadapi satu cabaran baru yang mana kita perlu membela nasib rakyat tanpa memberi alasan.

Maka, saya setuju dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu akta yang sedia ada perlu dikaji. Saya bagi jaminan saya akan pastikan kementerian dan PERKESO mengkaji akta yang sedia ada secara terperinci untuk menyesuaikan keadaan semasa pada masa akan datang supaya kita dapat membantu golongan ini.

Seterusnya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian. Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 500,000 peluang pekerjaan ini di semua sektor – di pelbagai sektor. Ia masih lagi di peringkat awal dan saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat apabila kita meluluskan bajet ini dalam tempoh hari dan seterusnya kita mengamalkan peluang-peluang yang sedia ada. Mengenai...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

**Datuk Seri M. Saravanan:** ...Cadangan daripada Yang Berhormat Klang...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Okey.

**Datuk Seri M. Saravanan:** ...Daripada Yang Berhormat Klang, sama ada seramai 400,000 orang yang terlibat dalam sektor informal ini – seperimana saya sebut tadi, kita masih sedang mengkaji tentang bagaimana sebagai sebuah kerajaan dan sebagai agensi kerajaan kita boleh membantu golongan ini walaupun mereka tidak termasuk dalam akta ataupun peraturan-peraturan yang sedia ada.

Akan tetapi, saya secara ikhlas saya bagi jaminan, usaha kementerian – saya sebagai Menteri Sumber Manusia dan sebagai insan yang memahami masalah yang dihadapi oleh warga kerja, saya akan mengambil langkah-langkah positif dan mencari cara yang terbaik tentang bagaimana kita boleh membantu. Walaupun setakat ini kami terikat dengan akta-akta dan peraturan-peraturan sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini yang mana melalui belanjawan – pada masa yang sama, saya juga ada terima aduan-aduan yang menyatakan bahawa ada juga syarikat-syarikat– walaupun PSU ini disalurkan kepada syarikat untuk memastikan mereka terus beroperasi. Akan tetapi, ada juga syarikat-syarikat yang mengambil kesempatan walaupun sudah terima subsidi upah, tetapi tidak menyalurkan kepada pekerja masing-masing.

Syarikat-syarikat ini telah pun dikenal pasti dan disenaraihitamkan serta ada juga syarikat-syarikat telah dirujuk kepada SPRM untuk tindakan selanjutnya. Pada masa yang sama, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar, sila kemukakan aduan tersebut kepada saya...

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya...

**Datuk Seri M. Saravanan:** Tak. Saya belum habis Yang Berhormat Kangar lagi. Yang Berhormat Kangar telah membangkitkan isu tetang ada syarikat tidak menerima subsidi upah. Sila kemukakan kepada saya dan saya akan semak balik. Mungkin ada sebab-sebab tertentu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Okey, Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Saya akan semak dan saya akan pastikan. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa tidak mengizinkan saya, biar saya teruskan. Walau bagaimanapun, PSU kali ini adalah diberi bersasar...

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Ada satu soalan...

**Datuk Seri M. Saravanan:** ...khususnya untuk membantu pekerja dalam sektor pelancongan termasuk...

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Boleh saya tanya penjelasan.

**Datuk Seri M. Saravanan:** sektor-sektor runcit. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Saya hendak teruskan, ada isu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat. Dia hendak habiskan.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Termasuk sektor peruncitan dengan kadar sejumlah RM600 sebulan bagi pekerja bergaji sebanyak RM4,000 dan ke bawah. Secara keluruhan, kementerian berpendapat Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju untuk menyokong bahawa PSU telah terbukti berkesan dalam membantu pekerja dan majikan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada beberapa isu yang telah dan baru dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi keseluruhan Program Subsidi Upah – setiap program Yang Berhormat ada kecacatan. Kita tidak boleh lari daripada kecacatan dan kesilapan. Walau bagaimanapun, keseluruhan dengan Program Subsidi Upah ini kita sempat menyelamatkan lebih daripada sebanyak 300,000 buah syarikat dan seramai 2.7 juta orang warga kerja. Itu yang penting, walaupun ada sedikit kecacatan. Akan tetapi, kita boleh jamin kita akan mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini perkara yang menjadi fokus utama kerajaan adalah untuk menjana dan mengekalkan pekerjaan serta merangsang pertumbuhan ekonomi. Ini sekali gus mengurangkan kadar pengangguran dalam negara. Selanjutnya, beberapa strategi jangka masa pendek dan jangka masa panjang telah dirancang oleh pihak kerajaan bagi menangani isu pengangguran. Inisiatif Belanjawan 2021 melalui Program PenjanaKerjaya merupakan strategi jangka pendek yang telah diperkenalkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa penambahbaikan telah dilakukan bagi Program PenjanaKerjaya dalam Belanjawan 2021 yang mana cadangan sebanyak RM2 bilion telah diperuntukkan untuk pelaksanaan program ini. Ia dijangka dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada seramai 250,000 orang pencari kerja.

Selanjutnya, berkenaan Program Peningkatan Kemahiran dan Latihan Semula, dengan izin *reskilling* dan *upskilling* yang turut disediakan di bawah PERKESO dan PSMB dijangka boleh mengurangkan jurang kemahiran terutamanya dalam bidang kemahiran digitalasi dan kemahiran-kemahiran yang lain yang berpandukan perkembangan IR 4.0.

Dengan usaha-usaha murni kerajaan yang saya sebutkan sebentar tadi, menjadi harapan kementerian ini agar keimbangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Lubok Antu dan Yang Berhormat Kuala Langat dapat diatasi supaya kelangsungan hidup rakyat sentiasa terbela dan terjamin dengan izin, so, *they will have food on the table and some money in their pocket*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Kementerian Sumber Manusia juga amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat, mantan Menteri Sumber Manusia atas keprihatinan beliau terhadap pekerja-pekerja dalam sektor penerbangan, perhotelan dan pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

#### ■1400

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) sehingga 13 November 2020, seramai 955,995 orang pekerja yang mencarum dengan SIP telah diberhentikan kerja. Faedah yang telah dibayar

adalah sebanyak RM290 juta bagi membantu pencarum yang kehilangan pekerjaan mereka. Bagi sektor penerbangan, perhotelan dan pelancongan, seramai 40,796 orang pekerja telah berdaftar dengan SIP dan sebanyak RM110 juta telah diluluskan untuk pembayaran setakat ini.

Dalam perbahasan tempoh hari, isu Malindo Airways sekali lagi dibangkitkan dalam perbahasan Rang Undang-undang (Perbekalan) 2021. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 15 November 2020, seramai 1,086 orang pekerja Malindo Airways telah pun mengemukakan permohonan untuk mendapatkan bantuan faedah SIP.

Daripada jumlah tersebut, seramai 749 orang penerima faedah telah menerima bantuan SIP yang berjumlah RM828,000. Selebihnya, baki permohonan sedang dalam proses tindakan PERKESO. Kepada Yang Berhormat Kapar yang menyatakan kerisauan beliau berhubung isu pembayaran-pembayaran SIP. Ingin saya menyatakan di sini, jika terdapat sebarang kes kegagalan pembayaran...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri, berapa minit lagi?

**Datuk Seri M. Saravanan:** Lagi lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya kena buatkan bawah Peraturan Mesyuarat 12(3) kalau lagi lima minit. Kalau tidak, sambung esok.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Lima minit?

**Datuk Seri M. Saravanan:** Boleh habis dalam masa lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 12(3), saya akan melanjutkan masa Mesyuarat ini pada hari ini, tidak lebih daripada 15 minit bagi menamatkan perkara yang patut diselesaikan.

Selama lima minit ya. Silakan.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, masih lagi berkenaan isu SIP. Yang Berhormat Ipoh Barat telah membangkitkan berkenaan peruntukan sebanyak RM150 juta yang disediakan untuk SIP tidak mencukupi untuk menampung seramai 800,000 orang yang kehilangan pekerjaan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dalam hal ini.

Sebenarnya cadangan sebanyak RM150 juta adalah dana tambahan untuk menampung lanjutan selama tiga bulan iaitu daripada enam bulan kepada sembilan bulan daripada di bawah elan mencari pekerjaan. Niat ikhlas dengan peruntukan RM150 juta oleh pihak kerajaan adalah supaya kita dapat terus membantu seramai

130,000 orang sementara mereka mendapat pekerjaan baharu. Berkenaan dana yang diperuntukkan, kerajaan sentiasa prihatin dengan...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Saya habiskan dahulu. Kerajaan akan sentiasa melihat dan menilai situasi sedia ada dari semasa ke semasa untuk memastikan perlindungan keselamatan sosial pekerja sentiasa dipelihara. Pada masa yang sama, kementerian amat menghargai bentuk cadangan yang membina yang telah dibangkitkan semasa perbahasan belanjawan ini, termasuk cadangan-cadangan Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan SIP. Satu daripada jawapan yang telah diberikan kepada saya minggu lalu mengatakan bahawa SIP memang ada dana lebih kurang RM1.2 bilion. Itu *reserve funds* yang sedia ada kepada SIP.

Soalan saya ialah memandangkan bahawa banyak pekerja sekarang hendak wang untuk menampung keluarga dan format yang diberi dan diguna pakai oleh SIP sekarang ialah untuk bulan pertama sebanyak 80 peratus. Selepas itu, sebanyak 60 peratus, 40 peratus dan sebagainya. Kita tukar format itu tetapi kita sekarang *across the board* untuk satu tahun kita bagikan sebanyak 80 peratus seperti yang diamalkan di negara-negara lain.

Saya bangkitkan isu ini sebab pekerja yang telah hilang kerja tidak akan dapat kerja baru dalam masa enam bulan ataupun lapan bulan yang akan datang. Akan tetapi keluarga mereka mesti hidup. Makanan mesti disediakan untuk keluarga mereka. So, satu cara untuk fikirkan isu ini ialah untuk memberikan *across the board for six months or eight months, 80 percent of the wages that they received from before*. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, SIP menggunakan kaedah apabila ada seseorang pekerja hilang peluang pekerjaan, kita bagi sebanyak 80 peratus daripada gaji terakhir dengan *capping* sebanyak RM4,000.

Seterusnya, sebanyak 50 peratus, 50 peratus dan ketiganya selepas itu, sebanyak 40 peratus dan akhirnya, sebanyak 30 peratus. Dalam pada masa yang sama, kami cadangkan supaya mereka berdaftar dengan *MYFutureJobs* di mana PERKESO ataupun Kementerian Sumber Manusia akan mencari peluang-peluang pekerjaan kepada mereka dengan memberi *hiring incentives* kepada majikan pada masa yang sama. Walau bagaimanapun, kita akan lihat secara mendalam sejauh

manakah cadangan Yang Berhormat boleh dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, program *reskilling* dan *upskilling*. Izinkan saya beralih kepada cadangan Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Ipoh Barat...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, hendak tanya tentang SIP.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Yang Berhormat Ipoh Barat, mengenai pelaksanaan program— Tuan Yang di-Pertua, saya ada cuma satu minit lagi. Okey.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** SIP.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Mengenai pendekatan program peningkatan kemahiran dan latihan semula atau *reskilling* dan *upskilling* yang sedang dilaksanakan pihak kerajaan. Cadangan kedua-dua Ahli Yang Berhormat sememangnya ada asas bagi memastikan pelatih yang mengikuti program tersebut dijanjikan penempatan pekerjaan sejurus selepas tamat latihan.

Sehubungan dengan itu, kementerian melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah melaksanakan Skim *Place and Train*, di mana sebelum ini *Train and Place*. Kita bagi latihan, baru cari kerja. Sekarang kita tukar, *you carikan peluang pekerjaan*, baru mula latihan. Ini supaya satu keadaan yang terjamin. Di bawah inisiatif HRDF, skim ini adalah kaedah yang telah diperbaharui dan ditambah-baik daripada modul Skim *Train and Place* yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Setakat 13 November 2020, seramai 16,434 orang pelatih telah diluluskan dengan bantuan kewangan berjumlah sebanyak RM85 juta di bawah pelaksanaan Skim *Place and Train*. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,396 orang pelatih telah tamat latihan dan sedang berkhidmat dengan majikan baharu masing-masing. Di bawah pelaksanaan Skim *Train and Place*, sasaran pelatih yang telah ditetapkan adalah seramai 41,000 orang. Menjelang penghujung tahun ini, PSMB berharap dapat melatih seramai 25,000 orang pelatih lagi supaya mereka mendapat manfaat daripada skim ini.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Menteri, ada *tracer* untuk Skim *Train and Place* ini? Adakah efektif?

**Datuk Seri M. Saravanan:** Saya ucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menjalankan program seperti ini bertahun-tahun, kegagalan kita ataupun kecacatan kita adalah selepas latihan. Kita tidak ada *tracer* untuk mengenal pasti sejauh manakah kejayaan mereka selepas kita beri latihan. Sama ada mereka berjaya ataupun kita hanya memperkasakan pembekal latihan.

Maka, saya telah mengarahkan Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan agensi-agensi lain, termasuk PTPK, PERKESO dan lain-lain, termasuk HRDF supaya

setiap agensi kena ada *tracer study*. Apabila kita memberikan latihan, kita kena ada dalam satu keadaan untuk memastikan mengenal pasti kejayaan mereka.

Maka Yang Berhormat, di Pembangunan Sumber Manusia Berhad di peringkat terakhir, untuk melaksanakan *tracer study* di mana mungkin penggal hadapan kita berjumpa di Dewan yang mulia ini, saya sempat bagi senarai melalui *tracer*. Saya harap-harap Yang Berhormat meluluskan bajet ini dengan berkesan pada hari Khamis ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Datuk Seri M. Saravanan:** Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan yang bernalas. Saya bagi jaminan, setiap cadangan dan pandangan akan dikaji secara mendalam demi kebaikan negara dan pembangunan sumber manusia. Mana yang saya tidak sempat jawab pada pagi dan petang ini, saya akan pastikan kementerian akan memberikan jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi pada hari Rabu, 25 November 2020.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.08 petang]*